


A tall, modern, white building with a grid of windows stands against a blue sky with white clouds. In the foreground, there is a landscaped area with greenery and a small red and white airplane model. The bottom half of the cover features large, stylized, curved shapes in shades of brown and white.

# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2019

PENGAUDITAN PEMATUHAN  
KEMENTERIAN DAN JABATAN  
PERSEKUTUAN

JABATAN AUDIT NEGARA  
MALAYSIA





# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2019

PENGAUDITAN PEMATUHAN  
KEMENTERIAN DAN JABATAN  
PERSEKUTUAN

JABATAN AUDIT NEGARA  
MALAYSIA





# KANDUNGAN



# KANDUNGAN

	Muka Surat
<b>PENDAHULUAN</b>	<b>ix</b>
<b>PENGAUDITAN PEMATUHAN KEMENTERIAN DAN JABATAN PERSEKUTUAN</b>	
<b>1. Perolehan Kapal Peronda Generasi Kedua - <i>Littoral Combatant Ship</i> bagi Tentera Laut Diraja Malaysia dan Sistem Pertahanan Udara Starstreak bagi Tiga Perkhidmatan</b>	
1.1. Kementerian Pertahanan	<b>5</b>
<b>2. Perolehan Secara Sebut Harga</b>	
2.1. Jabatan Penjara Malaysia Kementerian Dalam Negeri	<b>21</b>
2.2. Jabatan Laut Malaysia Kementerian Pengangkutan	<b>31</b>
2.3. Politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia	<b>41</b>
<b>3. Bayaran Perkhidmatan Penyenggaraan</b>	
3.1. Tentera Udara Diraja Malaysia Kementerian Pertahanan	<b>53</b>
3.2. Polis Diraja Malaysia Kementerian Dalam Negeri	<b>59</b>
<b>4. Pematuhan Terhadap Prosedur Kehilangan Wang Awam dan Aset Alih</b>	
4.1. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat	<b>77</b>
4.2. Kementerian Pendidikan Malaysia	<b>87</b>
<b>5. Pembayaran Balik Cukai</b>	
5.1. Jabatan Kastam Diraja Malaysia Kementerian Kewangan	<b>111</b>
5.2. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Kementerian Kewangan	<b>117</b>
<b>6. Taksiran Duti Import Alkohol</b>	
6.1. Jabatan Kastam Diraja Malaysia Kementerian Kewangan	<b>127</b>
<b>PENUTUP</b>	<b>135</b>
<b>AKRONIM</b>	<b>139</b>







# **PENDAHULUAN**



## PENDAHULUAN

1. Mulai tahun 2019, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan pengauditan pematuhan terhadap kementerian/jabatan/agensi persekutuan dan negeri. Pengauditan ini selaras dengan *International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) 4000* dan 4100. Ia memberi tumpuan secara mendalam kepada sesuatu bidang utama audit (*key audit area*) berdasarkan *Risk Profiling* yang dilaksanakan terhadap setiap kementerian/jabatan/agensi persekutuan dan negeri. Pengauditan pematuhan ini menggunakan pendekatan 3P1K, iaitu mengenal pasti elemen pembaziran, pemborosan, penyelewengan dan ketirisan wang awam yang berlaku akibat daripada ketidakpatuhan terhadap undang-undang dan peraturan kewangan yang ditetapkan.

2. Laporan saya mengenai Pengauditan Pematuhan Kementerian dan Jabatan Persekutuan tahun 2019 mengandungi perkara seperti berikut:

BIL.	TAJUK PEMATUHAN	KEMENTERIAN/JABATAN PERSEKUTUAN
1.	Perolehan Kapal Peronda Generasi Kedua - <i>Littoral Combatant Ship</i> bagi Tentera Laut Diraja Malaysia dan Sistem Pertahanan Udara Starstreak bagi Tiga Perkhidmatan	i. Kementerian Pertahanan
2.	Perolehan Secara Sebut Harga	i. Jabatan Penjara Malaysia Kementerian Dalam Negeri ii. Jabatan Laut Malaysia Kementerian Pengangkutan iii. Politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia
3.	Bayaran Perkhidmatan Penyenggaraan	i. Tentera Udara Diraja Malaysia Kementerian Pertahanan ii. Polis Diraja Malaysia Kementerian Dalam Negeri
4.	Pematuhan Terhadap Prosedur Kehilangan Wang Awam dan Aset Alih	i. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat ii. Kementerian Pendidikan Malaysia
5.	Pembayaran Balik Cukai	i. Jabatan Kastam Diraja Malaysia Kementerian Kewangan ii. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Kementerian Kewangan
6.	Taksiran Duti Import Alkohol	i. Jabatan Kastam Diraja Malaysia Kementerian Kewangan

## **RAHSIA**

3. Laporan ini mengambil kira maklum balas auditi berkaitan dengan isu yang dibangkitkan. Jabatan Audit Negara memberi penekanan terhadap ketidakpatuhan isu yang dibangkitkan sebagai pernyataan audit. Bagi pengauditan pematuhan pada tahun ini sebanyak 23 syor audit telah dicadangkan.

4. Pihak kementerian dan jabatan persekutuan hendaklah memastikan pematuhan terhadap akta, pekeliling, peraturan serta kontrak yang berkuat kuasa. Agensi pusat hendaklah memantau dan mengawal selia kementerian dan jabatan untuk menjaga wang atau harta awam dan kepentingan Kerajaan.

5. Saya merakamkan penghargaan kepada semua pegawai kementerian dan jabatan yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada pegawai saya yang telah bekerja keras dan memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



**(DATO' NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)**

**Ketua Audit Negara  
Malaysia**

**Putrajaya  
7 Ogos 2020**



# 1

**PEROLEHAN KAPAL PERONDA  
GENERASI KEDUA -  
*LITTORAL COMBATANT SHIP*  
BAGI TENTERA LAUT DIRAJA  
MALAYSIA DAN SISTEM PERTAHANAN  
UDARA STARSTREAK BAGI TIGA  
PERKHIDMATAN**

○ Kementerian Pertahanan



## PEROLEHAN KAPAL PERONDA GENERASI KEDUA - *LITTORAL COMBATANT SHIP* BAGI TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA DAN SISTEM PERTAHANAN UDARA STARSTREAK BAGI TIGA PERKHIDMATAN

### Kementerian Pertahanan

---

#### Perkara Utama

#### Apa yang diaudit?

- Pengauditan Pematuhan Perolehan Kapal Peronda Generasi Kedua – *Littoral Combatant Ship* (kapal LCS) bagi Tentera Laut Diraja Malaysia; dan Sistem Pertahanan Udara Starstreak bagi Tiga Perkhidmatan di Kementerian Pertahanan (MINDEF) dilaksanakan terhadap perolehan dan pembayaran.

#### Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Menentukan pematuhan terhadap undang-undang, peraturan kewangan yang berkuat kuasa, syarat kontrak dan pembayaran dilaksanakan dengan teratur.

#### Apa yang ditemui?

- Penemuan Audit adalah seperti berikut:
  - *Liquidated Damages* (denda lewat) sejumlah RM116.54 juta tidak dikenakan terhadap syarikat atas kelewatan penyerahan kapal LCS 1 selama 245 hari dari tarikh sepatutnya diserahkan, iaitu bulan April 2019;
  - Bayaran kemajuan yang dibuat terhadap kapal LCS 1 adalah melebihi kemajuan kerja sebenar sebanyak 21.1%;
  - Denda lewat berjumlah RM15.04 juta tidak dikenakan terhadap syarikat atas kelewatan pembekalan pelancar *Lightweigher Multiple Launcher – New Generation* (LML-NG) antara 28 hingga 171 hari dari tarikh sepatutnya diserahkan, iaitu bulan September 2018; dan
  - Sembilan (9) buah kenderaan *Armoured Personnel Carrier* (APC) yang tidak menepati spesifikasi ditetapkan pihak *United Nations* (UN) menyebabkan bayaran balik yang diterima terkurang sejumlah RM2.22 juta.

## Syor Audit

- Pihak Audit mengesyor seperti berikut:
  - Menguatkuasakan klausa denda lewat terhadap syarikat atas kelewatan penyerahan dan pembekalan dengan membuat potongan daripada bayaran kemajuan seperti diperuntukkan dalam kontrak;
  - Memastikan penyediaan kontrak secara beli semula perlu mengambil kira spesifikasi atau keperluan penggunaan pihak berkaitan; dan
  - Mengenakan tindakan sewajarnya terhadap pihak syarikat atau pegawai yang tidak mematuhi kehendak dan arahan jabatan seperti yang tertakluk dalam undang-undang, peraturan kewangan, kontrak dan standard prosedur operasi.



---

# 1. PEROLEHAN KAPAL PERONDA GENERASI KEDUA - *LITTORAL COMBATANT SHIP* BAGI TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA DAN SISTEM PERTAHANAN UDARA STARSTREAK BAGI TIGA PERKHIDMATAN

## Kementerian Pertahanan

---

### 1. LATAR BELAKANG

#### 1.1. Perolehan Enam (6) Buah Kapal Peronda Generasi Kedua - *Littoral Combatant Ship*

1.1.1. Perbelanjaan pembangunan bagi kelengkapan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) pada tahun 2019 adalah sejumlah RM1.010 bilion. Daripada amaun tersebut, sejumlah RM492.21 juta atau 48.7% telah dibelanjakan bagi perolehan enam (6) buah kapal peronda generasi kedua – *Littoral Combatant Ship* (kapal LCS). Perolehan enam (6) buah kapal LCS telah diberi kelulusan oleh Kementerian Kewangan untuk dilaksanakan secara rundingan terus dengan nilai kontrak berjumlah RM9 bilion. Tempoh kontrak bermula pada 3 Oktober 2013 hingga 2 Oktober 2023. Tujuan perolehan ini bagi meningkatkan keupayaan TLDM bagi melaksanakan pelbagai operasi.

1.1.2. Pada tahun 2018, sejumlah RM762.68 juta atau 59.7% daripada perbelanjaan pembangunan berjumlah RM1.278 bilion telah dibelanjakan bagi perolehan kapal LCS. Peratus perbelanjaan yang rendah pada tahun 2019 adalah disebabkan prestasi kemajuan kerja sebenar kapal LCS tidak mencapai peratus kemajuan kerja seperti ditetapkan dalam perjanjian.

#### 1.2. Perolehan Membekal, Menghantar dan Mentauliah Sistem Pertahanan Udara Starstreak

1.2.1. Sistem Pertahanan Udara Starstreak (Starstreak) merupakan sistem pertahanan udara jarak dekat (*Very Short Range Air Defence*) bagi menggantikan Sistem Misil Starburst yang telah ditamatkan perkhidmatan pada tahun 2009. Perolehan ini dilaksanakan secara rundingan terus dengan kontrak bernilai RM897 juta. Tempoh kontrak bermula pada 3 Ogos 2015 hingga 30 Jun 2019.

1.2.2. Antara syarat kontrak perolehan Starstreak, pihak syarikat dikehendaki membeli semula Sistem Misil Starburst yang telah ditamatkan perkhidmatan dengan nilai RM60 juta. Kaedah *Buy Back* (beli semula) melibatkan sembilan (9) buah

kenderaan *Armoured Personnel Carrier* (APC) berjumlah RM45.10 juta dengan tempoh kontrak bermula pada 23 Februari 2017 hingga 30 Jun 2019. Baki sejumlah RM14.90 juta melibatkan 107 unit Van Westar Maxus V80 dengan tempoh kontrak bermula pada 17 Mei 2017 hingga 30 Jun 2019. Kaedah beli semula tidak melibatkan sebarang bayaran kepada Kerajaan.

1.2.3. Perbelanjaan pembangunan bagi perolehan Starstreak pada tahun 2019 adalah sejumlah RM84.05 juta atau 20.7% daripada RM406.35 juta di bawah butiran Kelengkapan Tiga Perkhidmatan. Jumlah perbelanjaan ini jauh lebih rendah berbanding tahun 2018 yang berjumlah RM290.24 juta atau 65.8% daripada perbelanjaan pembangunan berjumlah RM441.27 juta. Peratus perbelanjaan yang rendah pada tahun 2019 adalah disebabkan kontrak ini telah tamat pada bulan Jun 2019.

## **2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Pengauditan dijalankan bagi menentukan perolehan mematuhi undang-undang, peraturan kewangan yang berkuat kuasa, kontrak dan pembayaran dilaksanakan dengan teratur.

## **3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

3.1. Pengauditan ini meliputi kontrak bagi tahun 2018 dan 2019, seperti berikut:

- 3.1.1. Perolehan Enam (6) Buah Kapal Peronda Generasi Kedua - *Littoral Combatant Ship* (LCS);
- 3.1.2. Perolehan Membekal, Menghantar dan Mentauliah Sistem Pertahanan Udara Starstreak (Starstreak); dan
- 3.1.3. Perolehan Secara Beli Semula Sembilan (9) Buah Kenderaan *Armoured Personnel Carrier* (APC).

3.2. Sampel yang dipilih bagi perolehan kapal LCS adalah keseluruhan arahan pembayaran bagi tahun 2019 berjumlah RM492.21 juta. Bagi perolehan Starstreak, keseluruhan arahan pembayaran disemak bagi tahun 2018 dan 2019 berjumlah RM374.29 juta.

3.3. Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak dokumen dan rekod, analisis terhadap maklumat yang diperoleh, lawatan fizikal dan temu bual dengan pegawai yang terlibat.

## **4. RINGKASAN PENEMUAN AUDIT**

### **4.1. Perolehan Enam (6) Buah Kapal Peronda Generasi Kedua - *Littoral Combatant Ship***

4.1.1. Denda lewat sejumlah RM116.54 juta tidak dikenakan terhadap syarikat atas kelewatan penyerahan kapal LCS 1 selama 245 hari dari tarikh sepatutnya diserahkan, iaitu bulan April 2019.

4.1.2. Bayaran kemajuan yang dibuat terhadap kapal LCS 1 adalah melebihi kemajuan kerja sebenar sebanyak 21.1%.

### **4.2. Perolehan Sistem Pertahanan Udara Starstreak**

Denda lewat berjumlah RM15.04 juta tidak dikenakan terhadap syarikat atas kelewatan pembekalan pelancar *Lightweigher Multiple Launcher – New Generation* (LML-NG) antara 28 hingga 171 hari dari tarikh sepatutnya diserahkan, iaitu bulan September 2018.

### **4.3. Perolehan secara Beli Semula Sembilan (9) Buah Kenderaan *Armoured Personnel Carrier***

Sembilan (9) buah kenderaan *Armoured Personnel Carrier* (APC) yang tidak menepati spesifikasi ditetapkan pihak *United Nations* (UN) menyebabkan bayaran balik yang diterima terkurang sebanyak RM2.22 juta daripada RM4.25 juta.

## **5. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan telah dilaksanakan pada bulan Oktober 2019 hingga Januari 2020. Maklum balas daripada Kementerian Pertahanan (MINDEF) diterima pada 22 Julai 2020. *Exit Conference* diadakan pada 6 Julai 2020. Penemuan Audit yang dibangkitkan adalah seperti dinyatakan di perenggan 5.1 hingga 5.3.

### **5.1. Perolehan Enam (6) Buah Kapal Peronda Generasi Kedua - *Littoral Combatant Ship***

#### **5.1.1. Denda Lewat Sejumlah RM116.54 Juta Tidak Dikenakan**

a. Klausula 30.1.1 dalam kontrak utama menetapkan denda lewat akan dikenakan pada kadar 1% daripada purata harga sebuah kapal LCS sekiranya terdapat

kelewatan daripada tarikh kapal LCS patut diserahkan oleh syarikat. Berdasarkan klausa 30.1.2, sekiranya kelewatan melebihi tempoh 12 bulan, MINDEF mempunyai hak untuk menamatkan kontrak; atau meneruskan kontrak dengan memastikan syarikat menunaikan obligasinya dan MINDEF mempunyai hak menuntut denda lewat seperti di klausa 30.1.1. Pihak syarikat perlu membuat bayaran denda lewat dalam tempoh 60 hari dari tarikh *letter of demand* (surat tuntutan) yang dikeluarkan oleh MINDEF seperti dinyatakan dalam klausa 30.4.

- b. Klausa 23.1 dalam kontrak utama mengenai penyerahan fizikal telah menetapkan penyerahan enam (6) buah kapal LCS akan dibuat secara berperingkat bermula bulan April 2019 sehingga Jun 2023. Penyerahan kapal LCS 1 telah dijadualkan pada bulan April 2019. Bagaimanapun, kapal LCS 1 masih belum diserahkan sehingga 31 Disember 2019.
- c. Semakan Audit mendapati **kelewatan penyerahan kapal LCS 1 selama 245 hari dari tarikh sepatutnya diserahkan menyebabkan denda lewat sejumlah RM116.54 juta perlu dikenakan kepada syarikat sehingga 31 Disember 2019**. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 1.1.1**.

**JADUAL 1.1.1**  
**DENDA LEWAT TIDAK DIKENAKAN KEPADA SYARIKAT SETAKAT 31 DISEMBER 2019**

KAPAL PERONDA	KOS (RM Juta)	TEMPOH PATUT SERAH	TEMPOH LEWAT SERAH (HARI)*	DENDA LEWAT TIDAK DIKENAKAN (RM Juta)**
LCS 1	1,427.00	April 2019	245	116.54

Sumber: Kontrak utama (KP/PERO/2A/04-0002/RT022-08/DE) bertarikh 17 Julai 2014

Nota : \*Tarikh kelewatan dikira oleh pihak Audit mulai 1 Mei 2019

\*\*Pengiraan denda lewat adalah pada kadar :  $\frac{\text{Jumlah hari lewat} \times (1\% \times \text{kos LCS 1})}{30 \text{ hari}}$

- d. Sehingga 30 Jun 2020, walaupun kelewatan melepasi tempoh 12 bulan iaitu pada April 2020, MINDEF tidak mengeluarkan surat tuntutan kepada syarikat bagi menuntut denda lewat sebaliknya hanya mengeluarkan notis peringatan kepada syarikat pada 14 Jun 2019 atas kelewatan tersebut.

### **Maklum balas MINDEF yang diterima pada 22 Julai 2020**

Bilangan hari kelewatan penyerahan kapal LCS 1 setakat 10 Jun 2020 adalah 435 hari dengan nilai denda berjumlah RM217.50 juta. Notis tuntutan bertarikh 15 Jun 2020 telah disediakan atas nasihat Penasihat Undang-undang MINDEF setelah mengambil

kira elemen *capping* dengan nilai maksimum sejumlah RM180 juta. Notis ini telah diangkat untuk ditandatangani oleh Pegawai Pengawal. Sehingga 1 Julai 2020, status keseluruhan pembinaan kapal LCS adalah sebanyak 56.7% berbanding perancangan sebanyak 85.7%, iaitu kelewatan sebanyak 29.1% atau selama 31 bulan. Kemajuan kerja LCS 1 adalah sebanyak 43.5% berbanding perancangan sebanyak 100%. Beberapa siri perbincangan telah diadakan untuk menetapkan hala tuju projek ini, namun tiada sebarang keputusan yang telah dicapai setakat ini. Memorandum Jemaah Menteri bagi penetapan hala tuju perolehan kapal LCS sedang disediakan.

**Pernyataan Audit** | **Kelewatan menguatkuasakan syarat kontrak mengenai kenaan denda lewat menyebabkan kekurangan hasil Kerajaan sejumlah RM116.54 juta bagi 245 hari sehingga 31 Disember 2019. Selain itu, elemen *capping* yang dibenarkan dalam kontrak mengakibatkan kekurangan hasil sejumlah RM37.50 juta berbanding RM217.50 juta setakat 10 Jun 2020.**

#### **5.1.2. Bayaran Kemajuan Kapal LCS 1 Melebihi Kemajuan Kerja Sebenar Sebanyak 21.1%**

- a. Klausula 10.2.1 dalam kontrak utama menetapkan MINDEF perlu membuat bayaran interim berdasarkan Jadual 5B - *Progress Payment Plan* dan kos keseluruhan bagi kapal LCS 1 adalah RM1.427 bilion. Pengesahan kemajuan kerja sebenar untuk tujuan bayaran hendaklah dilaksanakan oleh Pasukan Projek LCS TLDM seperti ditetapkan dalam klausula 11.
- b. Semakan Audit terhadap Laporan Kemajuan Projek LCS TLDM berakhir 31 Disember 2019 mendapati bayaran kemajuan yang telah dibuat adalah berjumlah RM910 juta atau 63.8% berbanding kemajuan kerja sebenar kapal LCS 1 hanya pada kadar 42.7%. **Bayaran kemajuan yang dibuat terhadap kapal LCS 1 adalah melebihi kemajuan kerja sebenar projek, iaitu 21.1%.** Kemajuan kerja sebenar meliputi kemajuan pembinaan, sistem, senjata dan persediaan kapal untuk belayar. Perbandingan antara bayaran kemajuan dan kemajuan kerja sebenar adalah seperti dalam **Jadual 1.1.2.**

**JADUAL 1.1.2  
BAYARAN KEMAJUAN KAPAL LCS 1 MELEBIHI KEMAJUAN KERJA SEBENAR**

KAPAL PERONDA	BAYARAN KEMAJUAN		KEMAJUAN KERJA SEBENAR*		LEBIHAN
	KOS KESELURUHAN SEPATUTNYA DIBAYAR	BAYARAN SEHINGGA 31 DISEMBER 2019	PERATUS SEPATUTNYA PADA BULAN APRIL 2019	PERATUS PADA 31 DISEMBER 2019	
		(a)		(b)	
LCS 1	RM1,427.00 Juta	RM910.00 Juta			
	100%	63.8%	100%	42.7%	21.1%

Sumber: Laporan Kemajuan Projek *Littoral Combatant Ship* (LCS) TLDM berakhir 31 Disember 2019

Nota : \*Kemajuan kerja sebenar meliputi kemajuan pembinaan, sistem, senjata dan persediaan kapal untuk belayar

- c. Perkara ini berlaku kerana Pasukan Projek LCS TLDM membuat pengesahan kemajuan kerja berdasarkan *Schedule 5B Progress Payment Plan* dalam kontrak (tambahan ketiga) yang belum dikemas kini. Akibatnya bayaran kemajuan yang dibuat telah melebihi kemajuan kerja sebenar projek walaupun telah melepasi tempoh sepatutnya siap seperti dalam kontrak utama.

### **Maklum balas MINDEF yang diterima pada 22 Julai 2020**

Kemajuan bayaran yang dibuat adalah berdasarkan *Schedule 5B Progress Payment Plan* dan *Annex to Schedule 5B Payment Plan Data Dictionary*. Selain itu, bayaran kemajuan juga dibuat berdasarkan pengesahan siap kerja oleh Pasukan Projek LCS TLDM yang memantau perolehan di lokasi pembinaan kapal.

**Pernyataan Audit** | **Bayaran melebihi kemajuan kerja sebenar kapal LCS 1 merupakan kerugian kepada Kerajaan kerana kapal LCS 1 tidak disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.**

## **5.2. Perolehan Sistem Pertahanan Udara Starstreak**

### **5.2.1. Denda Lewat Sejumlah RM15.04 Juta Tidak Dikenakan**

- a. Sebanyak 24 buah pelancar *Lightweigher Multiple Launcher – New Generation* (LML-NG) perlu dibekalkan oleh syarikat bermula pada bulan Jun hingga September 2018. Sekiranya berlaku kelewatan semasa pelaksanaan kontrak, syarikat tertakluk kepada klausa 15 dalam kontrak mengenai "Hak Kerajaan Apabila Artikel Lewat/Gagal Diserahkan" bagi membolehkan pihak syarikat dikenakan penalti atau denda. Kiraan denda lewat adalah pada kadar 2% daripada nilai item dan bilangan hari kelewatan serahan.

- b. Semakan Audit mendapati **sebanyak 20 daripada 24 buah pelancar LML-NG bernilai RM246.40 juta lewat diserahkan oleh syarikat antara 28 hingga 171 hari**. Tiada denda lewat dikenakan terhadap syarikat bagi kelewatan serahan tersebut. Kelewatan penyerahan ini berpunca daripada satu komponen pelancar LML-NG yang memerlukan kelulusan daripada *United States International Traffic Arms Regulation (US ITAR)*.
- c. Berdasarkan pengiraan Audit, denda lewat yang sepatutnya dikenakan adalah berjumlah RM15.04 juta. Butiran denda lewat serahan pelancar LML-NG oleh syarikat adalah seperti dalam **Jadual 1.1.3**.

**JADUAL 1.1.3  
PENGIRAAN DENDA LEWAT SERAHAN PELANCAR LML-NG OLEH SYARIKAT**

BIL.	PERALATAN	TARIKH PENERIMAAN	BILANGAN HARI LEWAT*	DENDA LEWAT PATUT DIKENAKAN** (RM Juta)
1.	4 x LML-NG	18.09.2018	-	-
2.	4 x LML-NG	29.10.2018	28	0.92
3.	4 x LML-NG	18.12.2018	78	2.57
4.	4 x LML-NG	08.01.2019	99	3.25
5.	7 x LML-NG	29.01.2019	120	6.90
6.	1 x LML-NG	21.03.2019	171	1.40
<b>JUMLAH</b>				<b>15.04</b>

Sumber : Sijil Penyerahan dan Penerimaan

Nota : \*Tarikh kelewatan dikira oleh pihak Audit mulai 1 Oktober 2018

\*\* Kadar pengiraan denda lewat:  $\frac{2\% \times (\text{nilai item lewat}) \times (\text{bilangan hari lewat})}{30 \text{ Hari}}$

- d. Perkara ini berlaku kerana MINDEF tidak membuat tuntutan denda terhadap syarikat bagi kelewatan serahan tersebut seperti yang diperuntukkan dalam klausa 15.1.1.

### **Maklum Balas MINDEF yang diterima pada 22 Julai 2020**

Notis awal tuntutan denda berjumlah RM5.93 juta telah dikeluarkan pada 18 Disember 2019. Pihak syarikat telah membuat rayuan berserta justifikasi kelewatan penyerahan peralatan. Semakan perundangan terhadap rayuan syarikat telah dimulakan pada 6 Mei 2020 bagi tindakan pengenaan denda lewat sejumlah RM15.04 juta. Tindakan pengenaan denda lewat yang terkini akan dilaksanakan mengikut prosedur yang ditetapkan setelah menerima maklum balas dari Bahagian Undang-Undang. Bahagian Perolehan sedang dalam tindakan mendapatkan dokumen tambahan yang diperlukan oleh Bahagian Undang-Undang.

**Pernyataan  
Audit**

**MINDEF sepatutnya mengeluarkan notis tuntutan denda lewat sejumlah RM15.04 juta kepada syarikat bagi semua kelewatan pembekalan. Kelewatan menguatkuasakan syarat kontrak mengenai kenaan denda lewat menyebabkan kekurangan hasil Kerajaan sejumlah RM15.04 juta.**

**5.3. Perolehan Secara Beli Semula Sembilan (9) Buah Kenderaan *Armoured Personnel Carrier***

**5.3.1. Kurangan Terimaan Bayaran Balik Berjumlah RM2.22 Juta Kerana Kenderaan APC Tidak Menepati Spesifikasi *United Nations (UN)***

- a. Perolehan secara beli semula sembilan (9) buah kenderaan *Armoured Personnel Carrier (APC)* berjumlah RM45.10 juta merupakan sebahagian daripada perolehan Starstreak. Maklumat terperinci perolehan tersebut adalah seperti dalam **Jadual 1.1.4**.

**JADUAL 1.1.4  
MAKLUMAT TERPERINCI PEROLEHAN SECARA BELI SEMULA**

BIL.	PERKARA	KUANTITI	PECAHAN HARGA (RM Juta)	NILAI KONTRAK (RM Juta)
1.	Kenderaan APC	9	43.47	45.10
2.	Latihan Pemanduan dan Penyelenggaraan di <i>United Arab Emirate (UAE)</i>	1	0.34	
3.	Alat Ganti Awal	9	0.84	
4.	Penghantaran	9	0.45	

Sumber: Dokumen Kontrak KP/PERO1D/RT202(2)/15/DE bertarikh 19 November 2018

- b. Klausula 9 dalam kontrak menyatakan sembilan (9) buah kenderaan APC hendaklah diserahkan kepada Kerajaan di Kontinjen MALBATT 850-5, *United Nations Interim Force in Lebanon (UNIFIL)* untuk digunakan dalam misi pengaman. Kenderaan yang digunakan di bawah misi pengaman hendaklah mematuhi *Memorandum of Understanding (MoU)* UNIFIL. Oleh itu, setiap kenderaan perlu menepati spesifikasi yang ditetapkan oleh pihak *United Nations (UN)*. Pihak UN akan membuat *reimbursement* (bayaran balik) terhadap penggunaan kenderaan ketenteraan Malaysia berdasarkan penilaian dalam MoU. Bayaran balik ini tertakluk kepada pemeriksaan *Contingent Owned Equipment (COE)* yang dijalankan pada setiap tiga (3) bulan.
- c. Semakan Audit mendapati kontrak perolehan secara beli semula **sembilan (9) buah kenderaan APC yang diterima pada 3 Julai 2018 untuk kegunaan misi pengaman adalah *Un-Armed Vehicle*. Kenderaan**



ini tidak menepati spesifikasi yang ditetapkan oleh UN iaitu *Armed Vehicle*. Perbandingan spesifikasi seperti dalam **Jadual 1.1.5**.

**JADUAL 1.1.5  
PERBANDINGAN SPESIFIKASI 9 BUAH KENDERAAN APC**

PERKARA	SPESIFIKASI DALAM KONTRAK	SPESIFIKASI DITETAPKAN UN	PATUH (✓)/ TIDAK PATUH (X)
Sistem persenjataan	Mempunyai sistem persenjataan sama ada satu atau lebih yang <b>TIDAK INTEGRAL</b> kepada kenderaan. <b>(Un-Armed APC)</b>	Mempunyai sistem persenjataan sama ada satu atau lebih yang <b>INTEGRAL</b> kepada kenderaan. <b>(Armed APC)</b>	X
Keupayaan Perisai	Menangkis serangan terhadap senjata ringan (min 7.62) dalam jarak 100m.	Menangkis serangan terhadap senjata ringan (min 7.62) dalam jarak 100m.	✓
Kapasiti Krew	10 anggota lengkap bersenjata.	9 hingga 10 anggota lengkap bersenjata.	✓

Sumber: Dokumen Kontrak KP/PERO1D/RT202(2)/15/DE bertarikh 19 November 2018 dan MoU

- d. Pengiraan Audit mendapati **kurangan terimaan bayaran balik sehingga 31 Disember 2019 adalah berjumlah RM2.22 juta bagi sembilan (9) buah kenderaan APC untuk tempoh 18 bulan**. Kurangan terimaan ini merupakan ketirisan hasil kepada Kerajaan akibat ketidakpatuhan terhadap spesifikasi yang ditetapkan. Pengiraan Audit secara terperinci adalah seperti dalam **Jadual 1.1.6**.

**JADUAL 1.1.6  
PENGIRAAN JUMLAH TERIMAAN BAYARAN BALIK DAN KERUGIAN**

SEPATUTNYA TERIMA	TERIMAAN SEBENAR	TERKURANG TERIMA
(a)	(b)	(b-a)
USD1,038,096 (9 buah x USD6,408 x 18 bulan)	USD496,044 (9 buah x USD3,062 x 18 bulan)	(USD542,052)
RM4,252,145 (9 buah x RM26,247.81 x 18 bulan)	RM2,031,846 (9 buah x RM12,542.26 x 18 bulan)	(RM2,220,299)

Sumber: Dokumen Kontrak KP/PERO1D/RT202(2)/15/DE bertarikh 19 November 2018

Nota : \* Kiraan Audit berdasarkan kadar tukaran matawang asing pada 31 Disember 2019; USD4.0961

### **Maklum balas MINDEF yang diterima pada 22 Julai 2020**

Kenderaan APC ini telah lulus menjalani *Final Acceptance Test* pada 17 Jun hingga 4 Julai 2018 dan diperakui untuk digunakan bagi misi *United Nations Interim Force in Lebanon* (UNIFIL). Kenderaan APC ini juga telah melepasi pemeriksaan *Contingent Owned Equipment* (COE) yang dilaksanakan pada 20 Julai 2018. Ketidakpatuhan spesifikasi kenderaan APC seperti ditetapkan UN hanya dari segi sistem persenjataan yang tidak dilengkapi dengan sistem *turret* ataupun *Remote Control Weapons Station*.

Sebaliknya kenderaan APC ini dilengkapi dengan sistem persenjataan *Commander Cupola* dengan senjata MGKA 7.62mm sahaja.

**Pernyataan Audit** | **Walaupun kenderaan APC melepasi pemeriksaan COE untuk kegunaan operasi misi UNIFIL tetapi tidak mematuhi sepenuhnya syarat bayaran balik dalam MoU menyebabkan ketirisan hasil berjumlah RM2.22 juta.**

## **6. SYOR AUDIT**

Bagi memastikan tindakan pematuhan kepada peraturan dan penguatkuasaan klausa kontrak, MINDEF perlu mengambil tindakan berikut:

6.1. Menguatkuasakan klausa denda lewat terhadap syarikat atas kelewatan penyerahan dan pembekalan dengan membuat potongan daripada bayaran kemajuan seperti diperuntukkan dalam kontrak.

6.2. Memastikan penyediaan kontrak secara beli semula mengambil kira spesifikasi atau keperluan penggunaan pihak berkaitan.

6.3. Mengenakan tindakan sewajarnya terhadap pihak syarikat atau pegawai yang tidak mematuhi kehendak dan arahan Jabatan seperti yang tertakluk dalam undang-undang, peraturan kewangan, kontrak dan standard prosedur operasi.



# 2

## PEROLEHAN SECARA SEBUT HARGA

- Jabatan Penjara Malaysia  
Kementerian Dalam Negeri
- Jabatan Laut Malaysia  
Kementerian Pengangkutan
- Politeknik  
Kementerian Pendidikan Malaysia



## PEROLEHAN SECARA SEBUT HARGA

Jabatan Penjara Malaysia, Kementerian Dalam Negeri  
Jabatan Laut Malaysia, Kementerian Pengangkutan  
Politeknik, Kementerian Pendidikan Malaysia

---

### Perkara Utama

- Apa yang diaudit?**
- Pengauditan Pematuhan Perolehan Secara Sebut Harga dilaksanakan di tiga (3) jabatan merangkumi spesifikasi dan syarat kontrak, kontrak rasmi dan pembayaran.
- Mengapa ia penting untuk diaudit?**
- Menentukan pematuhan terhadap perolehan secara sebut harga dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa.
- Apa yang ditemui?**
- Penemuan utama Audit mengikut jabatan adalah seperti berikut:
    - **Jabatan Penjara Malaysia**
      - Perkhidmatan dan pembekalan tidak mengikut syarat kontrak;
      - Terdapat unsur penentuan harga di kalangan pembekal; dan
      - Pemilihan pembekal dan kontraktor tidak memenuhi syarat kelayakan dan berbeza dengan laporan penilaian.
    - **Jabatan Laut Malaysia**
      - Sebut Harga Membekal dan Menghantar Pakaian Keselamatan untuk Institusi Latihan Pengangkutan Laut dan Bahagian Keselamatan Pelayaran, Jabatan Laut Malaysia (JLM) bernilai RM47,418 bagi 100 helai pakaian tidak menepati spesifikasi perjanjian; dan
      - Sebut Harga Membekal dan Menghantar Alat Ganti Peralatan Melawan Tumpahan Minyak bernilai RM187,160 mendapati pembekalan peralatan tidak dihantar ke lokasi yang ditetapkan dalam kontrak serta kelewatan dalam proses penghantaran oleh JLM.
    - **Politeknik**
      - Sejumlah RM176,764 telah dibayar kepada pembekal walaupun kontrak belum ditandatangani melibatkan lapan (8) bayaran bulanan bagi lima (5) kontrak.

## Syor Audit

- Pihak Audit mengesyor seperti berikut:
  - Pembayaran hendaklah dilakukan setelah kerja pembaikan dilaksanakan mengikut kuantiti yang ditetapkan dan pembekalan adalah tulen;
  - Kertas taklimat disediakan oleh urus setia hendaklah berdasarkan Laporan Jawatankuasa Penilaian Harga dan Teknikal;
  - Pembekal atau kontraktor yang disyaki membuat pakatan harga perlu disenarai hitam daripada menyertai sebarang perolehan Kerajaan;
  - Memastikan pengesahan pembayaran dan penyempurnaan bekalan serta perkhidmatan disemak secara teliti dengan syarat dan spesifikasi kontrak sebelum bayaran dibuat bagi mengelakkan pembayaran tidak wajar (*improper payment*);
  - Menguatkuasakan kenaaan denda atau tolakan bayaran atas kegagalan kontraktor membekalkan perolehan dengan sempurna;
  - Memastikan peraturan kewangan dipatuhi sepenuhnya, pegawai penyemak dan pelulus hendaklah menyemak Daftar Pembayaran Kontrak atau Jadual Pembayaran Kontrak (JANM12) sebelum meluluskan pembayaran bagi kontrak yang belum ditandatangani; dan
  - Mengenakan tindakan terhadap pihak syarikat atau pegawai yang tidak mematuhi kehendak dan arahan jabatan seperti yang tertakluk dalam kontrak atau peraturan kewangan.



**JABATAN PENJARA MALAYSIA**  
**Kementerian Dalam Negeri**





## 2. PEROLEHAN SECARA SEBUT HARGA

### 2.1 Jabatan Penjara Malaysia Kementerian Dalam Negeri

#### 1. LATAR BELAKANG

Sehingga bulan Jun 2019, sejumlah RM6.29 juta perolehan telah dibuat terhadap 37 sebut harga bagi empat (4) institusi penjara. Bagi tahun 2018 sejumlah RM11.89 juta telah dibuat perolehan secara sebut harga di empat (4) institusi penjara. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2.1.1**.

**JADUAL 2.1.1**  
**SENARAI SEBUT HARGA INSTITUSI PENJARA MALAYSIA**  
**BAGI TAHUN 2018 DAN 2019\***

BIL.	INSTITUSI PENJARA	BIL. SEBUT HARGA		NILAI PEROLEHAN (RM Juta)	
		2018	2019	2018	2019
1.	Ibu Pejabat Penjara Malaysia	22	11	6.32	2.13
2.	Penjara Kajang	24	12	2.27	1.47
3.	Penjara Kluang	20	8	1.56	1.86
4.	Penjara Wanita Kajang	6	6	1.74	0.83
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>72</b>	<b>37</b>	<b>11.89</b>	<b>6.29</b>

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Nota : \*Sehingga bulan Jun 2019

#### 2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan pematuhan terhadap perolehan secara sebut harga bertujuan untuk memastikan perolehan dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

#### 3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ditumpukan kepada perolehan secara sebut harga bagi tempoh tahun 2018 hingga bulan Jun 2019 meliputi proses perolehan secara sebut harga; prosedur pembayaran serta pembekalan dan perkhidmatan. Empat (4) institusi telah dipilih berdasarkan jumlah sebut harga tertinggi pada tahun 2018 dan 2019, iaitu Ibu Pejabat Penjara Malaysia (IPPM), Penjara Kajang, Penjara Kluang dan Penjara Wanita Kajang.

3.2. Semakan Audit telah dibuat terhadap 109 sebut harga dengan 151 arahan pembayaran bagi perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja di institusi penjara yang dilawati.

3.3. Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen serta menganalisis data yang berkaitan dengan pengurusan perolehan. Selain itu, pemeriksaan fizikal turut dilakukan dan temu bual dengan pegawai berkaitan.

#### **4. RINGKASAN PENEMUAN AUDIT**

- 4.1. Perkhidmatan dan pembekalan tidak mengikut syarat kontrak;
- 4.2. Terdapat unsur penentuan harga dalam kalangan pembekal; dan
- 4.3. Pemilihan pembekal dan kontraktor tidak memenuhi syarat kelayakan dan berbeza dengan laporan penilaian.

#### **5. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan telah dilaksanakan antara bulan Ogos hingga November 2019 dan *Exit Conference* telah diadakan pada 17 Februari 2020. Maklum balas daripada Jabatan Penjara Malaysia telah diterima pada 17 Februari 2020. Penemuan Audit adalah seperti yang dinyatakan di perenggan 5.1 hingga 5.3.

##### **5.1. Perkhidmatan dan Pembekalan Tidak Mengikut Syarat Kontrak**

5.1.1. Pekeliling Perbendaharaan WP10.3 - Pengurusan Kehilangan dan Hapus Kira berkaitan *Improper Payment* ialah pembayaran yang dibuat dengan tidak wajar sama ada dari aspek bertentangan dengan peruntukan undang-undang, peraturan atau tidak mengikut syarat, kaedah atau tatacara yang ditetapkan bagi sesuatu pembayaran.

5.1.2. Pekeliling Perbendaharaan PK4.2 perenggan 9.10 - Perenggan 5 Dalam Kandungan Utama Surat Setuju Terima (SST); Setelah pesanan atau arahan dikeluarkan oleh Kerajaan, syarikat dikehendaki melaksanakan pembekalan barang dalam tempoh yang ditetapkan dan kualiti bekalan tersebut hendaklah memuaskan hati serta memenuhi kehendak Kerajaan. Sekiranya syarikat gagal melaksanakan pembekalan barang dalam tempoh dan/atau kualiti yang ditetapkan, Kerajaan berhak membatalkan pesanan dan arahan yang dikeluarkan dan/atau mengenakan \*Denda/Tolakan.

5.1.3. Semakan Audit mendapati IPPM dan Penjara Kajang membuat **pembayaran penuh kepada pembekal walaupun pembekalan dan perkhidmatan yang diberikan tidak disempurnakan sepenuhnya.** Selain itu, terdapat **kerja dan pembekalan yang dilaksanakan tidak mengikut spesifikasi seperti SST** yang ditetapkan. Perolehan secara sebut harga yang terlibat adalah seperti berikut:

- a. Arahan Pembayaran 12005296 bertarikh 14 Disember 2018 berjumlah RM463,554 bagi Kerja Pembaikan dan Naik Taraf di Pejabat Pengurusan Tertinggi dan Bangunan Ibu Pejabat telah dibayar berdasarkan tuntutan kontraktor yang telah disahkan oleh perunding arkitek. Semakan fizikal Audit pada 21 Ogos 2019 berdasarkan senarai kerja yang telah disahkan oleh pihak perunding mendapati tiga (3) unit kiosk bernilai RM18,000 tidak dapat dikesan. Pihak Audit mendapati perkara ini berlaku disebabkan tiada pemeriksaan fizikal secara terperinci oleh pegawai penguasa terhadap kerja yang telah siap sebelum proses pembayaran. Bagaimanapun, proses pembayaran telah dibuat berdasarkan pengesahan arkitek.

#### **Maklum balas Jabatan Penjara Malaysia yang diterima pada 17 Februari 2020**

Arkitek yang dilantik telah mengeluarkan surat SNSR/IPPM-RENO/SA1938/IPPM-01 bertarikh 31 Disember 2018 berhubung persetujuan bagi elemen pengurangan atau pelarasan Senarai Kuantiti tanpa Arahan Perubahan Kerja, iaitu butiran perubahan dan pelarasan semula kerja yang dipersetujui bersama oleh pihak kontraktor dan Pengawal Penguasa. Item Kiosk bernilai RM18,000 telah diambil kira dalam ruangan pengurangan di Perubahan Kerja Arkitek. Perkara ini tidak melibatkan kelulusan Pihak Berkuasa Melulus (Jawatankuasa Sebut Harga) kerana ia tidak melibatkan pertambahan kos projek.

**Pernyataan Audit** | **Surat pengesahan oleh arkitek pada 31 Disember 2018 adalah berbeza dengan kelulusan arkitek yang disertakan pada Arahan Pembayaran bertarikh 14 Disember 2018. Pengesahan arkitek mengenai kerja tidak sepatutnya berbeza dengan kelulusan yang diberikan bagi tujuan pembayaran.**

- b. Penjara Kajang melalui sebut harga Bil. 21/2018 telah menawarkan kontrak pembekalan pelbagai toner pencetak bernilai RM146,500 bagi tempoh 15 Oktober 2018 hingga 14 Oktober 2019. Lawatan Audit pada 13 September

2019 di stor simpanan toner pencetak mendapati kod *Quick Response* (QR) pada kotak asal stok toner jenama HP telah dipotong yang menyebabkan pengesahan ketulenan toner tidak dapat dilaksanakan.

**GAMBAR 2.1.1**



Toner Jenama HP  
- Kod QR Telah Dipotong  
(18.09.2019)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 2.1.2**



Toner Jenama HP  
- Kod QR Telah Dipotong  
(18.09.2019)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- c. Seterusnya berdasarkan penemuan Audit pihak Penjara Kajang telah memohon pengesahan ketulenan toner daripada pembekal asal iaitu HP Malaysia. Laporan HP Malaysia pada 23 Oktober 2019 mengesahkan bahawa **toner jenama HP yang dibekalkan oleh pembekal yang dilantik pihak Penjara Kajang adalah tiruan bernilai RM13,935**. Perkara ini disebabkan pegawai penerima stok yang dilantik tidak teliti dalam membuat pemeriksaan terhadap penerimaan stok yang tidak sempurna seperti ketiadaan kod QR.

### **Maklum balas Jabatan Penjara Malaysia yang diterima pada 17 Februari 2020**

Pihak syarikat bersetuju menggantikan keseluruhan toner HP kepada toner tulen tanpa dikenakan sebarang caj kepada Penjara Kajang. Pihak syarikat bersedia menggantikan toner tersebut sebelum 17 Februari 2020. Semasa *Exit Conference* pada 17 Februari 2020, pihak Penjara Kajang mengesahkan penggantian toner tulen telah dilaksanakan oleh pembekal pada hari yang sama.

**Pernyataan Audit** | **Pembekalan toner oleh pembekal telah melanggar syarat pembekalan yang dinyatakan melalui perkara 6(k) dalam SST yang ditandatangani pada 8 Oktober 2018. Penerima stok perlu lebih peka dengan keadaan apabila mendapati kod QR dipotong atau berlaku sebarang kerosakan pada item semasa penerimaannya bagi mengelakkan kerugian kepada Jabatan.**

## 5.2. Unsur Penentuan Harga Di Kalangan Pembekal

5.2.1. Pekeliling Perbendaharaan PK8 – Ketidapatuhan Perolehan Kerajaan menjelaskan bahawa kesalahan pakatan harga adalah apabila syarikat atau firma perunding berpakat menentukan harga dengan syarikat atau firma perunding lain ketika menyertai perolehan Kerajaan seperti tender, sebut harga dan eBidding yang dikeluarkan oleh Agensi dengan tujuan mendapatkan harga yang tinggi atau untuk menjamin syarikat atau firma perunding tertentu sahaja memenangi tender, sebut harga dan eBidding berkenaan.

5.2.2. Semakan Audit terhadap perolehan sebut harga di Penjara Kluang mendapati **syarikat yang menyertai dan berjaya dalam pelawaan sebut harga merupakan syarikat yang sama berdasarkan alamat syarikat dan perakuan penerimaan SST oleh pemilik yang merupakan individu yang sama**. Perolehan sebut harga yang disertai oleh individu yang sama dari syarikat yang berbeza adalah seperti dalam **Jadual 2.1.2**.

**JADUAL 2.1.2**  
**PEROLEHAN YANG DISERTAI OLEH INDIVIDU YANG SAMA DARI SYARIKAT YANG BERBEZA DAN BERJAYA**

BIL.	SEBUT HARGA	PERIHAL	NILAI (RM)	CATATAN
1.	JPK(B) 02.2019	Pembekalan dan Pengiriman Catuan Mentah Kering	444,464	Tiga (3) daripada 12 syarikat yang menyertai sebut harga adalah individu daripada syarikat yang sama. Ini berdasarkan SST yang pernah ditandatangani oleh individu tersebut bagi beberapa syarikat yang berbeza.
2.	JPK(B) 03.2018	Pembekalan dan Pengiriman Catuan Mentah Kering	168,307	Alamat invois dan SST yang sama bagi dua (2) syarikat yang berbeza daripada tujuh (7) penyebut harga.
3.	JPK(B) 08.2018	Pembekalan dan Pengiriman Bahan Mentah Rempeyek dan Pastrri	350,663	Alamat invois dan SST yang sama bagi dua (2) syarikat yang berbeza daripada dua (2) penyebut harga.
4.	JPK(B) 09.2018	Pembekalan dan Pengiriman Bahan Mentah Bengkel Kayu	42,765	Tiga (3) daripada lima (5) syarikat yang menyertai sebut harga adalah individu daripada syarikat yang sama. Ini berdasarkan SST yang pernah ditandatangani oleh individu tersebut bagi beberapa syarikat yang berbeza

Sumber: Jabatan Audit Negara

### **Maklum balas Jabatan Penjara Malaysia yang diterima pada 17 Februari 2020**

Jabatan mengambil maklum teguran Audit dan perkara sebegini tidak akan berulang pada masa akan datang. Pihak Penjara Kluang juga tidak mengetahui syarikat yang

menyertai pelawaan sebut harga merupakan syarikat yang sama memandangkan pelawaan dibuat melalui sistem ePerolehan.

**Pernyataan Audit** | **Pemilihan penyebut harga perlu dibuat dengan teliti bagi mengelakkan pakatan harga daripada pembekal yang sama yang tidak menguntungkan Kerajaan dan memastikan proses perolehan Kerajaan dibuat dengan telus dan adil.**

### **5.3. Pemilihan Pembekal atau Kontraktor Tidak Memenuhi Syarat Kelayakan dan Berbeza Dengan Laporan Penilaian**

5.3.1. Pekeliling Perbendaharaan PK2.1 perenggan 7 (xii) menyatakan setelah laporan penilaian sebut harga diterima oleh urus setia sebut harga, kertas taklimat sebut harga hendaklah disediakan dengan maklumat lengkap antaranya Penilaian Sebut Harga dan Kertas Perakuan Sebut Harga.

5.3.2. Arahan Perbendaharaan 170.3 (b) menyatakan Jawatankuasa Sebut Harga hanya boleh mempertimbang dan menyetujui terima sebut harga dengan syarat keputusan yang dibuat adalah sebulat suara dan tidak melebihi had nilai sebut harga. Keputusan yang tidak sebulat suara dan/atau melebihi had nilai sebut harga hendaklah dikemukakan kepada Lembaga Perolehan Agensi untuk keputusan.

5.3.3. Semakan Audit mendapati **dua (2) kertas taklimat urus setia sebut harga yang disediakan berbeza dengan pengesyoran Laporan Jawatankuasa Penilaian Harga**. Ia melibatkan perolehan sebut harga seperti berikut:

#### **a. Perkhidmatan Penyewaan dan Penyenggaraan Mesin Penapis Air di Penjara Kluang**

Pengesyoran Jawatankuasa Penilaian Harga (JPH) adalah bagi penyebut harga 1/5, 2/5 dan 3/5 manakala kertas taklimat urus setia menyenaraikan pembekal bernombor 1/5, 2/5, 3/5 dan tambahan 4/5 sebagai pengesyoran JPH. **Penyebut harga yang terpilih, iaitu penyebut harga 4/5 dengan penawaran harga sejumlah RM73,440 telah melebihi sejumlah RM4,080 berbanding anggaran jabatan berjumlah RM69,360. Pihak Audit mendapati perkara ini berlaku kerana urus setia telah menambah pembekal 4/5 dalam perenggan syor JPH.**

## **b. Kerja Bengkel Roti Canai dan Kerja Berkaitan di Penjara Kluang**

Mengikut Laporan Jawatankuasa Penilaian Harga, sebanyak empat (4) penyebut harga iaitu bernombor 1/11, 7/11, 6/11 dan 3/11 diangkat untuk pertimbangan Jawatankuasa Sebut Harga. Urus setia mengesyorkan penyebut harga 6/11 berdasarkan harga tawaran dan kemampuan kewangan serta penyebut harga mempunyai sijil CIDB untuk pertimbangan dan keputusan Jawatankuasa Sebut Harga.

Semakan Audit mendapati harga yang ditawarkan oleh penyebut harga 6/11 adalah dalam julat yang ditetapkan tetapi lebih tinggi daripada penyebut harga 1/11 dan 7/11. Setelah menimbang syor yang diperakukan oleh urus setia sebut harga, Jawatankuasa Sebut Harga membuat keputusan untuk memilih penyebut harga 6/11.

### **Maklum balas Jabatan Penjara Malaysia yang diterima pada 17 Februari 2020:**

- Urus setia mengesyorkan kod 2/5, 1/5, 3/5, dan 4/5. Kod 4/5 di kedudukan akhir kerana harga yang tertinggi. Namun begitu, kod 4/5 lulus semasa penilaian teknikal dan urus setia berpendapat penyebut harga boleh disenaraikan dalam syor. Urus setia mengambil maklum tentang kesalahan membuat pengesyoran selain daripada pengesyoran Jawatankuasa Harga. Lanjutan daripada teguran audit, urus setia sedia maklum akan kesalahan jika harga melebihi anggaran jabatan tidak layak untuk disyorkan di dalam kertas taklimat walaupun melepasi penilaian teknikal.
- Urus setia membuat pengesyoran kerana kod 6/11 mempunyai sijil tambahan kategori Kejuruteraan Mekanikal sebagai kelebihan berbanding kod 1/11, 7/11 dan 3/11. Kesemua kod 1/11, 7/11, 6/11 dan 3/11 adalah layak dipertimbangkan. Urus setia juga mengambil maklum tentang kesalahan membuat pengesyoran selain daripada pengesyoran Jawatankuasa Harga.

**Pernyataan Audit** | **Urus setia Jawatankuasa Sebut Harga bertanggungjawab menyediakan kertas taklimat berdasarkan pengesyoran JPH. Kertas taklimat yang disediakan urus setia dengan menambah penyebut harga baru iaitu bernombor 4/5 yang tiada dalam perakuan JPH bagi Perkhidmatan Penyewaan dan Penyenggaraan Mesin Penapis Air di Penjara Kluang, mengakibatkan keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Sebut Harga tidak adil kepada tiga (3) penyebut harga yang telah disenarai pendek oleh JPH.**

## **6. SYOR AUDIT**

Bagi memastikan tindakan pematuhan kepada peraturan kewangan dipatuhi sepenuhnya, penambahbaikan dan tindakan perlu dilaksanakan terhadap kepada berikut:

6.1. Memastikan pembayaran dilakukan setelah kerja pembaikan dilaksanakan mengikut kuantiti yang ditetapkan dan pembekalan toner pencetak adalah tulen.

6.2. Memastikan kertas taklimat disediakan oleh urus setia berdasarkan Laporan Jawatankuasa Penilaian Harga.

6.3. Menyenarai hitamkan pembekal atau kontraktor yang membuat penentuan harga di kalangan mereka daripada menyertai sebarang perolehan Kerajaan.

6.4. Mengambil tindakan terhadap syarikat atau pegawai yang memperakui penerimaan barang tidak mematuhi kehendak atau arahan Jabatan seperti dalam kontrak dan peraturan kewangan.





**JABATAN LAUT MALAYSIA**  
**Kementerian Pengangkutan**



## 2. PEROLEHAN SECARA SEBUT HARGA

### 2.2. Jabatan Laut Malaysia Kementerian Pengangkutan

#### 1. LATAR BELAKANG

Perolehan secara sebut harga di Jabatan Laut Malaysia (JLM) untuk tempoh Januari 2018 hingga Jun 2019 adalah sejumlah RM21.38 juta bagi tujuh (7) pejabat JLM. Antara perolehan yang dibuat di JLM adalah Membekal dan Menghantar Alat Ganti Peralatan Melawan Tumpahan Minyak untuk JLM; Membekal dan Menghantar Pakaian Keselamatan untuk Institut Latihan Pengangkutan Laut dan Bahagian Keselamatan Pelayaran, JLM; Kerja-kerja Membaharui Permukaan Jalan Serta Kerja Yang Berkaitan di Ibu Pejabat Laut JLM; dan lain-lain perolehan. Butiran terperinci adalah seperti dalam **Jadual 2.2.1.**

**JADUAL 2.2.1**  
**PEROLEHAN SEBUT HARGA JLM**  
**BAGI TAHUN 2018 SEHINGGA BULAN JUN 2019**

BIL.	JABATAN LAUT	BIL. SEBUT HARGA	JUMLAH (RM Juta)
1.	Jabatan Laut Ibu Pejabat	25	4.65
2.	Jabatan Laut Wilayah Utara (Pulau Pinang)	23	4.92
3.	Jabatan Laut Wilayah Selatan (Johor)	16	2.67
4.	Jabatan Laut Wilayah Timur (Terengganu)	15	3.21
5.	Jabatan Laut Wilayah Tengah (Selangor)	12	2.01
6.	Jabatan Laut Wilayah Sabah	12	1.85
7.	Jabatan Laut Wilayah Sarawak	10	2.07
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>113</b>	<b>21.38</b>

Sumber: Jabatan Laut Malaysia

#### 2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan pematuhan terhadap perolehan secara sebut harga bertujuan untuk menentukan perolehan dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

#### 3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ditumpukan kepada perolehan secara sebut harga bagi tempoh tahun 2018 hingga bulan Jun 2019 meliputi proses perolehan; prosedur pembayaran; pembekalan dan perkhidmatan; serta rekod; penggunaan aset dan stor. Tiga (3) pejabat JLM telah dipilih, iaitu Ibu Pejabat JLM, JLM Wilayah Utara (Pulau Pinang) dan JLM Wilayah Selatan (Johor).

3.2. Pemilihan sampel bagi bulan Januari 2018 hingga Jun 2019 adalah memfokuskan kepada sebut harga bernilai RM20,000 hingga RM500,000. Jumlah pemilihan sampel berbanding populasi adalah RM6.41 juta, iaitu 30% daripada populasi.

3.3 Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen serta menganalisis data yang berkaitan dengan pengurusan perolehan. Selain itu, pemeriksaan fizikal turut dilakukan dan temu bual dengan pegawai yang berkaitan.

#### **4. RINGKASAN PENEMUAN AUDIT**

4.1. Sebut Harga Membekal dan Menghantar Pakaian Keselamatan untuk Institusi Latihan Pengangkutan Laut dan Bahagian Keselamatan Pelayaran, JLM bernilai RM47,418 bagi 100 helai pakaian tidak menepati spesifikasi di perjanjian.

4.2. Sebut Harga Membekal dan Menghantar Alat Ganti Peralatan Melawan Tumpahan Minyak bernilai RM187,160 mendapati pembekalan peralatan tidak dihantar pada lokasi yang sepatutnya seperti yang ditetapkan dalam kontrak. Akibatnya JLM terpaksa mengagihkan sendiri peralatan dan berlaku kelewatan dalam proses penghantaran oleh JLM.

#### **5. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan telah dilaksanakan pada 19 hingga 29 Ogos 2019 dan 22 hingga 27 September 2019 manakala maklum balas daripada JLM telah diterima pada 20 Februari 2020. *Exit Conference* telah diadakan pada 28 Februari 2020. Penemuan Audit adalah seperti yang dinyatakan di perenggan 5.1. dan 5.2.

##### **5.1. Bekalan Tidak Menepati Spesifikasi Perjanjian**

5.1.1. Pekeliling Perbendaharaan PK8 perenggan 1(i)(b)(7)(iv) (Gagal Menepati Spesifikasi) iaitu barang-barang atau perkhidmatan dibekal atau diberi oleh syarikat tidak menepati spesifikasi seperti mana yang dinyatakan dalam kontrak atau Pesanan Kerajaan; dan PK8 perenggan 2 (i) (surat amaran) di mana syarikat atau firma perunding diberi surat amaran ke atas kesalahan yang telah dilakukan.

5.1.2. Semakan Audit pada 22 dan 26 Ogos 2019 bagi Sebut Harga Membekal dan Menghantar Pakaian Keselamatan untuk Institusi Latihan Pengangkutan Laut dan Bahagian Keselamatan Pelayaran, JLM bernilai RM47,418 mendapati bekalan tidak menepati spesifikasi perjanjian. Bayaran berjumlah RM47,418 telah dibuat pada 30 November 2018 melalui arahan pembayaran bernombor 12003562 bagi

membekal dan menghantar 100 helai *coverall* (pakaian keselamatan) di mana **berbeza dengan spesifikasi perjanjian**. Perkara ini disebabkan Pegawai Penerima hanya merujuk kepada Nota Penghantaran tanpa dimaklumkan perubahan spesifikasi kerja pada pakaian keselamatan tersebut. JLM tidak mengeluarkan surat penolakan atau surat amaran atas kegagalan kontraktor memenuhi spesifikasi yang ditetapkan. Butiran perbezaan adalah seperti dalam **Jadual 2.2.2**.

**JADUAL 2.2.2**  
**PERBEZAAN SPESIFIKASI YANG DIBEKALKAN**  
**DENGAN SPESIFIKASI PERJANJIAN**

BIL.	SEBUT HARGA	SPESIFIKASI DALAM SST DAN PERJANJIAN	SEMAKAN FIZIKAL AUDIT
1.	IPL30/2018 – Membekal Dan Menghantar Pakaian Keselamatan Untuk Institusi Latihan Pengangkutan Laut Dan Bahagian Keselamatan Pelayaran, Jabatan Laut Malaysia (RM47,418.00)	Spesifikasi Pakaian Keselamatan (Keperluan Tambahan)	Spesifikasi Pakaian Keselamatan (Keperluan Tambahan)
		<b>i. Unit Perlindungan Alam Sekitar Marin</b>	<b>i. Unit Perlindungan Alam Sekitar Marin</b>
		a. Dipasang <i>reflector</i> pada bahu, depan, lengan dan kaki.	a. Tiada <i>reflector</i> dipasang pada bahagian depan. <b>(Gambar 2.2.1)</b>
		b. Mengadakan bendera Malaysia di lengan kanan dan kiri.	b. Tiada bendera Malaysia di lengan kiri namun terdapat Logo OSPAR. <b>(Gambar 2.2.3)</b>
		c. Mengadakan logo team (OSPAR) di belakang pakaian keselamatan.	c. Tiada Logo OSPAR di belakang pakaian keselamatan tetapi tulisan <i>Marine Department Malaysia</i> . <b>(Gambar 2.2.2)</b>
		<b>ii. Institusi Latihan Pengangkutan Laut</b>	<b>ii. Institusi Latihan Pengangkutan Laut</b>
		a. Dipasang <i>reflector</i> pada bahu, depan, lengan dan kaki.	a. Tiada <i>reflector</i> dipasang pada bahagian depan. <b>(Gambar 2.2.4)</b>
		b. Mengadakan tanda nama (PELATIH) di atas poket sebelah kanan.	b. Tiada tanda nama (PELATIH) di atas poket sebelah kanan. <b>(Gambar 2.2.4)</b>
		c. Mengadakan bendera Malaysia di lengan kanan dan kiri.	c. Tiada bendera Malaysia di lengan kiri namun terdapat Logo JLM. <b>(Gambar 2.2.4)</b>
		d. Mengadakan logo team (MATRAIN) di belakang pakaian keselamatan.	d. Tiada logo team (MATRAIN) di belakang pakaian keselamatan tetapi tulisan MATRAIN. <b>(Gambar 2.2.5)</b>

Sumber: Jabatan Laut Malaysia

**GAMBAR 2.2.1**



Pakaian Keselamatan Unit Perlindungan Alam Sekitar Marin  
- **Tiada Reflector Di Bahagian Depan**  
(22.08.2019)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 2.2.2**



Pakaian Keselamatan Unit Perlindungan Alam Sekitar Marin  
- **Tiada Logo OSPAR Di Belakang**  
(22.08.2019)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 2.2.3**



Pakaian Keselamatan Unit Perlindungan Alam Sekitar Marin  
- **Tiada Logo Bendera Malaysia Di Lengan Kiri Namun Terdapat Logo OSPAR**  
(22.08.2019)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 2.2.4**



Pakaian Keselamatan Institusi Latihan Pengangkutan Laut  
- **Tiada Tanda Nama (PELATIH) Di Atas Poket Sebelah Kanan, Tiada Bendera Malaysia Di Lengan Kiri Dan Tiada Reflector Di Bahagian Depan**  
(26.08.2019)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 2.2.5**



Pakaian Keselamatan Institusi Latihan Pengangkutan Laut  
- **Tiada Logo Team (MATRAIN) di Belakang**  
**Tetapi Tulisan MATRAIN**  
(26.08.2019)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

### **Maklum balas Jabatan Laut Malaysia yang diterima pada 20 Februari 2020**

Pegawai Penerima Barang mengambil perhatian terhadap teguran Audit bahawa bekalan pakaian keselamatan yang di terima adalah tidak mematuhi spesifikasi seperti yang telah disediakan oleh Jawatankuasa Penyediaan Spesifikasi Sebut Harga IPL30/2018. Pegawai Penerima menerima bekalan tersebut hanya berdasarkan kepada Nota Penghantaran semata-mata tanpa dimaklumkan terdapat perubahan spesifikasi kerja pada pakaian keselamatan tersebut. Tindakan pihak JLM ialah memaklumkan kepada syarikat dan mohon untuk melengkapkan pakaian keselamatan mengikut spesifikasi asal.

**Pernyataan Audit** | **Kegagalan pegawai menyemak syarat kontrak semasa membuat pengesahan bayaran menyebabkan pembayaran dibuat terhadap bekalan yang tidak menepati spesifikasi yang mengakibatkan kerugian kepada Kerajaan.**

## **5.2. Lokasi Penghantaran Tidak Mengikut Syarat Kontrak**

5.2.1. Pekeliling Perbendaharaan - PK2.1 Perenggan 7(iv) (a) dan (b) menetapkan bagi bekalan dan perkhidmatan perlu melengkapkan dokumen sebut harga Borang Q (Lampiran 2.3) yang merupakan sebahagian daripada kontrak. Selain itu, adalah menjadi tanggungjawab agensi untuk mentadbir kontrak dengan sempurna bagi memastikan syarikat memenuhi semua obligasinya. Agensi boleh mengambil tindakan ke atas syarikat yang gagal mematuhi spesifikasi seperti diperuntukkan di Perenggan (b) PK8.

5.2.2. Semakan Audit terhadap Sebut Harga Membekal dan Menghantar Alat Ganti Peralatan Melawan Tumpahan Minyak Bernilai RM187,160 (IPL09/2018) dan Jadual 2 Surat Setuju Terima bertarikh 1 Jun 2018 menghendaki pembekal menghantar alat ganti terus ke lokasi penghantaran terakhir mengikut alamat yang dinyatakan. Pembekal telah mengambil kira kos penghantaran alat ganti tersebut dalam harga yang ditawarkan. Pihak Audit mendapati **pembekal tidak menghantar terus semua alat ganti ke enam (6) lokasi terakhir seperti yang ditetapkan dalam dokumen sebut harga (Borang Q)**. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 2.2.3**.

**JADUAL 2.2.3**  
**LOKASI PENGHANTARAN TIDAK MENGIKUT SYARAT KONTRAK**

PERIHAL SEBUT HARGA	AMAUN (RM)	ALAMAT PENGHANTARAN SEPATUTNYA	ALAMAT/ NOMBOR/TARIKH NOTA PENGHANTARAN
Membekal Dan Menghantar Alat Ganti Peralatan Melawan Tumpahan Minyak	187,160	a. Jabatan Laut Wilayah Utara b. Jabatan Laut Wilayah Sabah c. Jabatan Laut Wilayah Selatan d. Jabatan Laut Wilayah Timur e. Jabatan Laut Wilayah Persekutuan Labuan f. Jabatan Laut Wilayah Sarawak	JLM, Bahagian Keselamatan Pelayaran 42007 Pelabuhan Klang. QE/JLWT-1003/18/DO/T 28 Jun 2018

Sumber: Jabatan Laut Malaysia

### 5.2.3. Tempoh Masa Pengagihan Peralatan ke Lokasi

Sehubungan itu, Bahagian Pengurusan Trafik dan Bantuan Pelayaran telah mengagihkan sendiri peralatan ke lokasi. Semakan selanjutnya terhadap tarikh Nota Penghantaran nombor rujukan QE/JLWT-1003/18/DO/T iaitu 28 Jun 2018 berbanding tarikh di 12 Surat Penyerahan dan Penerimaan yang dikemukakan mendapati **tempoh pengagihan ke lokasi mengambil masa di antara 41 hingga 353 hari daripada tarikh bekalan diterima. Selain itu, terdapat enam (6) lokasi penghantaran yang tidak disenaraikan dalam kontrak.** Butirannya seperti dalam **Jadual 2.2.4**.



**JADUAL 2.2.4  
TEMPOH AGIHAN PERALATAN KE LOKASI TERAKHIR**

LOKASI PENGAGIHAN BARANG	TARIKH PENGAGIHAN BARANG	TEMPOH MASA (HARI)*	CATATAN
Jabatan Laut Wilayah Sabah	Tidak Dinyatakan	-	Lokasi seperti di kontrak
Jabatan Laut Wilayah Selatan	01.10.2018	96	
Jabatan Laut Wilayah Sarawak	02.04.2019	279	
Jabatan Laut Wilayah Persekutuan Labuan	06.05.2019	313	
Pejabat Laut Batu Uban, Pulau Pinang	27.09.2018	92	Lokasi tiada dalam senarai kontrak
Pejabat Laut Langkawi	12.06.2019	350	
Jabatan Laut Wilayah Tengah	30.11.2018	156	
Pejabat Laut Tanjung Pelepas	15.06.2019	353	
Pejabat Laut Tanjung Pengelih	27.03.2019	273	
Pejabat Laut Kuantan	20.09.2018	86	
Ibu Pejabat Laut (IPL)	14.02.2019	232	
Bahagian Pengurusan Trafik & Bantuan Pelayaran	07.08.2018	41	

Sumber: Jabatan Laut Malaysia

Nota : \*Pengiraan berdasarkan dari tarikh Nota Penghantaran dan tarikh pengagihan

### **Maklum balas Jabatan Laut Malaysia yang diterima pada 20 Februari 2020**

Alat ganti dihantar ke Bahagian Keselamatan Pelayaran, Pelabuhan Klang atas sebab berikut:

- i. Memudahkan pengagihan alatan dibuat mengikut keperluan semasa;
- ii. Untuk memudahkan semakan dibuat terhadap barang-barang yang diterima kerana pegawai penerima berkemahiran dan berpengalaman tentang alat-alat ganti yang dibeli;
- iii. Boleh dijadikan sebagai '*back up plan*' untuk Jabatan Laut Wilayah Tengah (JLWT);
- iv. Pelabuhan Klang adalah tempat yang strategik bagi memudahkan pemantauan, penyelenggaraan dan pergerakan aset dan alatan dibuat sendiri oleh JLM. Pegawai yang menerima dan menguruskan alatan tersebut tidak mengetahui dan memahami lebih lanjut berkaitan spesifikasi asal;
- v. Untuk rekod, alat ganti yang diterima itu telah pun dihantar ke wilayah berkenaan;
- vi. Pengagihan mengambil masa yang lama kerana agihan alatan adalah mengikut jadual pegawai yang dipertanggungjawabkan turun ke wilayah berkenaan;

- vii. Hanya terdapat seorang pegawai di Ibu Pejabat Laut yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan perkara ini seperti mana senarai tugas beliau; dan
- viii. Pergerakan pegawai tersebut bersama peralatan seterusnya melaksanakan penyelenggaraan dengan alatan tersebut sangat terbatas kerana kekangan masa dan tenaga di samping tugas-tugas di pejabat.

**Pernyataan Audit** | **Ketidapatuhan terhadap syarat kontrak mengenai penghantaran lokasi telah mengakibatkan kelewatan agihan peralatan antara 41 hingga 353 hari dan penambahan pelbagai kos yang terlibat dengan penghantaran. Di samping itu, jika hasrat asal alat ganti hendak diedarkan sendiri oleh Jabatan, lokasi jabatan laut wilayah tidak perlu dinyatakan dalam syarat kontrak dan harga yang ditawarkan oleh kontraktor mungkin akan lebih rendah lagi.**

## **6. SYOR AUDIT**

Bagi memastikan tindakan pematuhan kepada peraturan kewangan dipatuhi sepenuhnya, penambahbaikan dan tindakan perlu dilaksanakan terhadap perkara berikut:

- 6.1. Memastikan pengesahan pembayaran dan penyempurnaan bekalan serta perkhidmatan disemak secara teliti dengan syarat atau spesifikasi kontrak sebelum bayaran dibuat bagi mengelakkan pembayaran tidak wajar.
- 6.2. Menguatkuasakan kenaaan denda atau penolakan bayaran kepada kontraktor atas kegagalan membekalkan perolehan dengan sempurna.
- 6.3. Mengambil tindakan terhadap pihak syarikat atau pegawai yang tidak mematuhi kehendak atau arahan Jabatan seperti yang ditetapkan dalam kontrak.



**POLITEKNIK**  
**Kementerian Pendidikan Malaysia**



---

## 2. PEROLEHAN SECARA SEBUT HARGA

### 2.3. Politeknik

#### Kementerian Pendidikan Malaysia

---

#### 1. LATAR BELAKANG

Pada tahun 2019, terdapat 36 Politeknik yang terdiri daripada tiga (3) Politeknik Premier, 28 Politeknik Konvensional dan lima (5) Politeknik METro. Berdasarkan Anggaran Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 2018 dan 2019, Peruntukan Perkhidmatan dan Bekalan bagi Pendidikan Teknikal dan Vokasional masing-masing berjumlah RM299.40 juta dan RM336.52 juta. Mengikut laporan Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), perolehan secara sebut harga yang dilaksanakan di Politeknik adalah sebanyak 237 sebut harga berjumlah RM25.76 juta bagi tahun 2018 dan 365 sebut harga berjumlah RM32.82 juta bagi tahun 2019. Perolehan secara sebut harga di Politeknik adalah melibatkan perolehan bagi kerja, bekalan dan perkhidmatan.

#### 2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan pematuhan terhadap perolehan secara sebut harga bertujuan untuk memastikan perolehan dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

#### 3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ditumpukan kepada perolehan secara sebut harga bagi tahun 2018 hingga November 2019 meliputi prosedur perolehan dan pembayaran bagi bekalan, perkhidmatan dan kerja termasuk penyelenggaraan rekod berkaitan. Pengauditan dilaksanakan di Unit Kewangan dan Akaun serta di Unit Khidmat Pengurusan yang melibatkan empat (4) Politeknik.

3.2. Sebanyak 50 sampel berjumlah RM10.41 juta atau 59.3% telah dipilih daripada keseluruhan perolehan sebut harga berjumlah RM17.55 juta di empat (4) Politeknik yang dilawati, iaitu Politeknik Nilai (PNS), Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA), Politeknik Ungku Omar (PUO) dan Politeknik Seberang Prai (PSP). Daripada 50 sampel tersebut, sebanyak 28 sampel merupakan perolehan perkhidmatan, 18 sampel bagi perolehan bekalan dan empat (4) sampel bagi perolehan kerja. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2.3.1**.

**JADUAL 2.3.1  
BILANGAN DAN AMAUN SEBUT HARGA SERTA  
SAMPEL SEBUT HARGA DI EMPAT (4) POLITEKNIK**

TAHUN	SEBUT HARGA		SAMPEL SEBUT HARGA	
	BIL.	AMAUN (RM Juta)	BIL.	AMAUN (RM Juta)
<b>1. Politeknik Nilai (PNS)</b>				
2019	10	2.03	6	1.83
2018	16	2.74	6	1.73
<b>JUMLAH PNS</b>	<b>26</b>	<b>4.77</b>	<b>12</b>	<b>3.56</b>
<b>2. Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA)</b>				
2019	56	2.85	10	0.63
2018	25	3.16	7	1.57
<b>JUMLAH PSA</b>	<b>81</b>	<b>6.01</b>	<b>17</b>	<b>2.20</b>
<b>3. Politeknik Ungku Omar (PUO)</b>				
2019	15	1.58	7	1.01
2018	29	1.89	3	0.26
<b>JUMLAH PUO</b>	<b>44</b>	<b>3.47</b>	<b>10</b>	<b>1.27</b>
<b>4. Politeknik Seberang Prai (PSP)</b>				
2019	6	1.64	7	1.85
2018	10	1.66	4	1.53
<b>JUMLAH PSP</b>	<b>16</b>	<b>3.30</b>	<b>11</b>	<b>3.38</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>167</b>	<b>17.55</b>	<b>50</b>	<b>10.41</b>

Sumber: Laporan *Government Procurement Information System* (GPIS) daripada Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK)

3.3. Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen, temu bual dan lawatan fizikal di JPPKK dan Politeknik berkenaan.

#### **4. RINGKASAN PENEMUAN AUDIT**

4.1. Sejumlah RM176,763.80 telah dibayar kepada pembekal walaupun kontrak belum ditandatangani melibatkan lapan (8) bayaran bulanan bagi lima (5) kontrak berbeza.

## 5. PENEMUAN AUDIT

Penemuan Audit telah dibangkitkan kepada pihak pengurusan Politeknik dan maklum balas telah diperolehi daripada Politeknik berkenaan. Maklum balas telah diperolehi pada 10 Mac 2020.

### 5.1. Pembayaran Sejumlah RM176,763.80 Kepada Pembekal Sebelum Kontrak Ditandatangani

5.1.1. Pekeliling Perbendaharaan PK4.2 : Surat Setuju Terima (SST), Pesanan Kerajaan dan Inden Kerajaan bagi Perolehan Kerajaan telah menetapkan antaranya:

- a. Semua perolehan bermasa sama ada bekalan, perkhidmatan atau kerja tidak kira nilainya, hendaklah dikeluarkan SST dan disusuli dengan dokumen kontrak komprehensif dalam tempoh empat (4) bulan selepas SST ditandatangani balas oleh syarikat.
- b. Bayaran kemajuan adalah sehingga tiga (3) kali sahaja dalam tempoh empat (4) bulan selepas SST dikeluarkan dan sebelum kontrak formal ditandatangani.

5.1.2. Semakan Audit untuk tempoh tahun 2018 hingga bulan November 2019 terhadap 50 sampel mendapati 31 atau 62% kontrak berjumlah RM5.86 juta **belum dan lewat ditandatangani** antara 11 hingga 214 hari selepas empat (4) bulan SST ditandatangani balas oleh syarikat. Daripada jumlah tersebut, lapan (8) kontrak bagi tahun 2019 berjumlah RM1.20 juta masih belum ditandatangani antara satu (1) hingga lima (5) bulan manakala 15 kontrak berjumlah RM2.72 juta lewat ditandatangani antara 11 hari hingga empat (4) bulan. Kelewatan ini juga berlaku pada tahun 2018 yang melibatkan lapan (8) kontrak berjumlah RM1.94 juta dengan tempoh kelewatan sehingga tujuh (7) bulan.

5.1.3. Semakan lanjut mendapati lima (5) kontrak bagi tahun 2018 berjumlah RM176,763.80 telah dibuat pembayaran antara empat (4) hingga enam (6) kali sebelum kontrak ditandatangani. Pembayaran tersebut melibatkan dua (2) kontrak di Politeknik Nilai (PNS) berjumlah RM165,865.80 dan tiga (3) kontrak di Politeknik Ungku Omar (PUO) berjumlah RM10,898.00. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 2.3.2.**

**JADUAL 2.3.2  
BAYARAN MELEBIHI TIGA (3) KALI SEBELUM KONTRAK DITANDATANGANI**

BIL.	PERIHAL KONTRAK	TARIKH		TARIKH BAYARAN SEBELUM KONTRAK DITANDATANGANI	AMAUN (RM)
		SST	SEPATUT TANDATANGAN KONTRAK		
<b>1. Politeknik Nilai (PNS)</b>					
1.	Perkhidmatan kawalan keselamatan tanpa senjata api	26.03.2018	26.07.2018	14.09.2018 = RM39,125.40 31.10.2018 = RM39,125.40	78,250.80
2.	Perkhidmatan kebersihan dan hiasan kawasan	19.04.2018	19.08.2018	25.09.2018= RM29,205 31.10.2018= RM29,205 15.11.2018= RM29,205	87,615.00
<b>JUMLAH</b>					<b>165,865.80</b>
<b>2. Politeknik Ungku Omar (PUO)</b>					
1.	Perkhidmatan sewa mesin perincih	19.06.2018	19.10.2018	12.11.2018 = RM2,976	2,976.00
2.	Perkhidmatan sewa mesin hygiene	19.06.2018	19.10.2018	12.11.2018 = RM4,742	4,742.00
3.	Membekal, memasang, mentauliah, menyelenggara serta menyewa mesin penyalin kertas	27.11.2017	27.03.2018	22.05.2018 = RM3,180	3,180.00
<b>JUMLAH</b>					<b>10,898.00</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>					<b>176,763.80</b>

Sumber: Jadual Pembayaran Kontrak (JANM12)

5.1.4. Pihak Audit mendapati antara sebab bayaran dibuat melebihi tiga (3) kali sebelum kontrak ditandatangani adalah:

- a. Daftar Pembayaran Kontrak di PNS atau Jadual Pembayaran Kontrak (JANM12) di PUO tidak disediakan;
- b. Jadual pembayaran hanya dikemas kini setelah bayaran dibuat tanpa menyemak sama ada kontrak telah ditandatangani atau sebaliknya;
- c. Kecuaian pegawai yang bertanggungjawab; dan
- d. Tiada pemantauan oleh pegawai penyelia di PNS dan PUO terhadap proses pembayaran.

**Maklum balas Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) yang diterima pada 10 Mac 2020**

Ketiga-tiga Politeknik, iaitu PSA, PNS dan PUO telah menandatangani kesemua kontrak yang dilaporkan oleh JAN antara 11 Oktober 2019 hingga 13 Februari 2020. JPPKK telah mengambil tindakan penambahbaikan dengan mengeluarkan Arahan Pentadbiran Kewangan JPPKK Bil.1/2020 agar semua draf kontrak disediakan dalam tempoh 30 hari daripada tarikh SST ditandatangani.



PNS turut mengambil perhatian akan teguran pihak Audit berhubung bayaran yang dibuat kepada kontraktor melebihi tiga (3) kali sebelum kontrak ditandatangani. PNS telah mengambil langkah penambahbaikan dengan menyediakan daftar kontrak bagi tujuan pemantauan dan juga menyediakan Jadual Pembayaran Kontrak (JANM 12). Pada tahun 2019, perkara ini telah dipantau oleh pegawai penyelia dan pembayaran kepada syarikat hanya dibuat sehingga tiga (3) kali sahaja selaras dengan PK4.2.

**Pernyataan Audit** | **Ketidakpatuhan kepada PP PK4.2 telah menyebabkan pembayaran berkala melebihi tiga (3) kali sebelum kontrak ditandatangani.**

## **6. SYOR AUDIT**

Bagi memastikan peraturan kewangan dipatuhi sepenuhnya, pegawai penyemak dan pelulus hendaklah menyemak Daftar Pembayaran Kontrak atau Jadual Pembayaran Kontrak (JANM12) sebelum meluluskan pembayaran bagi kontrak yang belum ditandatangani.





# 3

## BAYARAN PERKHIDMATAN PENYENGGARAAN

- Tentera Udara Diraja Malaysia  
Kementerian Pertahanan
- Polis Diraja Malaysia  
Kementerian Dalam Negeri



## BAYARAN PERKHIDMATAN PENYENGGARAAN

Tentera Udara Diraja Malaysia, Kementerian  
Pertahanan

Polis Diraja Malaysia, Kementerian Dalam Negeri

---

### Perkara Utama

#### Apa yang diaudit?

- Pengauditan Pematuhan Bayaran Perkhidmatan Penyenggaraan di Kementerian Pertahanan dan Polis Diraja Malaysia dilaksanakan terhadap kontrak dan bayaran penyenggaraan.

#### Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Menentukan pematuhan terhadap kontrak yang berkuat kuasa dan bayaran mengikut peraturan yang ditetapkan.

#### Apa yang ditemui?

- Penemuan utama Audit mengikut jabatan adalah seperti berikut:
  - **Tentera Udara Diraja Malaysia, Kementerian Pertahanan**
    - Kerja penyenggaraan sejumlah RM6.07 juta telah lewat disiapkan dengan anggaran *Liquidated Damages* (denda lewat) sejumlah RM0.65 juta tidak dikenakan.
  - **Polis Diraja Malaysia, Kementerian Dalam Negeri**
    - Pembayaran terhadap penukaran alat ganti fotografi sejumlah RM2.70 juta, iaitu melebihi RM2.49 juta atau 1,185% berbanding had siling berjumlah RM209,964;
    - Penyenggaraan *corrective* (korektif) terhadap 467 peralatan fotografi sedia ada tidak dilaksanakan mengikut kontrak, sebaliknya sejumlah RM2.72 juta telah dibayar bagi perolehan 467 peralatan baru;
    - Sebanyak 187 peralatan fotografi bernilai RM1.05 juta yang dihantar untuk penyenggaraan masih dalam simpanan syarikat walaupun kontrak telah tamat pada 31 Mei 2019;
    - Bayaran tetap penyenggaraan bulanan helikopter berjumlah RM105,875 telah terlebih bayar kerana bayaran dikenakan pada kadar RM38,500 sebulan untuk tempoh 19 bulan

walaupun helikopter tidak aktif melebihi enam (6) bulan. Pengurangan sepatutnya 25% dikenakan untuk penyenggaraan helikopter tidak aktif dengan kadar bayaran sejumlah RM28,875 sebulan seperti diperuntukkan dalam kontrak; dan

- Bayaran tetap penyenggaraan bulanan helikopter berjumlah RM3.47 juta telah dibuat terhadap dua (2) buah helikopter tidak aktif melebihi tiga (3) tahun.

### **Syor Audit**

- Pihak Audit mengesyor seperti berikut:
  - Menguatkuasakan klausa denda lewat terhadap syarikat atas kelewatan penyerahan dan pembekalan;
  - Memastikan pegawai penyedia, penyemak dan pengesah membuat semakan dengan teliti mengikut syarat kontrak sebelum bayaran dibuat bagi mengelakkan pembayaran tidak wajar;
  - Memastikan syarat kontrak berkaitan bayaran dibuat berdasarkan kerja penyenggaraan yang sebenar bagi menjaga kepentingan Kerajaan; dan
  - Mengenakan tindakan terhadap pihak syarikat atau pegawai yang tidak mematuhi kehendak atau arahan Jabatan seperti yang tertakluk dalam undang-undang, peraturan kewangan, kontrak dan standard prosedur operasi.



**TENTERA UDARA DIRAJA MALAYSIA**  
**Kementerian Pertahanan**





---

## **3. BAYARAN PERKHIDMATAN PENYENGGARAAN**

### **3.1. Tentera Udara Diraja Malaysia Kementerian Pertahanan**

---

#### **1. LATAR BELAKANG**

1.1. Penyenggaraan adalah aktiviti yang dilaksanakan untuk memulihara, menjaga, mengendali dan mengawal selia bangunan, kemudahan, kelengkapan, perkhidmatan bangunan dan persekitaran. Objektif kerja penyenggaraan adalah untuk memastikan fasiliti berada dalam keadaan yang baik dan selamat untuk digunakan serta mencegah kerosakan yang berterusan. Selaras dengan objektif tersebut, Kerajaan telah menyediakan peruntukan mengurus untuk bayaran penyenggaraan.

1.2. Markas Pemerintahan Bantuan Udara (MPBU) merupakan sebuah organisasi yang bertanggungjawab memastikan pesawat Tentera Udara Diraja Malaysia sentiasa siap siaga untuk melaksanakan operasi ketenteraan di ruang udara negara. Bagi memastikan pesawat sentiasa siap siaga untuk pengoperasian, Tentera Udara Diraja Malaysia telah membuat perbelanjaan penyenggaraan sejumlah RM317.43 juta dan RM1.148 bilion masing-masing bagi tahun 2019 dan 2018.

#### **2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Pengauditan ini dilaksanakan untuk menentukan proses perolehan dan bayaran penyenggaraan mengikut peraturan yang sedang berkuat kuasa.

#### **3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

3.1. Pengauditan telah dijalankan di MPBU terhadap bayaran penyenggaraan bagi tahun 2018 hingga bulan September 2019.

3.2. Sampel yang dipilih bagi bayaran perkhidmatan penyenggaraan adalah 109 arahan pembayaran berjumlah RM71.47 juta bagi tahun 2018 hingga bulan September 2019.

3.3. Pengauditan telah dilaksanakan dengan menyemak dokumen dan rekod, analisis terhadap maklumat yang diperolehi, lawatan fizikal dan temu bual dengan pegawai yang terlibat.

#### 4. RINGKASAN PENEMUAN AUDIT

4.1 Kerja penyenggaraan sejumlah RM6.07 juta telah lewat disiapkan dengan anggaran *Liquidated Damages* (denda lewat) sejumlah RM0.65 juta tidak dikenakan.

#### 5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan terhadap bayaran perkhidmatan penyenggaraan telah dilaksanakan mulai 19 Ogos hingga 15 November 2019. *Exit conference* telah diadakan pada 6 Julai 2020. Maklum balas daripada Kementerian Pertahanan telah diterima pada 11 Jun 2020. Penemuan Audit adalah seperti di perenggan 5.1.

##### 5.1. Denda Lewat Berjumlah RM651,650 Tidak Dikenakan Terhadap Kelewatan Penyiapan Kerja

5.1.1. Klausula 6 dan 22 dalam kontrak berkaitan penyampaian perkhidmatan mengikut tempoh yang ditetapkan telah dinyatakan dengan jelas dan denda akan dikenakan sekiranya melanggar tempoh berkenaan. Tempoh kerja ditetapkan mengikut *Repair Order* (Arahan Pembaikan) yang dikeluarkan sebelum kerja penyenggaraan dilaksanakan di MPBU. Denda lewat yang dikenakan adalah pada kadar 1% bagi setiap harga perkhidmatan yang lewat dilaksanakan pada setiap bulan.

5.1.2. Semakan Audit terhadap dokumen sokongan kepada arahan pembayaran mendapati berlaku **kelewatan dalam menyiapkan kerja penyenggaraan di antara 44 hingga 1,103 hari**. Kelewatan berkenaan dikira dari tarikh kerja patut siap mengikut Arahan Pembaikan sehingga tarikh *Certificate of Completion* (Sijil Penyiapan Kerja). Berdasarkan pengiraan Audit, sejumlah RM651,650 merupakan denda lewat yang tidak dikenakan kepada syarikat. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 3.1.1**.

**JADUAL 3.1.1**  
**DENDA LEWAT TIDAK DIKENAKAN KEPADA SYARIKAT**

BIL.	ARAHAN PEMBAYARAN		REPAIR ORDER		TARIKH PATUT SIAP	TARIKH SIAP SEBENAR	KELEWATAN (Hari)	DENDA LEWAT DIKENAKAN BERDASAR KIRAAN AUDIT (RM)
	NO. / TARIKH	AMAUN (RM) (a)	TARIKH	TEMPOH KERJA (Hari)				
			(b)	(c)				
1.	12006630/ 06.09.2018	133,425	25.06.2015	17	12.07.2015	19.07.2018	1,103	49,056

BIL.	ARAHAN PEMBAYARAN		REPAIR ORDER		TARIKH PATUT SIAP	TARIKH SIAP SEBENAR	KELEWATAN (Hari)	DENDA LEWAT DIKENAKAN BERDASAR KIRAAN AUDIT (RM)
	NO. / TARIKH	AMAUN (RM) (a)	TARIKH	TEMPOH KERJA (Hari)				
			(b)	(c)				
2.	12006598/ 05.09.2018	85,995	21.12.2015	24	14.01.2016	04.07.2018	902	25,856
3.	12006620/ 06.09.2018	86,747	09.12.2015	90	08.03.2016	17.07.2018	861	24,896
4.	12006636/ 06.09.2018	86,542	26.10.2016	31	26.11.2016	27.06.2018	578	16,674
5.	12007466/ 27.09.2018	81,359	17.03.2017	25	12.04.2017	13.07.2018	457	12,394
6.	12006617/ 06.09.2018	3,059,402	09.11.2017	150	09.04.2018	01.07.2019	447	455,851
7.	12007479/ 27.09.2018	87,888	22.05.2017	55	16.07.2017	03.07.2018	352	10,312
8.	12006600/ 05.09.2018	79,407	16.06.2017	55	11.08.2017	02.07.2018	319	8,444
9.	12006585/ 05.09.2018	205,828	07.11.2017	40	17.12.2017	20.07.2018	215	14,751
10.	12006613/ 06.09.2018	64,557	14.11.2017	90	12.02.2018	12.06.2018	120	2,582
11.	12006631/ 06.09.2018	2,102,334	29.12.2017	150	28.05.2018	11.07.2018	44	30,834
<b>JUMLAH</b>		<b>6,073,484</b>						<b>651,650</b>

Sumber: Arahkan Pembayaran

5.1.3. Pihak Audit mendapati perkara ini berlaku disebabkan pegawai pengesah kerja, pegawai penyedia, penyemak dan pengesah arahan pembayaran di Unit Kewangan dan Unit Perolehan MPBU tidak menyemak dengan teliti tempoh penyempurnaan kerja dengan syarat kontrak sebelum bayaran dibuat.

### **Maklum balas TUDM (MPBU) yang diterima pada 19 Jun 2020**

Denda lewat akan dikenakan terhadap kontraktor bagi kerja yang lewat disiapkan daripada tarikh sepatut siap. Denda lewat dikira daripada tarikh jangkaan siap kerja asal sehingga tarikh sebenar komponen atau perkhidmatan diterima oleh pihak TUDM.

**Pernyataan Audit** | **Kenaan denda yang tidak dikuatkuasakan dalam kontrak menyebabkan kekurangan hasil sejumlah RM651,650.**

## **6. SYOR AUDIT**

Bagi memastikan tindakan pematuhan kepada peraturan dan penguatkuasaan klausa kontrak, MINDEF perlu mengambil tindakan berikut:

6.1. Menguatkuasakan klausa denda lewat terhadap syarikat atas kelewatan penyerahan dan pembekalan.

6.2. Memastikan pegawai penyedia, penyemak dan pengesah membuat semakan dengan teliti mengikut syarat kontrak sebelum bayaran dibuat bagi mengelakkan pembayaran tidak wajar.

6.3. Mengenakan tindakan terhadap pegawai yang tidak mematuhi kehendak atau arahan Jabatan seperti yang tertakluk peraturan kewangan.



**POLIS DIRAJA MALAYSIA**  
**Kementerian Dalam Negeri**



---

## 3. BAYARAN PERKHIDMATAN PENYENGGARAAN

### 3.2. Polis Diraja Malaysia Kementerian Dalam Negeri

---

#### 1. LATAR BELAKANG

Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menandatangani Kontrak Penyenggaraan Peralatan Bantuan Teknik (Fotografi) bernilai RM4.50 juta bagi tempoh 2 Disember 2014 hingga 31 Mei 2019 dan Kontrak Perkhidmatan Penyenggaraan Helikopter Ecureuil AS 355 F2/N bernilai RM17 juta bagi tempoh 1 Julai 2014 hingga 31 Oktober 2019.

#### 1.1. Kontrak Penyenggaraan Peralatan Fotografi Polis Diraja Malaysia

1.1.1. Kontrak Perkhidmatan Penyenggaraan Secara *Corrective* (Korektif) Bagi Peralatan Bantuan Teknik (Fotografi) di Jabatan Siasatan Jenayah (D6), PDRM dimeterai pada 2 Disember 2014 dan berkuat kuasa mulai 1 Disember 2014 hingga 30 November 2017. Nilai kontrak asal adalah berjumlah RM3 juta yang melibatkan penyenggaraan perkakasan secara korektif berjumlah RM2.79 juta dan penukaran alat ganti berjumlah RM209,964.

1.1.2. Kontrak Perkhidmatan Penyenggaraan ini telah dilanjutkan selama 18 bulan, iaitu dari 1 Disember 2017 hingga 31 Mei 2019. Pelanjutan tempoh kontrak ini melibatkan pertambahan nilai kontrak sejumlah RM1.50 juta. Nilai keseluruhan kontrak Perkhidmatan Penyenggaraan ini adalah sejumlah RM4.50 juta.

#### 1.2. Kontrak Penyenggaraan Helikopter Polis Diraja Malaysia

1.2.1. Kontrak Perkhidmatan Penyenggaraan Helikopter Ecureuil AS 355 F2/N untuk Pasukan Gerakan Udara (PGU) Polis Diraja Malaysia (PDRM) dimeterai pada 1 Julai 2014 dengan nilai kontrak berjumlah RM17 juta. Kontrak ini berkuat kuasa mulai 1 November 2013 hingga 31 Oktober 2016 dan dilanjutkan sehingga 31 Oktober 2019.

1.2.2. Klausula 19.5 kontrak perkhidmatan penyenggaraan menetapkan bayaran tetap bulanan pesawat adalah sejumlah RM38,500 sebulan untuk setiap pesawat, sejumlah RM40,000 untuk bayaran pangkalan operasi dan sejumlah RM28,000 untuk bayaran tetap bagi pembaikan luar pangkalan. Kontrak ini hanya melibatkan caj perkhidmatan penyenggaraan manakala perbekalan peralatan yang perlu diganti adalah tanggungjawab pihak PDRM seperti yang dinyatakan di dalam klausula 14.1 kontrak perkhidmatan penyenggaraan tersebut.

1.2.3. PDRM memiliki 10 buah helikopter jenis Ecureuil AS 355 F2/N bagi tujuan operasi PGU PDRM. Sebanyak 10 buah helikopter berkenaan ditempatkan di PGU Subang, PGU Kuching dan PGU Kota Kinabalu. Butiran terperinci penempatan helikopter berkenaan seperti dalam **Jadual 3.2.1**.

**JADUAL 3.2.1**  
**PENEMPATAN BAGI 10 BUAH HELIKOPTER ECUREUIL AS 355 F2/N**

BIL	NO. PENDAFTARAN HELIKOPTER	LOKASI
1.	9M-PHA	PGU Subang
2.	9M-PHB	PGU Subang
3.	9M-PHD	PGU Subang
4.	9M-PHE	PGU Subang
5.	9M-PHF	PGU Subang
6.	9M-PHG	PGU Subang
7.	9M-PHH	PGU Kuching
8.	9M-PHJ	PGU Subang
9.	9M-PHK	PGU Kota Kinabalu
10.	9M-PHL	PGU Subang

Sumber: Laporan Pasukan Gerakan Udara PDRM

## 2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dilaksanakan untuk menentukan bayaran penyenggaraan mengikut peraturan dan kontrak yang sedang berkuat kuasa.

## 3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan telah dilaksanakan di Ibu Pejabat PDRM terhadap bayaran perkhidmatan penyenggaraan bagi tahun 2018 hingga bulan September 2019.

3.2. Sampel yang dipilih bagi bayaran perkhidmatan penyenggaraan adalah 113 arahan pembayaran berjumlah RM34.70 juta bagi tahun 2018 hingga bulan September 2019.

3.3. Pengauditan dilaksanakan dengan menyemak dokumen dan rekod, analisis terhadap maklumat yang diperolehi, lawatan fizikal dan temu bual dengan pegawai yang terlibat.



## **4. RINGKASAN PENEMUAN AUDIT**

### **4.1. Penyenggaraan Korektif Bagi Peralatan Bantuan Teknik (Fotografi) Polis Diraja Malaysia**

#### **4.1.1. Tuntutan Penukaran Alat Ganti Melebihi Had Siling Yang Ditetapkan Dalam Kontrak Asal**

- a. Pembayaran terhadap penukaran alat ganti sejumlah RM2.70 juta adalah melebihi had siling RM209,964 yang ditetapkan dalam kontrak asal. Lebihan perbelanjaan alat ganti adalah RM2.49 juta atau 1,185% daripada had siling kontrak asal.
- b. Penyenggaraan korektif terhadap 467 peralatan sedia ada tidak dilaksanakan mengikut kontrak. Bagaimanapun, sejumlah RM2.72 juta telah dibayar bagi pembelian 467 peralatan baru.

#### **4.1.2. Peralatan Yang Disenggara Belum Diserahkan Kepada PDRM**

Sebanyak 187 peralatan fotografi bernilai RM1.05 juta yang dihantar untuk penyenggaraan masih belum dikembalikan oleh syarikat walaupun kontrak telah tamat pada 31 Mei 2019.

### **4.2. Bayaran Penyenggaraan Kontrak Perkhidmatan Penyenggaraan Helikopter oleh Pusat Gerakan Udara (PGU) Subang**

4.2.1. Bayaran tetap penyenggaraan bulanan helikopter berjumlah RM105,875 telah terlebih bayar kerana bayaran dikenakan pada kadar RM38,500 sebulan untuk tempoh 19 bulan yang sepatutnya dikurangkan sebanyak 25% kepada RM28,875.

4.2.2. Bayaran tetap penyenggaraan bulanan helikopter berjumlah RM3.47 juta telah dibuat terhadap dua (2) buah helikopter yang tidak aktif melebihi tiga (3) tahun.

## 5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan mulai bulan September hingga Disember 2019 dan *Exit Conference* telah diadakan pada 10 Julai 2020. Maklum balas daripada PDRM telah diterima pada 5 Jun 2020. Penemuan Audit adalah seperti yang dinyatakan di perenggan 5.1 dan 5.2.

### 5.1. Penyenggaraan Korektif Bagi Peralatan Bantuan Teknik (Fotografi) Polis Diraja Malaysia

#### 5.1.1. Tuntutan Penukaran Alat Ganti Fotografi Melebihi Had Siling Yang Ditetapkan Dalam Kontrak Asal Sejumlah RM2.49 Juta

- a. Kontrak Perkhidmatan Penyenggaraan Korektif bagi Peralatan Bantuan Teknik (Fotografi) berkuat kuasa mulai 1 Disember 2014 hingga 30 November 2017 berjumlah RM3 juta telah diperincikan kepada dua (2) skop, iaitu penyenggaraan secara korektif dan penukaran alat ganti yang masing-masing berjumlah RM2.79 juta dan RM209,964. Penukaran alat ganti baru hanya untuk sekali sahaja dalam tempoh kontrak bagi semua peralatan yang disenaraikan. Pelanjutan kontrak sehingga 31 Mei 2019 dengan tambahan kos sejumlah RM1.50 juta adalah bagi tujuan penyenggaraan secara korektif dan penukaran alat ganti.
- b. Semakan Audit terhadap 15 arahan pembayaran sehingga 30 November 2017 mendapati **pembayaran terhadap penukaran alat ganti sejumlah RM2.70 juta telah melebihi RM2.49 juta atau 1,185% daripada had siling** berjumlah RM209,964 yang ditetapkan dalam kontrak asal. Lebihan alat ganti ini kemudiannya telah diliputi melalui Surat Setuju Terima bertarikh 30 November 2017 bagi kontrak tambahan berjumlah RM1.50 juta menjadikan had siling kontrak keseluruhannya berjumlah RM4.50 juta. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 3.2.2**.

**JADUAL 3.2.2**  
**PENUKARAN ALAT GANTI YANG DITUNTUT**  
**MELEBIHI HAD SILING YANG DITETAPKAN DALAM KONTRAK ASAL**

BIL.	PERIHAL	NILAI KONTRAK ASAL	PEMBAYARAN MELIBATKAN 15 ARAHAN PEMBAYARAN	LEBIH / (KURANG)	
		(RM) Juta	(RM) Juta	(RM) Juta	%
1.	Penukaran Alat Ganti	0.21	2.70	2.49	1,185

Sumber: Arahan Pembayaran dan Dokumen Kontrak

- c. Semakan lanjut mendapati **penyenggaraan 467 aset sedia ada tidak dilaksanakan seperti dalam kontrak penyenggaraan, sebaliknya syarikat telah membekalkan 467 peralatan baru berjumlah RM2.72 juta** berdasarkan rekod Unit Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ). Mengikut arahan pembayaran, syarikat telah membuat tuntutan untuk caj korektif, caj perkhidmatan penyenggaraan dan pertukaran alat ganti bagi peralatan fotografi yang disenggara seperti dalam kontrak. Bagaimanapun, syarikat telah membekalkan peralatan yang baru kepada PDRM dengan menggunakan nilai penyenggaraan dalam kontrak. Butiran terperinci adalah seperti dalam **Jadual 3.2.3**.

**JADUAL 3.2.3**  
**TUNTUTAN ITEM PENYENGGARAAN**  
**YANG TIDAK DILAKSANAKAN MENGIKUT ARAHAN PEMBAYARAN**

TUNTUTAN DI ARAHAN PEMBAYARAN					PERALATAN BARU YANG DIBEKALKAN (KIRAAN AUDIT)				
BIL	ITEM PENYENGGARAAN #	KUANTITI	NILAI ALAT GANTI (RM)	AMAUN (RM)	BIL	PERALATAN	KUANTITI	AMAUN (RM)	
							(a)	(b)	(a) X (b)
1.	Kamera DSLR Canon EOS 30D	126	6,528	822,528	1.	Canon EOS 700D	9	58,752	
					2.	Canon EOS 70D	18	117,504	
					3.	Canon EOS 80D	10	65,280	
					4.	Canon EOS 750D	69	450,432	
					5.	Canon EOS 800D	20	130,560	
	JUMLAH	126		822,528		JUMLAH	126	822,528	
2.	Lens 17-85mm	115	1,987	228,505	6.	Lens 18-135MM	172	341,764	
						JUMLAH	115		228,505
3.	Kamera DSLR Canon EOS 40D	29	4,494	130,326	7.	Canon EOS 750D	38	170,772	
						JUMLAH	29		130,326
4.	Lens 18-55mm	6	1,478	8,868	8.	Lens 18-55mm	9	13,302	
						JUMLAH	6		8,868
5.	Digital Photo Printer Noritsu IP64	62	9,949	616,838	9.	Digital Noritsu Printer	35	348,215	
						JUMLAH	62		616,838
6.	Consumer Terminal Noritsu IP64	54	9,033	487,782	10.	Digital Noritsu Printer	35	316,155	
						JUMLAH	54		487,782
7.	Kamera DSLR Canon EOS 50D	8	5,207	41,656	11.	Canon EOS 750D	12	62,484	
						JUMLAH	8		41,656
8.	Kamera DSLR Canon EOS 350D	3	4,392	13,176	12.	Canon EOS 700D	3	13,176	
						JUMLAH	3		13,176
9.	Video Camcorder Legria HRF R26	7	2,927	20,489	13.	Panasonic HC-W585	5	14,635	
						JUMLAH	7		20,489
10.	Speedlite 430 EXII	12	2,029	24,348	14.	Speedlite 430 EXII	12	24,348	
						JUMLAH	12		24,348
11.	Video Camcorder Canon HR-10	12	4,583	54,996	15.	Panasonic HC-W580	7	32,081	
						JUMLAH	12		54,996
	JUMLAH	12		54,996		JUMLAH	13	59,579	

TUNTUTAN DI ARAHAN PEMBAYARAN					PERALATAN BARU YANG DIBEKALKAN (KIRAAN AUDIT)			
BIL	ITEM PENYENGGARAAN #	KUANTITI	NILAI ALAT GANI (RM)	AMAUN (RM)	BIL	PERALATAN	KUANTITI *	AMAUN (RM)
		(a)	(b)	(a) X (b)			(d)	(d) X (b)
12.	Lens 100mm	3	1,638	4,914	Tidak dilaksanakan dan tidak digantikan.			
13.	Video Camcorder Panasonic TMC-80	1	1,812	1,812				
14.	Lens 24-104mm	4	2,161	8,644				
15.	Kamera Video Panasonic DVC AJ- SDC615E	1	13,287	13,287				
16.	Lens 18-200mm	8	1,423	11,384				
17.	Kamera Video Panasonic P2HD AG- HPX250EN	1	29,310	29,310				
18.	Kamera DSLR Canon EOS 5D MKII	3	10,075	30,225				
19.	Kamera Video Canon XF105	4	8,537	34,148				
20.	Kamera Video Canon XL2	1	6,011	6,011				
21.	Kamera Video Panasonic AG- HPX372	1	22,581	22,581				
22.	Kamera Video Canon XF305	1	14,318	14,318				
23.	Memory Card Portable Recorder Panasonic AG- HPD24E	1	11,709	11,709				
24.	Kamera Video Panasonic AG- HPX372	3	22,581	67,743				
25.	Vido Switcher Panasonic AV- HS410E	1	12,589	12,589				
26.	Tiada justifikasi terhadap peralatan yang dibekalkan							
					18.	Video Canon XA10	1	
					19.	Video Powershoot G7XMK11	1	
					20.	Data Video Switcher SE 650	1	
					21.	Monitor Dell E1916HV	1	
					22.	Canon EOS 70D	2	
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>467</b>		<b>2,718,187</b>			<b>467</b>	<b>2,718,187</b>

Sumber: Arahan Pembayaran dan Rekod Unit JSJ

Nota : # Tuntutan syarikat di arahan pembayaran adalah untuk penyenggaraan korektif dan penukaran alat ganti bagi setiap item yang disenggara

\* Pemeriksaan fizikal tidak dilaksanakan secara menyeluruh terhadap 467 peralatan baru yang dibekalkan kerana melibatkan pengagihan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak

\*\* Tiada perincian harga dikemukakan

- d. Pihak Audit mendapati perkara ini berlaku disebabkan pegawai pengesah kerja, pegawai penyedia, penyemak dan pengesah di Unit Kewangan dan JSJ (D6) tidak membuat semakan dengan teliti mengikut syarat kontrak sebelum bayaran dibuat dan telah menyebabkan pembayaran tidak wajar.

### **Maklum balas PDRM yang diterima pada 17 Jun 2020**

Pegawai yang bertanggungjawab telah mengadakan perbincangan dengan syarikat untuk menggantikan kamera yang telah usang dengan kamera yang terkini (spesifikasi yang lebih baik) menggunakan kontrak perkhidmatan penyenggaraan secara korektif bagi peralatan bantuan teknik (fotografi) KDN/PL/PDRM/144/2014. Perbincangan berkenaan adalah berdasarkan Perenggan 6 Pekeliling Perbendaharaan Malaysia – Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan: Penyenggaraan (AM 2.5), iaitu penggantian aset dibenarkan tertakluk kepada syarat yang ditetapkan dalam pekeling. Selain itu, nilai pembayaran adalah berdasarkan nilai keseluruhan kontrak mengikut pecahan yang terdapat dalam lampiran kontrak. Perbandingan yang dibuat tidak mengambil kira nilai kontrak tambahan berjumlah RM1.50 juta di mana secara keseluruhannya pembayaran yang telah dibuat berjumlah RM3.92 juta tidak melebihi nilai kontrak RM4.50 juta.

**Pernyataan Audit** | **Penukaran alat ganti fotografi melebihi had siling dalam kontrak asal sebelum kontrak tambahan dibuat adalah menyalahi peraturan kewangan. Selain itu, pembayaran untuk perolehan peralatan baru yang tidak mematuhi syarat ditetapkan dalam kontrak merupakan pembayaran tidak wajar.**

#### **5.1.2. Peralatan Fotografi Bernilai RM1.05 Juta Yang Disenggara Belum Diserahkan Kepada PDRM**

Fasal 2 dalam Kontrak Perkhidmatan Penyenggaraan Secara Korektif Bagi Peralatan Bantuan Teknik (Fotografi) menetapkan kontraktor hendaklah menyediakan perkhidmatan mengikut skop dan spesifikasi serta harga yang ditetapkan dalam jadual-jadual mulai tarikh perjanjian dan menyempurnakan perkhidmatan tersebut dalam tempoh perjanjian ini.

Berdasarkan surat rujukan JSJ KPN 47/3 kepada syarikat pada 15 Oktober 2019 mendapati sebanyak 187 peralatan fotografi bernilai RM1.05 juta yang dihantar bagi tujuan penyenggaraan masih belum dikembalikan oleh syarikat walaupun kontrak telah tamat pada 31 Mei 2019. Butiran lanjut peralatan tersebut adalah seperti dalam **Jadual 3.2.4**.

**JADUAL 3.2.4**  
**PERALATAN FOTOGRAFI MASIH DALAM SIMPANAN SYARIKAT**

BIL.	PERALATAN KELENGKAPAN FOTOGRAFI	UNIT	KOS SEUNIT MENGIKUT DAFTAR HARTA MODAL (RM)	JUMLAH (RM)
1.	Noritsu IP-64 Terminal	32	15,300	489,600
2.	Noritsu IP-64 Printer	36	4,412	158,832
3.	Kamera Digital Canon EOS 40D	30	4,249	127,470
4.	Lens 17-85MM	49	2,259	110,691
5.	Kamera Digital Canon EOS 30D	18	4,249	76,482
6.	Video Camcorder Canon HR 10	5	8,500	42,500
7.	Kamera Digital Canon EOS 50D	15	2,537	38,055
8.	Lens 18-55MM	2	1,150	2,300
<b>JUMLAH</b>		<b>187</b>		<b>1,045,930</b>

Sumber: Surat Rujukan JSJ KPN 47/3

### **Maklum balas PDRM yang diterima pada 17 Jun 2020**

Pemeriksaan awal yang dibuat mendapati aset masih dalam simpanan syarikat. Bagaimanapun, pihak syarikat telah mengesahkan tiada sebarang aset dalam simpanan mereka pada 20 November 2019. PDRM akan membuat satu laporan polis atas kehilangan aset berkenaan. PDRM juga telah memohon agar pihak KDN untuk tidak melepaskan bon pelaksanaan berjumlah RM50,000 sehingga semua perkara diselesaikan. PDRM akan mewujudkan satu jawatankuasa siasatan dalaman bagi menyiasat perkara ini.

**Pernyataan Audit** | **Walaupun syarikat telah membuat penggantian peralatan baru bagi penyenggaraan yang tidak dilaksanakan, hak milik peralatan berjumlah RM1.05 juta masih di bawah tanggungjawab PDRM.**

## 5.2. Bayaran Penyenggaraan Kontrak Perkhidmatan Penyenggaraan Helikopter oleh Pusat Gerakan Udara Subang

### 5.2.1. Potongan Bayaran Penyenggaraan Bagi Helikopter Yang Tidak Aktif Selepas 6 Bulan Tidak Diberi Potongan Sebanyak 25%

- a. Klausula 15.2 kontrak perkhidmatan penyenggaraan menyatakan selepas enam (6) bulan helikopter tidak aktif, bayaran tetap bulanan penyenggaraan helikopter yang dikenakan untuk satu (1) helikopter akan dikurangkan sebanyak 25%. Bayaran tetap bulanan penyenggaraan helikopter adalah sejumlah RM38,500 dan selepas pengurangan adalah sejumlah RM28,875.
- b. Berdasarkan Laporan Bulanan Penyenggaraan Helikopter, sebanyak enam (6) daripada 10 buah helikopter diklasifikasikan sebagai tidak aktif kerana tidak mencapai jam penerbangan yang ditetapkan. Daripada enam (6) buah helikopter yang tidak aktif, sebuah helikopter dalam proses pelupusan, sebuah helikopter tidak aktif kurang daripada enam (6) bulan dan empat (4) buah helikopter tidak aktif melebihi enam (6) bulan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 3.2.5**.

**JADUAL 3.2.5**  
**SENARAI HELIKOPTER JENIS ECUREUIL AS355N**  
**TIDAK AKTIF DI PGU SUBANG**

BIL	NO. PENDAFTARAN HELIKOPTER	LOKASI	REKOD AKHIR PENYENGGARAAN	SEBAB KELEWATAN SENGGARA
1.	9M-PHA	Subang	Ogos 2014	Rosak / Kekangan Bajet
2.	9M-PHD	Subang	2014	Kemalangan – Dalam Proses Pelupusan
3.	9M-PHE	Subang	Jun 2019	Rosak/ Kekangan Bajet
4.	9M-PHF	Subang	Disember 2011	Rosak / Kekangan Bajet
5.	9M-PHJ	Subang	Mac 2018	Kemalangan
6.	9M-PHL	Subang	November 2016	Rosak / Kekangan Bajet

Sumber: Laporan Bulanan Penyenggaraan Helikopter

- c. Lawatan Audit pada bulan September 2019 di PGU Subang mendapati sebuah daripada empat (4) buah helikopter yang tidak aktif melebihi enam (6) bulan tidak dikurangkan bayaran tetap bulanan sebanyak 25%. Helikopter berpendaftaran 9M-PHJ tidak aktif sejak kemalangan semasa pendaratan pada 13 Mac 2018. Tempoh masa tidak aktif bagi helikopter 9M-PHJ sehingga bulan Ogos 2019 adalah selama 17 bulan. Bagaimanapun, bayaran tetap bulanan helikopter masih dikenakan pada kadar RM38,500 sebulan selepas tempoh enam (6) bulan dari tarikh helikopter berkenaan tidak aktif. Mengikut pengiraan Audit, **sejumlah RM105,875 telah terlebih bayar bagi bayaran tetap bulanan helikopter berkenaan bagi tempoh 11 bulan iaitu dari Oktober 2018 hingga September 2019** (setelah ditolak tempoh enam (6) bulan sebelum pengurangan 25% bayaran tetap bulanan helikopter).

Pengiraan Audit bagi lebihan bayaran tetap bulanan helikopter berpendaftaran 9M-PHJ secara terperinci adalah seperti dalam **Jadual 3.2.6**.

**JADUAL 3.2.6**  
**LEBIHAN BAYARAN TETAP BULANAN HELIKOPTER 9M-PHJ**

BIL.	BULAN	BAYARAN TETAP BULANAN YANG DIBAYAR (RM)	PENGIRAAN AUDIT	
			BAYARAN MENURUT KLAUSA 15.2 (RM)	LEBIHAN BAYARAN (RM)
			(a)	(b)
1.	Januari 2019	38,500	28,875	9,625
2.	Februari 2019	38,500	28,875	9,625
3.	Mac 2019	38,500	28,875	9,625
4.	April 2019	38,500	28,875	9,625
5.	Mei 2019	38,500	28,875	9,625
6.	Jun 2019	38,500	28,875	9,625
7.	Julai 2019	38,500	28,875	9,625
8.	Ogos 2019	38,500	28,875	9,625
<b>JUMLAH</b>		<b>308,000</b>	<b>231,000</b>	<b>77,000</b>
1.	Oktober 2018	38,500	28,875	9,625
2.	November 2018	38,500	28,875	9,625
3.	Disember 2018	38,500	28,875	9,625
<b>JUMLAH</b>		<b>115,500</b>	<b>86,625</b>	<b>28,875</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>423,500</b>	<b>317,625</b>	<b>105,875</b>

Sumber: Arahan Pembayaran

- d. Semakan lanjut mendapati **bayaran penyenggaraan helikopter berjumlah RM3.47 juta telah dibuat bagi dua (2) buah helikopter, iaitu 9M-PHA dan 9M-PHF yang tidak aktif melebihi tiga (3) tahun daripada 2017 hingga 2019**. Pihak Audit mendapati perkara ini berlaku kerana syarat kontrak hanya membenarkan potongan harga diberikan maksimum terhadap tiga (3) buah helikopter pada satu masa. Ini menyebabkan pembaziran sejumlah RM3.47 juta seperti dalam **Jadual 3.2.7**

**JADUAL 3.2.7**  
**BAYARAN PENYENGGARAAN TERHADAP HELIKOPTER TIDAK AKTIF MELEBIHI 3 TAHUN**

BIL.	NO. PENDAFTARAN HELIKOPTER	BAYARAN PENYENGGARAAN SELEPAS DISKAUN 25% (RM)	TARIKH TIDAK AKTIF	TEMPOH TIDAK AKTIF SELEPAS 6 BULAN SEHINGGA SEPTEMBER 2019	JUMLAH BAYARAN* (RM Juta)
		(a)	(b)	(c)	(d) = (a) x (c)
1.	9M-PHA	28,875	Ogos 2014	55 Bulan (4 tahun 7 bulan)	1.59
2.	9M-PHF	28,875	November 2013	65 Bulan (5 tahun 5 bulan)	1.88
<b>JUMLAH BAYARAN</b>					<b>3.47</b>

Sumber: Arahan Pembayaran

Nota : \*Pengiraan bayaran selepas enam (6) bulan helikopter tidak aktif



## **Maklum balas PDRM yang diterima pada 17 Jun 2020**

Berdasarkan kontrak No. KDN/PL/PDRM/96/2013, klausa 15 memperuntukkan bilangan helikopter dalam senarai tidak aktif hendaklah tidak melebihi 30% dari bilangan keseluruhan helikopter. Pemotongan harga sebanyak 25% daripada kos bayaran tetap bulanan penyenggaraan bagi setiap helikopter boleh dibuat selepas enam (6) bulan daripada tarikh notis diberikan. Ini bermakna hanya maksimum tiga (3) buah helikopter sahaja dikenakan potongan harga pada satu masa, walaupun ada helikopter lain yang tidak boleh digunakan atau rosak untuk tempoh masa panjang pada masa tersebut. Bagi tujuan nyahaktif, kontraktor perlu diberikan satu (1) bulan notis sebelum sesebuah helikopter boleh dinyahaktifkan. Pihak KDN sedang menyemak semula terma kontrak lanjutan untuk menjamin kepentingan Kerajaan terpelihara.

**Pernyataan Audit** | **Kontrak perkhidmatan penyenggaraan sepatutnya tidak menghadkan bilangan maksimum helikopter yang boleh diberi pengurangan bayaran penyenggaraan pada satu masa kerana kerosakan yang berlaku di luar jangkaan.**

## **6. SYOR AUDIT**

Bagi memastikan tindakan pematuhan kepada peraturan dan penguatkuasaan klausa kontrak, PDRM perlu mengambil tindakan berikut:

- 6.1. Memastikan pegawai penyedia, penyemak dan pengesah membuat semakan dengan teliti mengikut syarat kontrak sebelum bayaran dibuat bagi mengelakkan pembayaran tidak wajar.
- 6.2. Memastikan syarat kontrak berkaitan bayaran dibuat berdasarkan kerja penyenggaraan yang sebenar bagi menjaga kepentingan Kerajaan.
- 6.3. Mengenakan tindakan terhadap pihak syarikat atau pegawai yang tidak mematuhi kehendak atau arahan Jabatan seperti yang tertakluk dalam undang-undang, peraturan kewangan, kontrak dan standard prosedur operasi.





# 4

## PEMATUHAN TERHADAP PROSEDUR KEHILANGAN WANG AWAM DAN ASET ALIH

- ◉ Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat
- ◉ Kementerian Pendidikan Malaysia



## PEMATUHAN TERHADAP PROSEDUR KEHILANGAN WANG AWAM DAN ASET ALIH

Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga Dan Masyarakat  
Kementerian Pendidikan Malaysia

### Perkara Utama

**Apa yang diaudit?**

- Pengauditan pematuhan terhadap prosedur kehilangan wang awam dan aset alih di dua (2) kementerian.

**Mengapa ia penting untuk diaudit?**

- Menentukan pematuhan terhadap prosedur kehilangan wang awam dan aset alih telah dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.

**Apa yang ditemui?**

- Penemuan utama Audit mengikut jabatan adalah seperti berikut:
  - **Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**
    - Laporan Polis bagi tujuh (7) kes kehilangan wang awam berjumlah RM196,132 lewat dibuat antara lima (5) hingga 853 hari;
    - Laporan Awal bagi empat (4) kes kehilangan wang awam berjumlah RM405,176 lewat disediakan antara 38 hingga 1,484 hari; dan
    - Laporan Akhir bagi lapan (8) kes siasatan kehilangan wang awam berjumlah RM543,088 belum atau lewat dikemukakan kepada Perbendaharaan antara 18 hingga 277 hari.
  - **Kementerian Pendidikan Malaysia**
    - Laporan Polis bagi 21 kes kehilangan wang awam dan aset alih berjumlah RM705,894 belum atau lewat dibuat antara tiga (3) hingga 1,746 hari;
    - Laporan Awal bagi 13 kes kehilangan wang awam berjumlah RM669,718 belum atau lewat disediakan antara tujuh (7) hingga 1,922 hari;
    - Laporan Awal bagi 62 kes kehilangan aset alih berjumlah RM1.28 juta lewat diserahkan kepada Pegawai Pengawal antara 14 hingga 1,791 hari;

- Laporan Akhir siasatan bagi 83 kes kehilangan wang awam dan aset alih berjumlah RM2.54 juta belum atau lewat dikemukakan kepada Perbendaharaan atau Kuasa Melulus antara 38 hingga 4,087 hari; dan
- Tindakan susulan bagi 31 kes kehilangan wang awam dan aset alih berjumlah RM552,036 belum dilaksanakan selepas mendapat kelulusan Perbendaharaan atau Kuasa Melulus antara 88 hingga 504 hari.

### Syor Audit

- Pihak Audit mengesyor seperti berikut:
  - Memastikan pegawai yang bertanggungjawab terhadap kehilangan hendaklah membuat Laporan Polis dengan segera sebaik sahaja menyedari kehilangan wang awam berlaku dan menyediakan Laporan Awal kepada Pegawai Pengawal;
  - Mengambil tindakan sewajarnya terhadap pegawai yang tidak mematuhi kehendak atau arahan Jabatan seperti yang tertakluk dalam peraturan kewangan; dan
  - Melaksanakan mekanisme pemantauan prosedur kehilangan dan hapus kira wang awam melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun serta Jawatankuasa Anti Rasuah.



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
WANITA, KELUARGA DAN  
MASYARAKAT**





## 4. PEMATUHAN TERHADAP PROSEDUR KEHILANGAN WANG AWAM

### 4.1 KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

#### 1. LATAR BELAKANG

Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (PP) – Pengurusan Kehilangan dan Hapus Kira Wang Awam (WP10.3) menetapkan bahawa Laporan Akhir kehilangan wang awam perlu dikemukakan kepada Perbendaharaan dalam tempoh 66 hari norma kerja (dari tarikh Laporan Polis dibuat sehingga tarikh penyerahan Laporan Akhir kepada Perbendaharaan) yang ditetapkan. Sebanyak 10 kes kehilangan wang awam berjumlah RM565,964 telah direkod dan dilaporkan di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) pada tahun 2018 dan 2019 melibatkan kehilangan bagi tahun 2015 hingga 2019. Butiran kes kehilangan wang awam di KPWKM adalah seperti dalam **Jadual 4.1.1**.

**JADUAL 4.1.1  
BILANGAN KES KEHILANGAN WANG AWAM YANG DILAPORKAN  
DI KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

BIL.	PERIHAL KES / TAHUN KEHILANGAN	PUSAT TANGGUNGJAWAB	JUMLAH (RM)	BIL. PEGAWAI YANG DISYAKI	TINDAKAN KEPADA PEGAWAI YANG DISYAKI	TEMPOH MASA PENYERAHAN LAPORAN AKHIR KEPADA PERBENDAHARAAN (HARI)	
						PATUT	SEBENAR
<b>KES YANG DIREKOD DAN DILAPORKAN PADA TAHUN 2019</b>							
1.	Kehilangan Wang Peruntukan (2019)	Rumah Kanak-kanak Tengku Budriah (RKKTB) Kuala Lumpur	342,490	1	Tiada tindakan	66	262
2.	Kehilangan Wang Bantuan Orang Tua dan Bantuan Am (2019)	Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Timur Laut (PKMD) Pulau Pinang	107,370	1	Pegawai ditukarkan	66	205
3.	Penyelewengan Kad Inden Minyak (2019)	Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) Kampar, Perak	3,000	1	Pegawai tidak menjalankan tugas kewangan	66	89
4.	Kehilangan wang saku tunai (2019)	Sekolah Tunas Bakti (STB) Sungai Besi, Kuala Lumpur	11,676	2	Pegawai tidak dibenarkan menunaikan wang saku di bank	66	79
5.	Kehilangan wang awam akibat pembelian barang catuan makanan penghuni di luar kontrak (2019)	Sekolah Tunas Bakti (STB) Sungai Besi, Kuala Lumpur	11,200	8	Tiada tindakan	Tidak dapat ditentukan**	

BIL.	PERIHAL KES / TAHUN KEHILANGAN	PUSAT TANGGUNGJAWAB	JUMLAH (RM)	BIL. PEGAWAI YANG DISYAKI	TINDAKAN KEPADA PEGAWAI YANG DISYAKI	TEMPOH MASA PENYERAHAN LAPORAN AKHIR KEPADA PERBENDAHARAAN (HARI)	
						PATUT	SEBENAR
6.	Kehilangan Wang Geran (2018)	Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) Alor Gajah, Melaka	14,977	1	Pegawai meletakkan jawatan pada 19 Mac 2018	66	646*
7.	Kehilangan Wang Bantuan Orang Tua dan Skim Bantuan Pesakit Terlantar/Kronik (2015)	Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) Kinta, Perak	13,000	1	Pegawai tidak dibenarkan terlibat dengan urusan pembayaran	66	1,772
<b>KES YANG DIREKOD DAN DILAPORKAN PADA TAHUN 2018</b>							
8.	Wang Tunai (2018)	Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Kelantan	16,142	1	Tiada tindakan	66	135
9.	Kehilangan Wang Saku Tunai (2018)	Rumah Seri Kenangan (RSK) Johor Bahru	11,400	1	Tiada tindakan	66	369
10.	Penyalahgunaan Kad Inden Minyak (2016)	Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Johor	34,709	3	Pegawai ditukarkan	66	1,265
<b>JUMLAH</b>			<b>565,964</b>				

Sumber: Laporan Awal KPWKM

Nota : \*Sehingga 31 Januari 2020 Laporan Akhir belum dikemukakan kepada Perbendaharaan

\*\*Kes ini tidak dapat disemak kerana dokumen tidak lengkap

## 2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menentukan kehilangan wang awam di KPWKM telah dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.

## 3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan telah dilaksanakan di Ibu Pejabat KPWKM terhadap prosedur kehilangan wang Awam setakat 31 Januari 2020 yang melibatkan Bahagian Kewangan dan Bahagian Khidmat Pengurusan.

3.2. Sampel yang dipilih adalah terhadap sembilan (9) Laporan Akhir kes kehilangan wang awam yang belum diputuskan dan diambil tindakan setakat tarikh pengauditan dilaksanakan.

3.3. Metodologi pengauditan meliputi semakan terhadap rekod, dokumen dan fail berkaitan, analisis dan temu bual serta perbincangan dengan pegawai dan pihak terlibat.

#### 4. RINGKASAN PENEMUAN AUDIT

4.1. Laporan Polis bagi tujuh (7) kes kehilangan wang awam berjumlah RM196,132 lewat dibuat antara lima (5) hingga 853 hari.

4.2. Laporan Awal bagi empat (4) kes kehilangan wang awam berjumlah RM405,176 lewat disediakan antara 38 hingga 1,484 hari.

4.3. Laporan Akhir bagi lapan (8) kes siasatan kehilangan wang awam berjumlah RM543,088 belum atau lewat dikemukakan kepada Perbendaharaan antara 18 hingga 277 hari.

#### 5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan mulai 3 hingga 6 Disember 2019 dan maklum balas daripada KPWKM telah diterima pada 16 Mac 2020. Penemuan Audit adalah seperti yang dinyatakan di perenggan 5.1. hingga 5.3.

##### 5.1. Laporan Polis bagi tujuh (7) kes kehilangan wang awam berjumlah RM196,132 lewat dibuat antara lima (5) hingga 853 hari

5.1.1. AP315(a) menetapkan bahawa Ketua Jabatan atau pegawai yang bertanggungjawab ke atas kehilangan hendaklah melaporkan kepada pihak polis dalam tempoh 24 jam dari masa kehilangan diketahui jika ia ada alasan untuk mempercayai bahawa sesuatu kesalahan jenayah telah dilakukan berhubung dengan kehilangan tersebut.

5.1.2. Didapati sebanyak tujuh (7) kes kehilangan wang awam berjumlah RM196,132 lewat dilaporkan kepada pihak polis antara lima (5) hingga 853 hari dari tarikh kehilangan seperti dalam **Jadual 4.1.2**.

**JADUAL 4.1.2**  
**TEMPOH KELEWATAN MELAPORKAN**  
**KEHILANGAN WANG AWAM KEPADA PIHAK POLIS**

BIL.	PUSAT TANGGUNGJAWAB	JUMLAH (RM)	TARIKH KEHILANGAN	TARIKH LAPORAN POLIS		TEMPOH LEWAT (HARI) (b) – (a)
				PATUT (24 JAM) (a)	SEBENAR (b)	
1.	JKM Johor	34,709	11.04.2016	12.04.2016	13.08.2018	853
2.	RSK Johor Bahru	11,400	22.02.2018	23.02.2018	23.09.2018	212
3.	PKMD Alor Gajah, Melaka	14,977	23.04.2018	24.04.2018	17.08.2018	115
4.	PKMD Kinta, Perak	13,000	07.04.2015	08.04.2015	13.05.2015	35
5.	STB Sungai Besi, Kuala Lumpur	11,676	05.08.2019	06.08.2019	19.08.2019	13
6.	PKMD Timur Laut, Pulau Pinang	107,370	08.03.2019	09.03.2019	18.03.2019	10
7.	PKMD Kampar, Perak	3,000	09.10.2019	10.10.2019	15.10.2019	5
	<b>JUMLAH</b>	<b>196,132</b>				

Sumber: Laporan Polis KPWKM

Semakan Audit mendapati kelewatan melaporkan kehilangan wang awam kepada pihak polis berpunca daripada tindakan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) atau Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) yang membuat pengesahan kehilangan atau siasatan terlebih dahulu bagi mengenal pasti butir-butir kehilangan wang awam.

### **Maklum balas KPWKM yang diterima pada 16 Mac 2020**

Pihak Jabatan mengambil maklum dan akur dengan teguran daripada pihak Audit.

**Pernyataan Audit** | Tempoh masa yang diambil oleh PKMD bagi membuat laporan polis adalah tidak munasabah dengan kelewatan sehingga 853 hari. Pihak JKM atau PKMD sepatutnya membuat Laporan Polis sebaik sahaja kehilangan disedari berlaku dan menyediakan Laporan Awal serta merta kepada Pegawai Pengawal.

### **5.2. Laporan Awal bagi empat (4) kes kehilangan wang awam berjumlah RM405,176 lewat dibuat antara 38 hingga 1,484 hari**

5.2.1. Laporan Awal bagi kehilangan wang awam perlu disediakan dalam tempoh lima (5) hari bekerja dari tarikh Laporan Polis dibuat seperti yang ditetapkan dalam perenggan 4.1.1.2 – PP WP10.3.

5.2.2. Adalah didapati penyediaan Laporan Awal bagi empat (4) kes kehilangan berjumlah RM405,176 mengambil masa antara 38 hingga 1,484 hari dari tarikh Laporan Polis dibuat. Tempoh kelewatan Pusat Tanggungjawab (PTJ) menyediakan Laporan Awal tersebut adalah tidak munasabah berbanding masa yang ditetapkan, iaitu lima (5) hari bekerja. Maklumat lanjut adalah seperti dalam **Jadual 4.1.3**.

**JADUAL 4.1.3**  
**TEMPOH KELEWATAN MENYEDIAKAN LAPORAN AWAL**

BIL.	PUSAT TANGGUNGJAWAB	JUMLAH (RM)	TARIKH LAPORAN POLIS	TARIKH LAPORAN AWAL DISEDIAKAN		TEMPOH LEWAT (HARI) (b) – (a)
				PATUT (a)	SEBENAR (b)	
1.	PKMD Kinta, Perak	13,000	13.05.2015	20.05.2015	12.06.2019	1,484
2.	PKMD Alor Gajah, Melaka	14,977	17.08.2018	24.08.2018	26.07.2019	336
3.	JKM Johor	34,709	13.08.2018	20.08.2018	28.10.2018	69
4.	RKKTB Kuala Lumpur	342,490	08.01.2019	17.01.2019	24.02.2019	38
<b>JUMLAH</b>		<b>405,176</b>				

Sumber: Laporan Polis dan Laporan Awal, KPWKM

5.2.3. Pihak Audit mendapati Laporan Awal lewat disediakan kerana pegawai dan kakitangan terlibat tidak merujuk kepada Arahan Perbendaharaan yang berkaitan prosedur yang sepatutnya dilaksanakan untuk mengurus kes kehilangan wang awam.

### **Maklum balas KPWKM yang diterima pada 16 Mac 2020**

Kelewatan penyediaan Laporan Awal berlaku disebabkan oleh ketidakfahaman pegawai berhubung prosedur kehilangan wang awam. Pihak Jabatan telah mengambil tindakan penambahbaikan dengan membuat perancangan bagi mengadakan satu persidangan yang melibatkan semua pegawai JKM berhubung pengurusan kewangan yang turut merangkumi Tatacara Pengurusan Kehilangan Wang Awam bagi mengatasi dan meminimumkan kesilapan pada masa akan datang.

<b>Pernyataan Audit</b>	<b>Kegagalan pegawai yang diberi tanggungjawab untuk menyediakan Laporan Awal dalam tempoh yang ditetapkan menyebabkan Pegawai Pengawal di Kementerian lewat dimaklumkan tentang kes kehilangan yang berlaku di JKM atau PKMD kerana Laporan Awal ini perlu dikemukakan bersama Laporan Polis.</b>
-------------------------	--

### **5.3. Laporan Akhir bagi lapan (8) kes siasatan kehilangan wang awam berjumlah RM543,088 belum atau lewat dikemukakan kepada Perbendaharaan antara 18 hingga 277 hari**

5.3.1. Laporan Akhir yang lengkap dengan syor dan ulasan Pegawai Pengawal hendaklah dikemukakan kepada Perbendaharaan untuk pertimbangan kelulusan tindakan hapus kira, tatatertib atau surcaj dalam tempoh 60 hari daripada tarikh Laporan Awal disediakan kecuali terdapat keperluan untuk siasatan semula selaras dengan kehendak perenggan 4.1.1.4 (e) dan (f) – PP WP10.3.

5.3.2. Sehingga 31 Januari 2020, Laporan Akhir bagi kehilangan wang awam di PKMD Alor Gajah, Melaka berjumlah RM14,977 masih belum dikemukakan kepada Perbendaharaan dengan kelewatan selama 129 hari. Laporan Akhir sepatutnya dikemukakan pada 24 September 2019. Selain itu, didapati tujuh (7) Laporan Akhir berjumlah RM528,111 lewat dikemukakan kepada Perbendaharaan antara 18 hingga 277 hari. Butiran terperinci seperti dalam **Jadual 4.1.4.**

**JADUAL 4.1.4**  
**TEMPOH LAPORAN AKHIR BELUM ATAU LEWAT**  
**DIKEMUKAKAN KEPADA PERBENDAHARAAN**

BIL.	PUSAT TANGGUNGJAWAB	PERIHAL KEHILANGAN	JUMLAH (RM)	TARIKH LAPORAN AWAL DISEDIAKAN	TARIKH LAPORAN AKHIR DIKEMUKA KEPADA PERBENDAHARAAN		TEMPOH LEWAT (HARI) (b) – (a)
					PATUT (a)	SEBENAR (b)	
<b>BELUM DIKEMUKAKAN</b>							
1.	PKMD Alor Gajah, Melaka	Kehilangan Wang Geran	14,977	26.07.2019	24.09.2019	Sehingga 31.01.2020 Laporan Akhir belum dikemukakan	129
<b>JUMLAH</b>			<b>14,977</b>				
<b>LEWAT DIKEMUKAKAN</b>							
1.	JKM Johor	Penyalahgunaan Kad Inden Minyak	34,709	28.10.2018	27.12.2018	30.09.2019	277
2.	PKMD Kinta, Perak	Kehilangan Wang Bantuan Orang Tua dan Skim Bantuan Pesakit Terlantar/Kronik	13,000	12.06.2019	11.08.2019	14.02.2020	187
3.	RKKTB Kuala Lumpur	Kehilangan Wang Peruntukan	342,490	24.02.2019	25.04.2019	30.09.2019	158
4.	PKMD Timur Laut, Pulau Pinang	Kehilangan Wang Bantuan Orang Tua dan Bantuan Am	107,370	25.03.2019	24.05.2019	22.11.2019	129
5.	RSK Johor Bahru	Kehilangan Wang Saku Tunai	11,400	02.10.2018	01.12.2018	28.02.2019	89
6.	JKM Kelantan	Kehilangan Wang Tunai	16,142	12.11.2018	11.01.2019	21.03.2019	69
7.	PKMD Kampar, Perak	Penyelewengan Kad Inden Minyak	3,000	21.10.2019	20.12.2019	07.01.2020	18
<b>JUMLAH</b>			<b>528,111</b>				
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>			<b>543,088</b>				

Sumber: Laporan Awal dan Surat Penyerahan Laporan Akhir kepada Perbendaharaan

- a. Kelewatan penyerahan Laporan Akhir kepada Perbendaharaan didapati berpunca daripada:
- i. Jawatankuasa Siasatan bagi lima (5) kes kehilangan wang awam berjumlah RM389,609 hanya dilantik antara tujuh (7) hingga 160 hari selepas tempoh dua (2) minggu yang ditetapkan. Maklumat lanjut seperti dalam **Jadual 4.1.5**.

**JADUAL 4.1.5**  
**TEMPOH KELEWATAN PELANTIKAN JAWATANKUASA SIASATAN**

BIL.	PUSAT TANGGUNGJAWAB	JUMLAH (RM)	TARIKH LAPORAN AWAL DITANDATANGAN	TARIKH PELANTIKAN JAWATANKUASA SIASATAN		TEMPOH LEWAT (HARI) (b) – (a)
				PATUT (a)	SEBENAR (b)	
1.	PKMD Kinta, Perak	13,000	12.06.2019	26.06.2019	03.12.2019	160
2.	PKMD Alor Gajah, Melaka	14,977	26.07.2019	09.08.2019	19.12.2019	132
3.	JKM Kelantan	16,142	12.11.2018	26.11.2018	15.01.2019	50
4.	RKKTB Kuala Lumpur	342,490	24.02.2019	10.03.2019	19.04.2019	40
5.	PKMD Kampar, Perak	3,000	21.10.2019	04.11.2019	11.11.2019	7
<b>JUMLAH</b>		<b>389,609</b>				

Sumber: Laporan Awal dan Surat Pelantikan Jawatankuasa, KPWKM

### **Maklum balas KPWKM yang diterima pada 16 Mac 2020**

Bagi kes kehilangan di PKMD Kinta, kelewatan pelantikan Jawatankuasa Siasatan berlaku disebabkan pihak Urus Setia Kehilangan KPWKM tidak diberitahu berkenaan kehilangan tersebut sehingga dimaklumkan oleh Jabatan Audit Negara semasa pengauditan dilaksanakan. Selain itu, pelantikan Jawatankuasa Siasatan dibuat dua (2) kali kerana salah seorang pegawai penyiasat yang dilantik pada kali pertama telah bercuti dan bersara di JKM Kelantan.

#### **ii. Kelewatan penyerahan Laporan Akhir kepada Pegawai Pengawal**

Penyerahan Laporan Akhir kepada Pegawai Pengawal sepatutnya dibuat dalam tempoh dua (2) bulan dari tarikh Laporan Awal disediakan. Bagaimanapun, Laporan Akhir bagi empat (4) kes kehilangan wang awam berjumlah RM374,632 lewat diserahkan kepada Pegawai Pengawal. Pihak Audit mendapati kelewatan ini berpunca daripada pelantikan Jawatankuasa Siasatan di semua negeri tidak dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan. Tempoh kelewatan adalah antara 18 hingga 158 hari seperti dalam **Jadual 4.1.6**.

**JADUAL 4.1.6**  
**TEMPOH KELEWATAN MENGEMUKAKAN**  
**LAPORAN AKHIR KEPADA PEGAWAI PENGAWAL**

BIL.	PUSAT TANGGUNGJAWAB	JUMLAH (RM)	TARIKH LAPORAN AWAL DISEDIAKAN	TARIKH LAPORAN AKHIR DIKEMUKA KEPADA PEGAWAI PENGAWAL		TEMPOH LEWAT (HARI) (b) – (a)
				PATUT (a)	SEBENAR (b)	
1.	PKMD Kinta, Perak	13,000	12.06.2019	11.08.2019	16.01.2020	158
2.	JKM Kelantan	16,142	12.11.2018	11.01.2019	20.03.2019	68
3.	RKKTB Kuala Lumpur	342,490	24.02.2019	25.04.2019	30.05.2019	35
4.	PKMD Kampar, Perak	3,000	21.10.2019	20.12.2019	07.01.2020	18
<b>JUMLAH</b>		<b>374,632</b>				

Sumber: Laporan Awal dan Memo Penyerahan Laporan Akhir kepada Pegawai Pengawal

## **Maklum balas KPWKM yang diterima pada 16 Mac 2020**

Kelewatan pelantikan Jawatankuasa Siasatan di PKMD Alor Gajah berpunca daripada tindakan KPWKM yang memohon pandangan daripada Kementerian Kewangan terlebih dahulu sama ada kehilangan wang awam tersebut perlu disiasat berdasarkan PP WP10.3 atau tidak. Ini kerana setelah semakan awal dibuat, KPWKM mendapati kehilangan tersebut berlaku di Pertubuhan dan pegawai yang terlibat adalah bukan penjawat awam. Pelantikan Jawatankuasa Siasatan hanya dibuat setelah Kementerian Kewangan mengemukakan maklum balas pada 5 Disember 2019 bahawa kes ini perlu disiasat berdasarkan PP WP10.3. Laporan Akhir telah dikemukakan kepada KPWKM pada 19 Februari 2020 dan pihak Kementerian telah menerima kelulusan pelanjutan masa penghantaran Laporan Akhir daripada Perbendaharaan sehingga 1 April 2020.

**Pernyataan Audit** | **Kelewatan mengemukakan Laporan Akhir kepada Perbendaharaan menyebabkan tindakan susulan (kutipan balik, hapus kira, tatatertib, surcaj) tidak dapat diambil dengan segera. Selain itu, keadaan menjadi lebih rumit sekiranya pegawai-pegawai yang terlibat telah meletakkan jawatan atau bertukar.**

## **6. SYOR AUDIT**

Bagi memastikan peraturan kewangan berkaitan urusan kehilangan dan hapus kira wang awam dipatuhi sepenuhnya, KPWKM hendaklah mengambil tindakan berikut:

- 6.1. Memastikan pegawai yang bertanggungjawab terhadap kehilangan hendaklah membuat Laporan Polis dengan segera sebaik sahaja menyedari kehilangan wang awam berlaku dan menyediakan Laporan Awal kepada Pegawai Pengawal.
- 6.2. Mengambil tindakan sewajarnya terhadap pegawai yang tidak mematuhi kehendak atau arahan Jabatan seperti yang tertakluk dalam peraturan kewangan.
- 6.3. Melaksanakan mekanisme pemantauan prosedur kehilangan dan hapus kira wang awam melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun serta Jawatankuasa Anti Rasuah.





**KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
MALAYSIA**



## 4. PEMATUHAN TERHADAP PROSEDUR KEHILANGAN WANG AWAM DAN ASET ALIH KERAJAAN

### 4.2 KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

#### 1. LATAR BELAKANG

1.1. Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (PP) – Pengurusan Kehilangan dan Hapus Kira Wang Awam (WP10.3) dan Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan: Kehilangan dan Hapus Kira (AM2.8) menetapkan bahawa Laporan Akhir kehilangan wang awam dan aset alih perlu dikemukakan kepada Perbendaharaan dalam tempoh 66 dan 63 hari norma kerja (dari tarikh Laporan Polis dibuat sehingga tarikh penyerahan Laporan Akhir kepada Perbendaharaan atau Kuasa Melulus).

1.2. Pada tahun 2018 dan 2019, sebanyak 133 kes berjumlah RM1.67 juta telah direkod dan dilaporkan di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang melibatkan kes kehilangan bagi tahun 2012 hingga 2019. Kebanyakan kes dilaporkan melibatkan kehilangan wang awam dan aset alih yang berlaku di sekolah. Butiran kehilangan adalah seperti dalam **Jadual 4.2.1**.

**JADUAL 4.2.1**  
**BILANGAN KES KEHILANGAN WANG AWAM DAN**  
**ASET ALIH DI KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

PERIHAL	2018		2019		KESELURUHAN	
	BIL. KES	RM (Juta)	BIL. KES	RM (Juta)	BIL. KES	RM (Juta)
Wang Awam	-	-	21	0.98	21	0.98
Aset Alih	33	0.50	79	0.19	112	0.69
<b>JUMLAH</b>	<b>33</b>	<b>0.50</b>	<b>100</b>	<b>1.17</b>	<b>133</b>	<b>1.67</b>

Sumber: Daftar kehilangan KPM

Sehingga 31 Januari 2020, Laporan Akhir bagi 20 kes kehilangan wang awam dan 63 kes kehilangan aset alih masing-masing berjumlah RM1.19 juta dan RM1.40 juta dikemukakan kepada Perbendaharaan atau Kuasa Melulus melebihi tempoh norma kerja yang ditetapkan. Butiran terperinci adalah seperti dalam **Jadual 4.2.2** dan **Jadual 4.2.3**.

**JADUAL 4.2.2**  
**BILANGAN LAPORAN AKHIR KES KEHILANGAN WANG**  
**AWAM YANG LEWAT DIKEMUKAKAN KEPADA PERBENDAHARAAN**

BIL.	PERIHAL KES	LOKASI	JUMLAH (RM)	BIL. PEGAWAI DISYAKI	TINDAKAN PADA PEGAWAI YANG DISYAKI	TEMPOH PENYERAHAN LAPORAN AKHIR KEPADA PERBENDAHARAAN* (HARI)	
						PATUT	SEBENAR
1.	Pelbagai Yuran	SK Penghulu Haji Darus, Wang Tepus, Kedah	1,952	2	Seorang pegawai meninggal dunia dan seorang bersara wajib	66	2,853
		SM Ugama (A) Darul Salam, Kuala Krai, Kelantan	31,482	1	Tiada tindakan	66	Belum disediakan**
		SMK Medini, Johor Bahru	21,974	1	Pegawai menjalankan tugas pentadbiran	66	1,007
2.	Pelbagai Kumpulan Wang dan Wang Bantuan	SK Bukit Bandaraya, Kuala Lumpur	24,175	1	Tiada tindakan	66	673
		SMK Taman Selayang, Gombak, Selangor	26,600	1	Pegawai mengambil cuti sakit	66	456
		SMK Kamil, Pasir Puteh, Kelantan.	296,905	1	Pegawai tidak hadir bekerja	66	1,155
		SK Kuala Kenyana, Mukah, Sarawak	21,400	Tiada Laporan Awal disediakan		66	Belum disediakan**
		SK Pulau Seduku, Sri Aman, Sarawak	61,942	Tiada Laporan Awal disediakan		66	
		SK Melaban, Lubok Antu, Sarawak.	Tiada Maklumat	Tiada Laporan Awal disediakan		66	
		SK Talantang, Kota Marudu, Sabah.	437,359	1	Pegawai ditahan gaji dan kerja	66	365
		SK Egang-Egang, Semporna, Sabah	114,609	1	Tiada tindakan	66	437
		Sekolah Kebangsaan Tambisan, Lahad Datu, Sabah.	47,519	2	Tiada tindakan	66	1,778
		Sek. Keb. Ulu Dusun, Sandakan, Sabah	14,880	2	Pegawai telah berpindah	66	1,801
		SMK Abdul Rahim, Kudat, Sabah	28,620	1	Tiada tindakan	66	1,320
		SK Batu 6 1/2 Lahad Datu, Sabah	31,150	1	Pegawai tidak menjalankan tugas kewangan	66	1,913
3.	Wang Sekolah, Panjar Wang Runcit dan lain-lain	SMK Bukit Jana, Kamunting, Perak	17,418	1	Tiada tindakan	66	327
		SK Pendidikan Khas (SKPK) Ipoh, Perak	500	1	Tiada tindakan	66	210
		SMK Gedangsa, Hulu Selangor, Selangor	2,520	1	Tiada tindakan	66	212
		SK Bukit Senggeh, Melaka	11,095	1	Tiada tindakan	66	470
4.	Buku Resit KEW.38	PPD Maran, Pahang	0.00	0	Tiada tindakan	66	2,898
<b>JUMLAH</b>			<b>1,192,100</b>				

Sumber: Laporan Awal kes kehilangan Bahagian Kewangan KPM

Nota : \*Sehingga 31 Januari 2020

\*\*Laporan Akhir Belum disediakan. Tempoh kelewatan tidak dapat ditentukan kerana Laporan Awal tidak disediakan

**JADUAL 4.2.3**  
**BILANGAN LAPORAN AKHIR KES KEHILANGAN ASET**  
**ALIH YANG LEWAT DIKEMUKAKAN KEPADA KUASA MELULUS**

BIL.	PERIHAL KES	BIL. KES	JUMLAH (RM)	BIL. PEGAWAI DISYAKI	TINDAKAN KEPADA PEGAWAI YANG DISYAKI	TEMPOH MASA PENYERAHAN LAPORAN AKHIR KEPADA KUASA MELULUS* (HARI)	
						PATUT	SEBENAR
1.	Banjir	2	123,817	0	TB	63	1,471 - 1,681
2.	Kebakaran	4	584,198	0	TB	63	443 - 1,131
3.	Kecurian – Peralatan Komputer	29	458,257	5	Tiada tindakan	63	256 - 2,534
4.	Kecurian – Peralatan Elektronik	21	167,264	1	Tiada tindakan	63	180 - 5,941
5.	Kecurian - Pelbagai	7	63,557	0	TB		350 - 1,418
		<b>63</b>	<b>1,397,093</b>				

Sumber: Laporan Awal kes kehilangan, Bahagian Pengurusan Aset KPM

Nota : \*Sehingga 31 Januari 2020

## 2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menentukan prosedur kehilangan dan hapus kira wang awam dan aset alih di KPM telah dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.

## 3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan telah dilaksanakan di Ibu Pejabat KPM terhadap prosedur kehilangan wang awam setakat 31 Januari 2020 yang melibatkan Bahagian Kewangan dan Bahagian Pengurusan Aset.

3.2. Semakan dibuat terhadap 20 kes kehilangan wang awam di Bahagian Kewangan (BKEW) dan 63 kes kehilangan aset alih di Bahagian Pengurusan Aset (BPA) yang belum selesai setakat 31 Januari 2020.

3.3. Metodologi pengauditan meliputi semakan terhadap rekod, dokumen dan fail berkaitan, analisis data dan temu bual serta perbincangan dengan pegawai dan pihak terlibat.

## 4. RINGKASAN PENEMUAN AUDIT

4.1. Laporan Polis bagi 21 kes kehilangan wang awam dan aset alih berjumlah RM705,894 belum atau lewat dibuat antara tiga (3) hingga 1,746 hari.

4.2. Laporan Awal bagi 13 kes kehilangan wang awam berjumlah RM669,718 belum atau lewat disediakan antara tujuh (7) hingga 1,922 hari.

4.3. Laporan Awal bagi 62 kes kehilangan aset alih berjumlah RM1.28 juta lewat diserahkan kepada Pegawai Pengawal antara 14 hingga 1,791 hari.

4.4. Laporan Akhir siasatan bagi 83 kes kehilangan wang awam dan aset alih berjumlah RM2.54 juta belum atau lewat dikemukakan kepada Perbendaharaan atau Kuasa Melulus antara 38 hingga 4,087 hari.

4.5. Tindakan susulan bagi 31 kes kehilangan wang awam dan aset alih berjumlah RM552,036 belum dilaksanakan selepas mendapat kelulusan Perbendaharaan atau Kuasa Melulus antara 88 hingga 504 hari.

## **5. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan telah dilaksanakan mulai 17 Disember 2019 hingga 10 Januari 2020 dan maklum balas daripada KPM telah diterima pada 6 Mei 2020. Penemuan Audit adalah seperti yang dinyatakan di perenggan 5.1. hingga 5.5.

### **5.1. Laporan Polis bagi 21 kes kehilangan wang awam dan aset alih berjumlah RM705,894 belum atau lewat dibuat antara tiga (3) hingga 1,746 hari**

5.1.1. Pekeliling Perbendaharaan WP10.3 dan AM2.8 menetapkan kehilangan wang awam dan aset alih perlu dilaporkan kepada pihak polis dalam tempoh 24 jam setelah kehilangan diketahui jika ia ada alasan untuk mempercayai bahawa sesuatu kesalahan jenayah telah dilakukan berhubung dengan kehilangan tersebut.

5.1.2. Semakan Audit mendapati tempoh masa yang diambil bagi melaporkan 13 kes kehilangan wang awam berjumlah RM553,770 adalah antara 47 hingga 1,746 hari melibatkan 13 PTJ di sembilan (9) negeri. Selain itu, dua (2) kes kehilangan wang awam di Sarawak berjumlah RM21,400 yang berlaku pada tahun 2017 dan 2019 masih belum dibuat Laporan Polis sehingga 31 Januari 2020. Tempoh melaporkan kehilangan enam (6) aset alih pula berjumlah RM130,724 adalah antara tiga (3) hingga 109 hari melibatkan enam (6) PTJ di lima (5) negeri dan wilayah persekutuan. Butiran terperinci adalah seperti dalam **Jadual 4.2.4.**

**JADUAL 4.2.4**  
**TEMPOH KELEWATAN MELAPORKAN KEHILANGAN**  
**WANG AWAM DAN ASET ALIH KEPADA PIHAK POLIS**

BIL.	NEGERI	BIL. PTJ	BIL. KES	JUMLAH (RM)	TARIKH KEHILANGAN	TARIKH LAPORAN POLIS		TEMPOH LEWAT (HARI) (b)-(a)
						PATUT (24 JAM) (a)	SEBENAR (b)	
<b>KEHILANGAN WANG AWAM</b>								
1.	Kedah	1	1	1,952	31.12.2014	01.01.2015	13.10.2019	1,746
2.	Pahang	1	1	Tiada maklumat	29.02.2012	01.03.2012	30.10.2012	243
3.	Perak	1	1	17,418	19.03.2019	20.03.2019	11.10.2019	205
4.	Selangor	1	1	26,600	30.10.2018	31.10.2018	07.03.2019	127
5.	Johor	1	1	21,974	04.05.2017	05.05.2017	07.08.2017	94
6.	Melaka	1	1	11,095	16.10.2018	17.10.2018	14.01.2019	89
7.	Kuala Lumpur	1	1	24,175	27.03.2018	28.03.2018	14.05.2018	47
8.	Kelantan	2	2	328,387	02.05.2016 - 30.11.2016	03.05.2016 - 01.12.2016	24.01.2017 - 09.01.2020	54 - 1,346
9.	Sarawak	2	2	21,400	14.02.2017 - 17.09.2019	15.02.2017 - 18.09.2019	Laporan Polis tidak dibuat setakat 31.01.2020	135 - 1,080
10.	Sabah	4	4	122,169	11.04.2014 - 18.11.2015	12.04.2014 - 09.11.2015	25.02.2015 - 09.03.2016	48 - 319
<b>JUMLAH</b>		<b>15</b>	<b>15</b>	<b>575,170</b>				
<b>KEHILANGAN ASET ALIH</b>								
1.	Pulau Pinang	1	1	9,000	14.11.2018	15.11.2018	04.03.2019	109
2.	Sarawak	1	1	32,650	22.02.2019	23.02.2019	10.04.2019	46
3.	Perlis	1	1	8,372	20.02.2017	21.02.2017	20.03.2017	27
4.	Kuala Lumpur	1	1	2,550	10.08.2015	11.08.2015	14.08.2015	3
5.	Kelantan	2	2	78,152	23.12.2014 - 29.12.2014	24.12.2014 - 30.12.2014	25.01.2015 - 02.02.2015	32 - 34
<b>JUMLAH</b>		<b>6</b>	<b>6</b>	<b>130,724</b>				
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>21</b>	<b>21</b>	<b>705,894</b>				

Sumber: Laporan Polis, Bahagian Kewangan dan Bahagian Pengurusan Aset, KPM

5.1.3. Kes kehilangan wang awam adalah hasil penemuan pengauditan yang dijalankan oleh Bahagian Audit Sekolah, Bahagian Audit Dalam, Unit Integriti atau aduan oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ). Pihak Audit mendapati kelewatan Laporan Polis adalah kerana laporan pengauditan tersebut perlu disemak terlebih dahulu oleh BKEW dan disahkan kehilangan wang awam telah berlaku. Seterusnya, bagi kes kehilangan aset alih, walaupun kehilangan telah diketahui lebih awal pegawai tidak terus membuat Laporan Polis kerana berpendapat kes kehilangan tersebut boleh diselesaikan secara dalaman. Selain itu, terdapat ketidakpastian berkenaan prosedur kehilangan, iaitu siapa yang sepatutnya membuat Laporan Polis sama ada Pengetua sekolah atau pegawai yang menjaga aset tersebut.

## Maklum balas KPM yang diterima pada 6 Mei 2020

KPM mengambil maklum akan penemuan Audit. BKEW memaklumkan perkara ini berpunca daripada kelewatan pihak Pusat Tanggungjawab (PTJ) mengambil tindakan sewajarnya ke atas kes yang berlaku. PTJ mengakui bahawa pihaknya tidak mempunyai pengetahuan dalam menguruskan kehilangan wang awam.

**Pernyataan Audit** | Tempoh masa untuk membuat laporan polis adalah tidak munasabah, iaitu sehingga 1,746 hari berbanding tempoh 24 jam setelah kehilangan diketahui. Akibatnya tindakan seterusnya seperti penyediaan Laporan Awal dan Laporan Akhir tidak dapat dilaksanakan dalam tempoh ditetapkan.

### 5.2. Laporan Awal bagi 13 kes kehilangan wang awam berjumlah RM669,718 belum atau lewat disediakan antara tujuh (7) hingga 1,922 hari

5.2.1. Laporan Awal bagi kehilangan wang awam perlu disediakan dalam tempoh lima (5) hari bekerja dari tarikh Laporan Polis dibuat seperti yang ditetapkan pada perenggan 4.1.1.2 – PP WP10.3.

5.2.2. Didapati Laporan Awal berjumlah RM669,718 bagi 13 kes kehilangan wang awam melibatkan 13 PTJ di lapan (8) negeri dan wilayah persekutuan masih belum atau lewat disediakan setakat 31 Januari 2020. Tempoh kelewatan adalah tidak munasabah, iaitu antara tujuh (7) hingga 1,922 hari berbanding lima (5) hari bagi kehilangan wang awam. Butiran terperinci adalah seperti dalam **Jadual 4.2.5**.

**JADUAL 4.2.5**  
**TEMPOH LAPORAN AWAL KEHILANGAN WANG AWAM**  
**BELUM ATAU LEWAT DISEDIAKAN**

BIL.	NEGERI	BIL. PTJ	BIL. KES	JUMLAH (RM)	TARIKH LAPORAN POLIS DIBUAT	LAPORAN AWAL DISEDIAKAN		TEMPOH LEWAT (HARI) (b)-(a)
						PATUT (a)	SEBENAR (b)	
<b>LAPORAN AWAL TIDAK DISEDIAKAN</b>								
1.	Sarawak	3	3*	83,342	19.09.2018	26.09.2018	Sehingga 31.01.2020 tiada Laporan Awal disediakan	492
<b>JUMLAH</b>		<b>3</b>	<b>3</b>	<b>83,342</b>				
<b>LAPORAN AWAL LEWAT DISEDIAKAN</b>								
1.	Pahang	1	1	Tiada Maklumat	30.10.2012	06.11.2012	10.02.2018	1,922
2.	Kelantan	1	1	296,905	24.01.2017	31.01.2017	24.07.2018	539
3.	Kuala Lumpur	1	1	24,175	14.05.2018	21.05.2018	01.10.2019	498
4.	Melaka	1	1	11,095	14.01.2019	21.01.2019	25.10.2019	277
5.	Selangor	1	1	26,600	07.03.2019	14.03.2019	24.04.2019	41
6.	Johor	1	1	21,974	07.08.2017	14.08.2017	21.08.2017	7



BIL.	NEGERI	BIL. PTJ	BIL. KES	JUMLAH (RM)	TARIKH LAPORAN POLIS DIBUAT	LAPORAN AWAL DISEDIAKAN		TEMPOH LEWAT (HARI) (b)-(a)
						PATUT (a)	SEBENAR (b)	
7.	Sabah	4	4	205,627	25.02.2015 - 12.07.2018	04.03.2015 - 20.07.2018	19.02.2019 - 30.04.2019	221 - 1,518
<b>JUMLAH</b>		<b>10</b>	<b>10</b>	<b>586,376</b>				
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>13</b>	<b>13</b>	<b>669,718</b>				

Sumber: Laporan Polis dan Laporan Awal, Bahagian Kewangan KPM

Nota : \*Sehingga 31.01.2020 Laporan Polis dan Laporan Awal masih belum disediakan bagi dua (2) kes

5.2.3. Pihak Audit mendapati kelewatan menyediakan Laporan Awal kehilangan wang awam adalah disebabkan oleh pegawai yang terlibat kurang peka atau kurang pengetahuan terhadap prosedur kehilangan wang awam menyebabkan mereka gagal untuk mengambil tindakan segera apabila berlaku kehilangan. Kebanyakan Laporan Awal hanya dibuat berdasarkan penemuan Audit yang dijalankan oleh Bahagian Audit Sekolah, Bahagian Audit Dalam, Unit Integriti atau aduan oleh PTJ disemak oleh BKEW.

### **Maklum balas KPM yang diterima pada 6 Mei 2020**

BKEW memaklumkan perkara ini berpunca daripada kelewatan PTJ mengambil tindakan sewajarnya ke atas kes yang berlaku. PTJ mengakui pihaknya tidak mempunyai pengetahuan dalam menguruskan kehilangan wang awam. Selain itu, terdapat kes di mana BKEW terpaksa memulangkan semula kertas permohonan kepada PTJ untuk melengkapkan semula permohonan bermula daripada proses membuat Laporan Polis bagi melengkapkan prosedur kehilangan wang awam.

**Pernyataan Audit** | **Perkara ini menyebabkan Pegawai Pengawal di Kementerian lewat dimaklumkan tentang kes kehilangan yang berlaku di PTJ kerana Laporan Awal yang sepatutnya dikemukakan bersama Laporan Polis tidak disediakan.**

### **5.3. Laporan Awal bagi 62 kes kehilangan aset alih berjumlah RM1.28 juta lewat diserahkan kepada Pegawai Pengawal antara 14 hingga 1,791 hari**

5.3.1. Perenggan 4.2.2 PP AM2.8 menetapkan Laporan Awal bagi kes kehilangan aset alih perlu dilaporkan kepada Pegawai Pengawal dalam tempoh dua (2) hari bekerja selepas Laporan Polis dibuat.

5.3.2. Laporan Awal bagi 62 kes kehilangan aset alih berjumlah RM1.28 juta di 59 PTJ dan 14 negeri dan wilayah persekutuan lewat dikemukakan kepada Pegawai Pengawal. Tempoh kelewatan adalah antara 14 hingga 1,791 hari dari tarikh Laporan Polis dibuat seperti dalam **Jadual 4.2.6**.

**JADUAL 4.2.6**  
**TEMPOH KELEWATAN MENGEMUKAKAN LAPORAN AWAL**  
**KEHILANGAN ASET ALIH KEPADA PEGAWAI PENGAWAL**

BIL.	NEGERI	BIL. PTJ	BIL. KES	JUMLAH (RM)	TARIKH LAPORAN POLIS DIBUAT	TARIKH LAPORAN AWAL DIKEMUKAKAN KEPADA PEGAWAI PENGAWAL		TEMPOH LEWAT (HARI) (b)-(a)
						PATUT (a)	SEBENAR (b)	
1.	Sabah	1	1	577,000	14.03.2018	16.03.2018	31.05.2019	441
2.	Ibu Pejabat KPM, Putrajaya	1	1	2,555	08.03.2017	10.03.2017	28.09.2017	202
3.	Melaka	4	5	25,207	15.06.2007 - 25.06.2018	19.06.2007 - 27.06.2018	14.05.2012 - 24.09.2018	40 - 1,791
4.	Kuala Lumpur	6	6	71,937	08.10.2007 - 02.04.2019	10.10.2007 - 04.04.2019	14.05.2012 - 18.06.2019	75 - 1,678
5.	Selangor	5	5	72,705	16.01.2017 - 25.08.2019	18.01.2017 - 30.06.2019	17.05.2017 - 07.10.2019	40 - 1,678
6.	Kelantan	2	2	45,665	25.01.2015 - 02.02.2015	27.01.2015 - 04.02.2015	28.05.2018 - 18.12.2018	1,209 - 1,421
7.	Pulau Pinang	6	7	38,395	14.02.2013 - 04.03.2019	18.02.2013 - 31.01.2019	22.05.2014 - 25.06.2019	41 - 695
8.	Perak	10	10	162,054	20.12.2017 - 11.06.2019	22.12.2017 - 13.06.2019	02.02.2018 - 29.08.2019	42 - 318
9.	Sarawak	9	9	54,499	26.05.2017 - 10.04.2019	30.05.2017 - 12.04.2019	13.10.2017 - 07.10.2019	24 - 289
10.	Pahang	3	3	25,038	22.08.2016 - 15.01.2019	24.08.2016 - 17.01.2019	11.11.2016 - 27.06.2019	79 - 270
11.	Negeri Sembilan	4	5	20,053	03.11.2011 - 23.05.2019	07.11.2011 - 27.05.2019	12.01.2012 - 25.06.2019	29 - 176
12.	Kedah	4	4	140,718	07.04.2012 - 31.12.2017	09.04.2012 - 02.01.2018	26.09.2012 - 06.04.2018	94 - 170
13.	Johor	2	2	31,068	11.10.2011 - 13.07.2012	13.10.2011 - 17.07.2012	20.12.2011 - 06.08.2012	20 - 68
14.	Perlis	2	2	9,932	20.03.2017 - 12.03.2019	22.03.2017 - 14.03.2019	05.04.2017 - 08.05.2019	14 - 65
	<b>JUMLAH</b>	<b>59</b>	<b>62</b>	<b>1,276,826</b>				

Sumber: Laporan Polis dan Laporan Awal, Bahagian Pengurusan Aset KPM

5.3.3. Pihak Audit mendapati punca kelewatan penyerahan Laporan Awal ini adalah kerana ia disemak oleh Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) terlebih dahulu. Laporan Awal tersebut kemudiannya disemak oleh Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) sebelum dikemukakan kepada BPA, Kementerian Pendidikan. Selain itu, penyerahan Laporan Awal kepada Pegawai Pengawal berserta permohonan pelantikan jawatankuasa siasatan turut menyumbang kepada punca kelewatan tersebut. Pihak Audit dimaklumkan, BPA Kementerian Pendidikan sedang menyediakan standard prosedur operasi (SOP). Bagaimanapun, SOP tersebut masih belum dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan (JKPAK) dan belum didedahkan kepada semua PTJ.

## Maklum balas KPM yang diterima pada 6 Mei 2020

Perkara ini sukar dielakkan kerana bagi kes kehilangan aset alih Kerajaan yang berlaku di sekolah, semakan PPD perlu dibuat terlebih dahulu dan seterusnya di peringkat JPN sebelum sampai kepada Urus Setia kehilangan aset alih Kerajaan di BPA. Sebagai langkah penambahbaikan, BPA sedang dalam tindakan menyediakan Garis Panduan Kehilangan dan Hapus Kira.

**Pernyataan Audit** | **Kelewatan mengemukakan Laporan Awal bagi kehilangan aset alih kepada Pegawai Pengawal menyebabkan kelewatan untuk proses seterusnya yang melibatkan pelantikan Jawatankuasa Siasatan dan penyediaan Laporan Akhir.**

### 5.4. Laporan Akhir siasatan bagi 83 kes kehilangan wang awam dan aset alih berjumlah RM2.54 juta belum atau lewat dikemukakan kepada Perbendaharaan atau Kuasa Melulus antara 38 hingga 4,087 hari

5.4.1. Laporan Akhir bagi kehilangan wang awam dan aset alih perlu dikemukakan kepada Perbendaharaan atau Kuasa Melulus untuk kelulusan tindakan hapus kira, tatatertib atau surcaj dalam tempoh 60 hari dari tarikh Laporan Awal disediakan.

#### i. Laporan Akhir belum dikemukakan antara 38 hingga 1,355 hari

Sehingga 31 Januari 2020, Laporan Akhir bagi 10 kes kehilangan wang awam berjumlah RM913,478 dan 28 kes kehilangan aset alih berjumlah RM923,046 masih belum dikemukakan kepada Perbendaharaan atau Kuasa Melulus. Tempoh kelewatan adalah antara 38 hingga 1,355 hari yang melibatkan kes kehilangan dari tahun 2016 hingga 2019 di 37 PTJ. Bagaimanapun, Perbendaharaan telah meluluskan lanjutan masa bagi penyerahan Laporan Akhir untuk 14 kes kehilangan wang awam sehingga 31 Mac 2020. Butiran terperinci kelewatan adalah seperti dalam **Jadual 4.2.7**.

**JADUAL 4.2.7**  
**TEMPOH LAPORAN AKHIR BELUM ATAU LEWAT DIKEMUKAKAN KEPADA PERBENDAHARAAN ATAU KUASA MELULUS UNTUK TINDAKAN LANJUT**

BIL.	NEGERI	BIL. PTJ TERLIBAT	BIL. KES	JUMLAH (RM)	TARIKH LAPORAN AWAL DISEDIAKAN	TARIKH LAPORAN AKHIR KEMUKA KEPADA PERBENDAHARAAN ATAU KUASA MELULUS	
						PATUT	TEMPOH LEWAT (HARI)
<b>KEHILANGAN WANG AWAM</b>							
1.	Kelantan	2	2	296,905	24.07.2018	22.09.2018	496
				31,482	Tempoh kelewatan penyerahan Laporan Akhir tidak dapat ditentukan kerana Laporan Awal disediakan setelah teguran Audit pada 09.01.2020		
2.	Sabah	1	1	437,359	06.02.2019	07.04.2019	299

BIL.	NEGERI	BIL. PTJ TERLIBAT	BIL. KES	JUMLAH (RM)	TARIKH LAPORAN AWAL DISEDIAKAN	TARIKH LAPORAN AKHIR KEMUKA KEPADA PERBENDAHARAAN ATAU KUASA MELULUS	
						PATUT	TEMPOH LEWAT (HARI)
3.	Kuala Lumpur	1	1	24,175	01.10.2019	30.11.2019	62
4.	Melaka	1	1	11,095	25.10.2019	24.12.2019	38
5.	Selangor	2	2	29,120	24.04.2019 - 09.07.2019	23.06.2019 - 07.09.2019	146 - 222
6.	Sarawak	3	3	83,342	Tempoh kelewatan penyerahan Laporan Akhir tidak dapat ditentukan kerana Laporan Awal tidak disediakan		
<b>BIL./JUMLAH</b>		<b>10</b>	<b>10</b>	<b>913,478</b>			
<b>KEHILANGAN ASET ALIH</b>							
1.	Sabah	1	1	577,000	15.03.2018	14.05.2018	627
2.	Perlis	1	1	1,560	14.03.2019	13.05.2019	263
3.	Pahang	1	1	2,892	11.04.2019	10.06.2019	235
4.	Kuala Lumpur	3	3	83,690	17.03.2016 - 07.05.2019	16.05.2016 - 06.07.2019	209 - 1,355
5.	Pulau Pinang	3	3	14,693	16.01.2017 - 07.05.2019	17.03.2017 - 06.07.2019	209 - 1,050
6.	Negeri Sembilan	3	4	12,683	05.01.2018 - 24.05.2019	06.03.2018 - 23.07.2019	192 - 696
7.	Perak	8	8	157,598	14.07.2018 - 04.07.2019	12.09.2018 - 02.09.2019	48 - 506
8.	Sarawak	4	4	40,221	21.11.2018 - 15.08.2019	20.01.2019 - 14.10.2019	109 - 376
9.	Selangor	3	3	32,709	17.05.2019 - 17.09.2019	16.07.2019 - 16.11.2019	76 - 199
<b>BIL./ JUMLAH</b>		<b>27</b>	<b>28</b>	<b>923,046</b>			
<b>BIL./JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>37</b>	<b>38</b>	<b>1,836,524</b>			

Sumber: Surat Atau Memo Penyerahan Laporan Akhir kepada Perbendaharaan atau Kuasa Melulus, Bahagian Kewangan dan Bahagian Pengurusan Aset KPM

## ii. Laporan Akhir lewat dikemukakan antara 56 hingga 4,087 hari

Sebanyak 10 Laporan Akhir kehilangan wang awam berjumlah RM278,621 bagi kehilangan tahun 2012 hingga 2019 melibatkan 10 PTJ di lima (5) negeri lewat dikemukakan kepada Perbendaharaan atau Kuasa Melulus. Selain itu, sebanyak 35 Laporan Akhir kehilangan aset alih berjumlah RM428,382 bagi kehilangan tahun 2007 hingga 2019 di 33 PTJ (14 negeri dan wilayah persekutuan) juga lewat dikemukakan kepada Perbendaharaan atau Kuasa Melulus. Tempoh kelewatan bagi kes kehilangan wang awam adalah antara 56 hingga 1,528 hari manakala kehilangan aset alih adalah antara 158 hingga 4,087 hari. Butiran terperinci seperti dalam **Jadual 4.2.8**.

**JADUAL 4.2.8**  
**TEMPOH KELEWATAN MENGEMUKAKAN**  
**LAPORAN AKHIR KEPADA PERBENDAHARAAN ATAU KUASA MELULUS**

BIL.	NEGERI	BIL. PTJ	BIL. KES	JUMLAH (RM)	TARIKH LAPORAN AWAL DISEDIAKAN	LAPORAN AKHIR DIKEMUKA KEPADA PERBENDAHARAAN ATAU KUASA MELULUS		TEMPOH LEWAT (HARI) (b)-(a)
						PATUT (a)	SEBENAR (b)	
<b>KEHILANGAN WANG AWAM</b>								
1.	Kedah	1	1	1,952	01.02.2017	02.04.2017	07.02.2020	1,041
2.	Johor	1	1	21,974	21.08.2017	20.10.2017	07.02.2020	840
3.	Pahang	1	1	-	10.02.2018	11.04.2018	07.02.2020	667
4.	Sabah	5	5	236,777	25.02.2015 - 30.04.2019	26.04.2015 - 29.06.2019	02.07.2019 - 22.11.2019	71 - 1,528
5.	Perak	2	2	17,918	22.03.2018 - 14.10.2019	21.05.2018 - 13.12.2019	12.10.2018 - 07.02.2020	56 - 144
<b>JUMLAH</b>		<b>10</b>	<b>10</b>	<b>278,621</b>				
<b>KEHILANGAN ASET ALIH</b>								
1.	Negeri Sembilan	1	1	7,370	15.12.2011	13.02.2012	05.10.2018	2,426
2.	Perlis	1	1	8,372	22.03.2017	21.05.2017	05.10.2018	502
3.	Ibu Pejabat KPM, Putrajaya	1	1	2,555	26.07.2017	24.09.2017	10.12.2018	442
4.	Kelantan	2	2	78,152	07.05.2018	06.07.2018	18.12.2018	165
5.	Melaka	4	5	25,207	14.08.2007 - 09.08.2018	13.10.2007 - 08.10.2018	04.12.2018 - 21.12.2018	269 - 4,087
6.	Kuala Lumpur	4	4	30,362	08.10.2007 - 27.11.2018	07.12.2007 - 26.01.2019	04.12.2018 - 04.11.2019	160 - 4,015
7.	Johor	2	2	31,068	02.11.2011 - 16.07.2012	01.01.2012 - 14.09.2012	04.12.2018	2,272 - 2,529
8.	Kedah	4	4	140,718	18.04.2012 - 15.02.2018	17.06.2012 - 16.04.2018	05.10.2018 - 21.12.2018	172 - 2,301
9.	Pulau Pinang	3	4	23,702	30.08.2013 - 13.02.2019	29.10.2013 - 14.04.2019	15.08.2018 - 16.12.2019	246 - 1,879
10.	Selangor	2	2	39,996	28.02.2017 - 03.04.2018	29.04.2017 - 02.06.2018	30.05.2019 - 11.06.2019	362 - 773
11.	Sarawak	5	5	14,278	05.06.2017 - 24.07.2018	04.08.2017 - 22.09.2018	11.12.2018 - 28.11.2019	259 - 695
12.	Pahang	2	2	22,146	23.08.2016 - 29.11.2017	22.10.2016 - 28.01.2018	04.09.2018	219 - 682
13.	Perak	2	2	4,456	22.12.2017 - 26.02.2018	20.02.2018 - 27.04.2018	04.09.2018 - 02.10.2018	158 - 196
<b>JUMLAH</b>		<b>33</b>	<b>35</b>	<b>428,382</b>				
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>43</b>	<b>45</b>	<b>707,003</b>				

Sumber: Surat atau Memo Penyerahan Laporan Akhir kepada Perbendaharaan atau Kuasa Melulus, Bahagian Kewangan dan Bahagian Pengurusan Aset KPM

5.4.2. Kelewatan penyerahan Laporan Akhir kepada Perbendaharaan atau Kuasa Melulus didapati berpunca daripada perkara berikut:

**i. Kelewatan pelantikan Jawatankuasa Siasatan**

Jawatankuasa Siasatan bagi 75 kes kehilangan wang awam dan aset alih berjumlah RM2.25 juta melibatkan 71 PTJ di 14 negeri dan wilayah persekutuan dilantik melebihi tempoh dua (2) minggu dari tarikh Laporan Awal

ditandatangani. Tempoh kelewatan adalah antara tujuh (7) hingga 1,721 hari. Maklumat lanjut bagi 12 kes kehilangan wang awam berjumlah RM902,302 dan 63 kes kehilangan aset alih berjumlah RM1.35 juta adalah seperti dalam **Jadual 4.2.9**.

**JADUAL 4.2.9**  
**TEMPOH KELEWATAN PELANTIKAN JAWATANKUASA SIASATAN**

BIL.	NEGERI	BIL. PTJ	BIL. KES	JUMLAH (RM)	TARIKH LAPORAN AWAL DISEDIAKAN	TARIKH JAWATANKUASA SIASATAN DILANTIK		TEMPOH LEWAT (HARI) (b) – (a)
						PATUT (a)	SEBENAR (b)	
<b>KEHILANGAN WANG AWAM</b>								
1.	Kedah	1	1	1,952	01.02.2017	15.02.2017	01.10.2019	958
2.	Johor	1	1	21,974	21.08.2017	04.09.2017	01.10.2019	757
3.	Pahang	1	1	-	10.02.2018	24.02.2018	01.10.2019	584
4.	Kelantan	1	1	296,905	24.07.2018	07.08.2018	26.04.2019	262
5.	Perak	1	1	500	30.04.2019	04.04.2018	21.05.2018	47
6.	Sabah	2	2	468,509	25.02.2015 - 06.02.2019	20.02.2015 - 11.03.2015	12.02.2019 - 08.03.2019	16 - 1,434
7.	Selangor	2	2	29,120	24.04.2019 - 09.07.2019	08.05.2019 - 23.07.2019	23.09.2019	62 - 138
8.	Sarawak	3	3	83,342	Jawatankuasa Siasatan telah dilantik pada 23.10.2019. Bagaimanapun, tempoh kelewatan tidak dapat ditentukan kerana sehingga 31.01.2020 Laporan Awal masih belum disediakan			
<b>JUMLAH</b>		<b>12</b>	<b>12</b>	<b>902,302</b>				
<b>KEHILANGAN ASET ALIH</b>								
1.	Sabah	1	1	577,000	15.03.2018	29.03.2018	12.06.2019	440
2.	Ibu Pejabat KPM, Putrajaya	1	1	2,555	26.07.2017	09.08.2017	28.09.2017	50
3.	Kelantan	2	2	78,152	07.05.2018	21.05.2018	28.05.2018	7
4.	Melaka	4	5	25,207	14.08.2007 - 09.08.2018	28.08.2007 - 23.08.2018	30.04.2012 - 24.09.2018	18 - 1,721
5.	Kuala Lumpur	6	7	114,052	08.10.2007 - 07.05.2019	22.10.2007 - 21.05.2019	14.05.2012 - 18.06.2019	28 - 1,666
6.	Pulau Pinang	6	7	38,395	30.08.2013 - 07.05.2019	13.09.2013 - 21.05.2019	22.05.2014 - 01.07.2019	30 - 661
7.	Perlis	2	2	9,932	22.03.2017 - 14.03.2019	05.04.2017 - 28.03.2019	06.04.2018 - 14.05.2019	47 - 366
8.	Perak	10	10	162,054	22.12.2017 - 04.07.2019	05.01.2018 - 18.07.2019	02.02.2018 - 04.09.2019	25 - 319
9.	Selangor	5	5	72,705	28.02.2017 - 17.09.2019	14.03.2017 - 01.10.2019	26.05.2017 - 08.10.2019	7 - 275
10.	Sarawak	9	9	54,498	05.06.2017 - 15.08.2019	19.06.2017 - 29.08.2019	13.10.2017 - 08.10.2019	21 - 265
11.	Negeri Sembilan	4	5	20,053	15.12.2011 - 24.05.2019	29.12.2011 - 07.06.2019	12.01.2012 - 01.07.2019	14 - 162
12.	Kedah	4	4	140,718	18.04.2012 - 15.02.2018	02.05.2012 - 01.03.2018	26.09.2012 - 06.04.2018	29 - 147
13.	Pahang	3	3	25,038	23.08.2016 - 11.04.2019	06.09.2016 - 25.04.2019	11.11.2016 - 05.01.2018	23 - 67
14.	Johor	2	2	31,068	02.11.2011 - 16.07.2012	16.11.2011 - 30.07.2012	20.12.2011 - 06.08.2012	7 - 34
<b>JUMLAH</b>		<b>59</b>	<b>63</b>	<b>1,351,427</b>				
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>71</b>	<b>75</b>	<b>2,253,729</b>				

Sumber: Laporan Awal dan Surat Pelantikan Jawatankuasa Penyiasat, Bahagian Kewangan dan Bahagian Aset KPM

## Maklum balas KPM yang diterima pada 6 Mei 2020

BPA, KPM memaklumkan punca kelewatan adalah kerana Laporan Awal yang dikemukakan kepada Urus Setia tidak lengkap. Pencalonan nama dan maklumat pelantikan yang tidak lengkap sebagai Pegawai Penyiasat menyebabkan Urus Setia perlu mengemukakan kuiri kepada PTJ yang berkenaan sebelum membuat pelantikan. Lanjutan itu, perkara ini sukar dielakkan jika maklumat yang diterima oleh Urus Setia tidak lengkap.

### ii. Kelewatan mengemukakan Laporan Akhir kehilangan aset alih kepada Urus Setia Kehilangan dan Hapus Kira

- Perenggan 4.4.1 Pekeliling Perbendaharaan AM2.8 menyatakan bahawa Laporan Akhir yang disediakan oleh pegawai penyiasat perlu dikemukakan kepada Urus Setia Kehilangan dan Hapus Kira dalam tempoh 30 hari dari tarikh pelantikan Jawatankuasa Siasatan untuk semakan sebelum dikemukakan kepada Pegawai Pengawal. Sebanyak 53 Laporan Akhir lewat dikemukakan kepada Urus Setia Kehilangan dan Hapus Kira oleh Jawatankuasa Penyiasat berjumlah RM1.30 juta melibatkan 52 PTJ dan 14 negeri dan wilayah persekutuan. Tempoh kelewatan adalah antara lima (5) hingga 1,436 hari seperti dalam **Jadual 4.2.10**.

**JADUAL 4.2.10**  
**TEMPOH PENYERAHAN LAPORAN AKHIR**  
**KEPADA URUS SETIA KEHILANGAN DAN HAPUS KIRA**

BIL.	NEGERI	BIL. PTJ	BIL. KES	JUMLAH (RM)	TARIKH LANTIKAN JAWATANKUASA PENYIASAT	TARIKH LAPORAN AKHIR DISERAH PADA URUSETIA		TEMPOH LEWAT HARI (b)-(a)
						PATUT (a)	SEBENAR (b)	
1.	Kelantan	1	1	45,665	28.05.2018	27.06.2018	29.06.2019	367
2.	Ibu Pejabat KPM, Putrajaya	1	1	2,555	28.09.2017	28.10.2017	14.09.2018	321
3.	Perlis	1	1	1,560	14.05.2019	13.06.2019	31.01.2020	232
4.	Sabah	1	1	577,000	12.06.2019	12.07.2019	31.01.2020	203
5.	Melaka	4	5	25,207	30.04.2012 - 24.09.2018	30.05.2012 - 24.10.2018	05.04.2016 - 18.02.2019	8 - 1,436
6.	Kuala Lumpur	7	7	114,052	14.05.2012 - 18.06.2019	13.06.2012 - 18.07.2019	16.07.2012 - 31.01.2020	5 - 1,146
7.	Selangor	4	4	71,705	26.05.2017 - 08.10.2019	25.06.2017 - 07.11.2019	04.04.2019 - 05.12.2019	28 - 648
8.	Pahang	2	2	22,146	11.11.2016 - 05.01.2018	11.12.2016 - 04.02.2018	29.12.2017 - 16.03.2018	40 - 383
9.	Negeri Sembilan	4	4	19,845	12.01.2012 - 18.06.2019	11.02.2012 - 18.07.2019	22.05.2012 - 02.08.2019	15 - 289
10.	Perak	9	9	161,204	06.04.2018 - 04.09.2019	06.05.2018 - 04.10.2019	08.06.2018 - 31.01.2020	7 - 203

BIL.	NEGERI	BIL. PTJ	BIL. KES	JUMLAH (RM)	TARIKH LANTIKAN JAWATANKUASA PENYIASAT	TARIKH LAPORAN AKHIR DISERAH PADA URUSETIA		TEMPOH LEWAT HARI (b)-(a)
						PATUT (a)	SEBENAR (b)	
11.	Johor	2	2	31,068	20.12.2011 - 06.08.2012	19.01.2012 - 05.09.2012	01.08.2012 - 10.10.2012	35 - 195
12.	Sarawak	7	7	47,927	13.10.2017 - 08.10.2019	12.11.2017 - 07.11.2019	22.01.2018 - 31.01.2020	50 - 177
13.	Kedah	4	4	140,718	26.09.2012 - 06.04.2018	26.10.2012 - 06.05.2018	04.12.2012 - 24.05.2018	18 - 81
14.	Pulau Pinang	5	5	37,709	22.05.2014 - 03.03.2016	21.06.2014 - 02.04.2016	29.08.2014 - 22.08.2019	27 - 69
<b>JUMLAH</b>		<b>52</b>	<b>53</b>	<b>1,298,361</b>				

Sumber: Surat Pelantikan Jawatankuasa Penyiasat dan Memo Penyerahan Laporan Akhir, Bahagian Pengurusan Aset KPM

- Pihak Audit mendapati kelewatan ini juga berpunca apabila Laporan Akhir yang mengandungi syor tindakan surcaj atau tata tertib perlu dirujuk kepada Penasihat Undang-Undang (PUU) Kementerian untuk pandangan dan ulasan sebelum dikemukakan kepada Pegawai Pengawal. Arahan ini adalah berdasarkan surat Perbendaharaan Bil. KK/BPA/WAI 10/173/291 Jld.3 (1) bertarikh 17 Mac 2016 yang menetapkan sebarang syor tindakan surcaj dan tata tertib perlu mendapat ulasan PUU.

### **Maklum balas KPM yang diterima pada 6 Mei 2020**

BKEW dan BPA mengambil maklum akan hasil penemuan Audit berkenaan kelewatan yang timbul dalam menguruskan kes kehilangan wang awam dan aset alih di KPM. Bagaimanapun, perkara ini sukar dielakkan memandangkan tindakan lanjut di pihak Urus Setia BKEW adalah tertakluk kepada hasil penemuan pengauditan atau siasatan oleh Bahagian Audit Sekolah, Bahagian Audit Dalam, Unit Integriti atau Unit Akaun Belum Terima. Tambahan lagi, bagi kes kehilangan wang awam yang berlaku di sekolah, perkara ini memerlukan semakan JPN atau PPD terlebih dahulu sebelum sampai kepada Urus Setia BKEW. Seterusnya, BPA turut memaklumkan bahawa perkara ini sukar dielakkan kerana bagi kes kehilangan aset alih Kerajaan yang telah lewat pada peringkat awal menyebabkan kelewatan kepada Urus Setia mengemukakan Laporan Akhir kepada Kuasa Melulus. Bagaimanapun, Urus Setia di BPA telah mengemukakan surat atau e-mel peringatan kepada PTJ berkenaan untuk tindakan susulan.



**Pernyataan  
Audit**

**KPM masih belum mengemukakan Laporan Akhir setakat 31 Januari 2020 bagi 38 kes kehilangan berjumlah RM1.84 juta dengan kelewatan sehingga 1,355 hari. Selain itu, tempoh masa yang diambil bagi mengemukakan Laporan Akhir untuk 45 kes berjumlah RM707,003 adalah terlalu lama, iaitu sehingga 4,087 hari berbanding tempoh dua (2) bulan yang ditetapkan. Kelewatan ini menyebabkan kerugian kepada kerajaan kerana tindakan (kutipan balik, tatatertib, surcaj) tidak dapat dilaksanakan segera terhadap penjawat awam yang terlibat.**

**5.5. Tindakan susulan bagi 31 kes kehilangan wang awam dan aset alih berjumlah RM552,036 belum dilaksanakan selepas mendapat kelulusan Perbendaharaan atau Kuasa Melulus antara 88 hingga 504 hari**

5.5.1. Bagi kes kehilangan wang awam, Perbendaharaan melalui surat pemakluman kelulusan kepada Kementerian menyatakan bahawa pihak KPM perlu mengemukakan pelan tindakan berhubung kutipan balik dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh surat pemakluman keputusan tersebut. Selain itu, perenggan 4.1.1.6 dalam PP WP10.3 menetapkan Kementerian/Jabatan perlu memaklumkan keputusan Pihak Berkuasa Tatatertib ke atas syor surcaj/tatatertib kepada Perbendaharaan dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh keputusan dibuat. Bagi kes kehilangan aset alih pula, perenggan 5.2.11 PP AM2.8 menetapkan Kementerian/Jabatan hendaklah mengemukakan Sijil Hapus Kira Aset Alih kepada Kuasa Melulus dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh kelulusan hapus kira dan mendapatkan maklum balas kedudukan tindakan surcaj daripada Urus Setia Pihak Berkuasa Tatatertib (PBT) dan memaklumkan kepada Perbendaharaan.

5.5.2. Sebanyak 31 kes kehilangan wang awam dan aset alih berjumlah RM552,036 masih belum diambil tindakan walaupun telah diputuskan oleh Perbendaharaan/Kuasa Melulus. Sehingga 31 Januari 2020, KPM belum memaklumkan pelan tindakan yang diambil terhadap empat (4) kes kehilangan wang awam dengan kelewatan antara 88 hingga 352 hari melibatkan empat (4) PTJ di dua (2) negeri. KPM juga masih belum mengambil tindakan terhadap 27 kes kehilangan aset alih dan mengemukakan Sijil Hapus Kira Aset Alih kepada Pegawai Pengawal dengan kelewatan antara 134 hingga 504 hari melibatkan 26 PTJ di 12 negeri dan wilayah persekutuan. Butiran terperinci adalah seperti dalam **Jadual 4.2.11** dan **Jadual 4.2.12**.

**JADUAL 4.2.11**  
**TEMPOH KEHILANGAN WANG AWAM YANG BELUM DIAMBIL**  
**TINDAKAN KUTIPAN BALIK, TATATERTIB DAN AMARAN**

BIL.	NEGERI	BIL. KES	JUMLAH (RM)	TARIKH LULUS PERBENDAHARAAN	KEPUTUSAN PERBENDAHARAAN	TARIKH MAKLUM PELAN TINDAKAN KEPADA PERBENDAHARAAN		TEMPOH LEWAT (HARI) (b) – (a)
						PATUT (a)	SEBENAR (b)	
1.	Perak	1	500	24.01.2019	Teguran serius dikenakan kepada Ketua Jabatan, Guru Besar, Pembantu Tadbir	13.02.2019	Sehingga 31.01.2020 tiada pemakluman dikemukakan kepada Perbendaharaan	352
2.	Sabah	3	174,379	27.08.2019 - 15.10.2019	Kutipan balik dan tindakan tatatertib serta teguran serius	17.09.2019 - 04.11.2019		88 - 136
<b>JUMLAH</b>		<b>4</b>	<b>174,879</b>					

Sumber: Surat Kelulusan Perbendaharaan

**JADUAL 4.2.12**  
**TEMPOH KEHILANGAN ASET ALIH YANG BELUM DIAMBIL**  
**TINDAKAN HAPUS KIRA DAN TUNTUTAN GANTI RUGI**

BIL.	NEGERI	BIL. PTJ	BIL. KES	JUMLAH (RM)	TARIKH LULUS PEGAWAI PENGAWAL	KEPUTUSAN KUASA MELULUS	TARIKH AKHIR TINDAKAN PATUT DIAMBIL	TEMPOH LEWAT AMBIL TINDAKAN
1.	Pahang	2	2	22,146	04.09.2018	<ul style="list-style-type: none"> <li>Hapus kira</li> <li>Tuntutan ganti rugi kepada syarikat keselamatan</li> </ul>	04.10.2018	484
2.	Negeri Sembilan	1	1	7,370	05.10.2018	<ul style="list-style-type: none"> <li>Hapus kira</li> <li>Tuntutan ganti rugi kepada syarikat keselamatan</li> </ul>	04.11.2018	453
3.	Perlis	1	1	8,372	05.10.2018	<ul style="list-style-type: none"> <li>Hapus kira</li> <li>Tuntutan ganti rugi kepada syarikat keselamatan</li> <li>Peringatan dan teguran kepada Ketua Jabatan</li> </ul>	04.11.2018	453
4.	Johor	2	2	31,068	04.12.2018	<ul style="list-style-type: none"> <li>Hapus kira</li> <li>Peringatan dan teguran kepada Ketua Jabatan</li> </ul>	03.01.2019	393
5.	Ibu Pejabat KPM, Putrajaya	1	1	2,555	10.12.2018	Surcaj dan hapus kira	09.01.2019	387
6.	Kelantan	2	2	78,152	18.12.2018	Hapus kira	17.01.2019	379
7.	Pulau Pinang	2	2	23,016	15.08.2018 - 21.12.2018	Surcaj dan hapus kira	14.09.2018 - 20.01.2019	376 - 504
8.	Perak	2	2	4,456	04.09.2018 - 02.10.2018	<ul style="list-style-type: none"> <li>Hapus kira</li> <li>Tuntutan ganti rugi kepada syarikat keselamatan</li> </ul>	04.10.2018 - 01.11.2018	456 - 484
9.	Kedah	4	4	140,718	05.10.2018 - 21.12.2018	<ul style="list-style-type: none"> <li>Hapus kira</li> <li>Tuntutan ganti rugi kepada syarikat keselamatan</li> <li>Peringatan dan teguran kepada Ketua Jabatan</li> </ul>	04.11.2018 - 20.01.2019	376 - 453
10.	Melaka	4	5	25,207	04.12.2018 - 04.07.2019	<ul style="list-style-type: none"> <li>Hapus kira</li> <li>Tuntutan ganti rugi kepada syarikat keselamatan</li> <li>Peringatan dan teguran kepada Ketua Jabatan</li> </ul>	03.01.2019 - 03.08.2019	181 - 393
11.	Kuala Lumpur	3	3	27,811	04.12.2018 - 20.08.2019	<ul style="list-style-type: none"> <li>Hapus kira</li> <li>Peringatan dan teguran kepada Ketua Jabatan</li> </ul>	03.01.2019 - 19.09.2019	134 - 393

BIL.	NEGERI	BIL. PTJ	BIL. KES	JUMLAH (RM)	TARIKH LULUS PEGAWAI PENGAWAL	KEPUTUSAN KUASA MELULUS	TARIKH AKHIR TINDAKAN PATUT DIAMBIL	TEMPOH LEWAT AMBIL TINDAKAN
12.	Sarawak	2	2	6,286	10.12.2018 - 11.12.2018	Surcaj dan hapus kira	09.01.2019 - 10.01.2019	386 - 387
<b>JUMLAH</b>		<b>26</b>	<b>27</b>	<b>377,157</b>				

Sumber: Memo Kelulusan Pegawai Pengawal, Bahagian Aset KPM  
Nota : \*Tempoh kelewatan dikira sehingga 31 Januari 2020

5.5.3 Antara punca kelewatan yang berlaku adalah disebabkan ketiadaan norma kerja atau SOP terperinci bagi mengendalikan proses kehilangan wang awam dan aset alih kerajaan berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan WP10.3 dan AM2.8. Ini menyebabkan pegawai yang terlibat dengan proses kehilangan tidak menitikberatkan tempoh masa yang perlu dipatuhi disetiap peringkat dan tindakan dalam prosedur kehilangan.

### **Maklum balas KPM yang diterima pada 6 Mei 2020**

BKEW telah merangka Prosedur Tetap Operasi (SOP) Pengurusan Kehilangan dan Hapus Kira Wang Awam yang merangkumi carta alir berkenaan tindakan yang harus diambil selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan. SOP tersebut telah dimuat naik dalam portal Kementerian bagi membolehkan ia diakses dan memberi panduan yang jelas kepada *end user* di peringkat sekolah, PPD dan JPN. BPA pula sedang dalam proses untuk mengeluarkan surat atau e-mel peringatan kepada semua Ketua Jabatan yang masih belum memaklumkan status tindakan susulan bagi kes-kes hapus kira, surcaj dan tatatertib.

**Pernyataan Audit** | **Kelewatan dalam mengambil tindakan susulan boleh menyebabkan tindakan terhadap pegawai bertanggungjawab tidak dapat dibuat kerana kemungkinan pegawai tersebut telah berhenti kerja atau bersara, bertukar jabatan atau tidak dapat dikesan. Selain itu, tuntutan ganti rugi daripada syarikat kawalan keselamatan bagi kes melibatkan pecah masuk pejabat atau sekolah juga tidak dapat diambil kerana kontrak perkhidmatan telah tamat. Selaras dengan pelaksanaan perakaunan akruan oleh Kementerian dan Jabatan, item aset alih yang akan dilaporkan dalam Penyata Kewangan Kerajaan nanti tidak menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama pada akhir tahun kewangan. Kecuaian dalam melaksanakan tindakan yang telah diputuskan menyebabkan kerugian kepada Kerajaan.**

## **6. SYOR AUDIT**

Prosedur kehilangan wang awam dan aset alih di KPM perlu diperkemas dengan pematuhan kepada peraturan dan proses kerja yang ditetapkan. Penambahbaikan dan tindakan berikut perlu dilaksanakan:

- 6.1. Memastikan pegawai yang bertanggungjawab terhadap aset dan kewangan Kementerian membuat Laporan Polis sebaik sahaja menyedari berlakunya kehilangan. Laporan Awal kehilangan perlu disediakan dan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal dalam tempoh ditetapkan.
- 6.2. Mengambil tindakan sewajarnya terhadap pegawai bertanggungjawab yang tidak mematuhi kehendak atau arahan Jabatan seperti yang tertakluk dalam peraturan kewangan.
- 6.3. Melaksanakan mekanisme pemantauan kehilangan dan hapus kira wang awam melalui Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan, Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun serta Jawatankuasa Anti Rasuah dan Integriti.



# 5

## PEMBAYARAN BALIK CUKAI

- ◉ Jabatan Kastam Diraja Malaysia  
Kementerian Kewangan
- ◉ Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia  
Kementerian Kewangan



## PEMBAYARAN BALIK CUKAI

Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Kementerian Kewangan  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, Kementerian Kewangan

---

### Perkara Utama

- Apa yang diaudit?**
- Pengauditan pematuhan terhadap pembayaran balik cukai dilaksanakan di Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM).
- Mengapa ia penting untuk diaudit?**
- Menentukan pembayaran balik cukai dibuat mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang ditetapkan.
- Apa yang ditemui?**
- Penemuan utama Audit mengikut jabatan adalah seperti berikut:
    - **JKDM**
      - Bayaran balik tuntutan Cukai Barang dan Perkhidmatan (*Goods and Services Tax - GST*) terlebih bayar berjumlah RM4.38 juta.
    - **LHDNM**
      - Tunggakan bayaran balik cukai bagi tahun taksiran 2017 dan sebelum berjumlah RM3.807 bilion masih belum dijelaskan.
- Syor Audit**
- Pihak Audit mengesyor seperti berikut:
    - **JKDM**
      - Menjalankan siasatan ke atas syarikat yang membuat tuntutan dan pegawai JKDM yang bertanggungjawab terhadap bayaran balik cukai; dan
      - Membuat kutipan balik bayaran terkhilaf sejumlah RM4.38 juta daripada Orang Kena Cukai (OKC) berkenaan dengan kadar segera.
    - **LHDNM**
      - Memastikan peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan digunakan sepenuhnya untuk bayaran balik cukai bagi tahun taksiran 2017 dan sebelumnya.

- Melaksanakan "Proses Membenarkan Cukai Pendapatan Dibayar Dahulu dan Audit Kemudian (*Refund First Audit Later – ReFAL*)" dan bayaran balik cukai dapat dibuat dalam tempoh yang ditetapkan bagi mengelakkan bayaran pampasan atas kelewatan yang diperuntukkan di bawah Seksyen 111D Akta 53.





**JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA**  
**Kementerian Kewangan**



## 5. PEMBAYARAN BALIK CUKAI

### 5.1. Jabatan Kastam Diraja Malaysia Kementerian Kewangan

#### 1. LATAR BELAKANG

Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) 2014, Akta 762 telah diwartakan pada bulan Jun 2014 dan berkuat kuasa pada 1 April 2015. Peruntukan Seksyen 54(1) Akta 762 menghendaki satu Kumpulan Wang Pembayaran Balik GST (KWPB GST) ditubuhkan manakala Seksyen 54(2) menetapkan hasil GST hendaklah diperakaunkan ke dalam Kumpulan Wang ini. Seksyen 54(3) menyatakan wang dalam Kumpulan Wang ini digunakan untuk membuat pembayaran balik GST di bawah Seksyen 38 Akta 762. Menteri mempunyai kuasa untuk memindahkan kesemua atau sebahagian lebihan kutipan hasil GST ke dalam Akaun Hasil Disatukan seperti yang dinyatakan di dalam Seksyen 54(5) Akta yang sama. Pada 1 September 2018, GST dimansuhkan melalui Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pemansuhan) 2018. Kedudukan KWPB GST bagi tempoh dua (2) tahun seperti dalam **Jadual 5.1.1**.

**JADUAL 5.1.1  
KEDUDUKAN KWPB GST  
PADA TAHUN 2018 DAN 2019**

BUTIRAN	2019 (RM Bilion)	2018 (RM Bilion)
Baki Awal	3.900	1.000
Pindahan Hasil	19.000	16.431
Hasil	1.117	-*
<b>Jumlah Dana KWPB</b>	<b>24.017</b>	<b>17.431</b>
Bayaran Balik	(18.011)	(13.531)
<b>Baki KWPB</b>	<b>6.006</b>	<b>3.900</b>
Baki Komitmen Bayaran Balik	8.542	25.936
<b>Kekurangan Dana KWPB</b>	<b>(2.536)</b>	<b>(22.036)</b>

Sumber: Penyata KWPB GST Tahun 2018 dan 2019

Nota : \*Hasil GST berjumlah RM36.636 bilion bagi tahun 2018 telah diperakaunkan dalam Akaun Hasil Disatukan

#### 2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menentukan sama ada pembayaran balik GST dibuat mengikut undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan.

#### 3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dilaksanakan di Bahagian Cukai Dalam Negeri dan Cawangan Pengurusan

Perakaunan Hasil, Ibu Pejabat Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Semakan Audit dibuat terhadap rekod kewangan, perakaunan dan laporan dari bulan Januari hingga Disember 2019. Selain itu, analisis Audit terhadap data yang dijana melalui MyGST dibuat bagi tujuan pengesahan dan semak silang.

#### 4. RINGKASAN PENEMUAN AUDIT

4.1 Bayaran balik tuntutan GST bagi tahun 2019 telah terlebih bayar berjumlah RM4.38 juta.

#### 5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan mulai 25 Februari hingga 30 April 2020 dan maklum balas daripada JKDM telah diterima pada 29 Mei 2020 dan 1 Jun 2020. Penemuan Audit adalah seperti yang dinyatakan di perenggan 5.1.

##### 5.1. Bayaran Balik Tuntutan GST Terlebih Bayar Berjumlah RM4.38 juta

5.1.1. Mengikut Seksyen 8, Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pemansuhan) 2018, Orang Kena Cukai (OKC) dikehendaki mengemukakan penyata terakhir dan mengakaunkan semua pembekalan yang telah dibuat. Penyata akhir dan bayaran GST hendaklah dikemukakan tidak lewat daripada 120 hari iaitu pada 31 Disember 2018 (dari tarikh yang ditetapkan iaitu 1 September 2018). Selain itu, Seksyen 8(1), menyatakan bahawa sebarang tuntutan cukai hendaklah dibuat dalam penyata akhir yang ditetapkan pada 31 Disember 2018.

5.1.2. Semakan Audit mendapati **sebanyak 75 daripada 100,736 tuntutan bayaran balik GST berjumlah RM4.38 juta telah dibayar walaupun permohonan diterima selepas tempoh ditetapkan.** Sehingga tarikh pengauditan, tuntutan bayaran balik GST terlebih bayar belum diambil tindakan oleh JKDM. Butiran terperinci tuntutan terlebih bayar adalah seperti dalam **Jadual 5.1.2.**

**JADUAL 5.1.2**  
**BAYARAN BALIK GST TERLEBIH BAYAR PADA TAHUN 2019**

PENYATA DITERIMA (BULAN)	BILANGAN TUNTUTAN	AMAUN TERLEBIH BAYAR (RM Juta)
Januari	44	2.20
Februari	8	0.06
Mac	13	0.70
April	8	1.40
Mei	2	0.02
<b>JUMLAH</b>	<b>75</b>	<b>4.38</b>

Sumber: Data MyGST yang dijana pada 1 Januari 2020

5.1.3. Pihak Audit mendapati perkara ini berlaku kerana pegawai yang bertanggungjawab tidak menyemak tarikh terimaan Penyata GST-03 sebaliknya melaksanakan proses pembayaran balik mengikut fail tugas yang diserahkan. Kesilapan pembayaran ini menyebabkan ketirisan hasil kepada Kerajaan sekiranya tidak dikutip semula.

### **Maklum balas JKDM yang diterima pada 29 Mei 2020**

Keputusan Penasihat Undang-undang Jabatan melalui surat rujukan KE.VA(101)769/13 Jld.2(69) bertarikh 30 April 2020 telah memberi pandangan berhubung peruntukan Seksyen 8 Akta GST (Pemansuhan) 2018 yang mana peruntukan tersebut menyekat tuntutan kredit cukai input selepas 31 Disember 2018. Implikasi kepada keputusan ini adalah seperti berikut:

- i. Tuntutan cukai input selepas 31 Disember 2018 adalah tidak layak.
- ii. Cukai output hendaklah dibayar sepenuhnya (*gross*) tanpa mengambil cukai input yang dituntut.

JKDM telah mengambil tindakan menuntut semula tuntutan terkhilaf bayar yang melibatkan 75 transaksi berjumlah RM4.38 juta. Hasil tindakan JKDM, sejumlah 48 transaksi telah dikeluarkan bil tuntutan dengan nilai berjumlah RM3.98 juta sehingga 28 Mei 2020 manakala 27 transaksi dalam tindakan untuk menuntut semula.

### **Maklum balas JKDM yang diterima pada 4 Ogos 2020**

JKDM memaklumkan bahawa 42 transaksi bil tuntutan telah selesai dipungut berjumlah RM798,453.64 sehingga 3 Ogos 2020.

## **6. SYOR AUDIT**

Bagi memastikan tindakan pematuhan kepada peraturan kewangan dan undang-undang, penambahbaikan dan tindakan perlu dilaksanakan terhadap perkara berikut:

6.1. Menyiasat sama ada kesilapan yang berlaku disebabkan oleh pihak syarikat membuat tuntutan yang tidak layak atau kecuaiannya pegawai JKDM kerana gagal menyemak tarikh tuntutan syarikat telah melepasi tempoh yang dibenarkan. Jika demikian, tindakan terhadap pegawai terbabit perlu diambil.

6.2. Memungut bayaran terkhilaf daripada Orang Kena Cukai (OKC) berkenaan dengan kadar segera. Kutipan tersebut dapat digunakan untuk membuat bayaran tuntutan balik GST kepada pihak yang layak.



**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**  
**Kementerian Kewangan**





---

## **5. PEMBAYARAN BALIK CUKAI**

### **5.2. LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA KEMENTERIAN KEWANGAN**

---

#### **1. LATAR BELAKANG**

1.1. Bayaran balik cukai melalui Tabung Bayaran Balik Cukai (TBBC) terdiri daripada lebihan cukai di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 (Akta 53), Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 dan Akta Setem 1949.

1.2. Seksyen 111B(1) Akta 53 menghendaki satu tabung untuk bayaran balik cukai hendaklah ditubuhkan. Seksyen 111B(2) pula menyatakan pembayaran hendaklah dibuat dari semasa ke semasa ke dalam Tabung itu amaun cukai yang dikutip di bawah Akta ini seperti yang diberi kuasa oleh Menteri. Seksyen 111B(3) menyatakan wang tabung hendaklah digunakan untuk membuat bayaran amaun balik yang terlebih bayar atau bayaran lain yang diperuntukkan oleh mana-mana undang bertulis yang lain. Peruntukan Seksyen 111B(5) selanjutnya menyatakan Menteri boleh dari semasa ke semasa meluluskan pembayaran ke dalam Akaun Hasil Disatukan dalam Tabung Persekutuan Disatukan kesemua atau mana-mana bahagian wang Tabung itu. TBBC telah ditubuhkan pada tahun 2005 dan baki tabung pada 31 Disember 2019 adalah berjumlah RM1.355 bilion.

#### **2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Pengauditan ini dijalankan untuk menentukan sama ada tunggakan bayaran balik cukai melalui TBBC telah dibuat selaras perundangan dan surat ikatan amanah yang berkuat kuasa.

#### **3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Pengauditan dilaksanakan di Jabatan Pungutan Hasil, Ibu Pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM). Semakan dibuat terhadap rekod kewangan, perakaunan dan laporan dari bulan Januari hingga Disember 2019. Selain itu, analisis Audit terhadap data yang dijana melalui *Electronic Revenue Accounting System* (eRAS) dan Sistem Taksir Sendiri (STS) juga telah dilaksanakan.

#### 4. RINGKASAN PENEMUAN AUDIT

- 4.1 Tunggakan bayaran balik cukai bagi tahun taksiran 2017 dan sebelum berjumlah RM3.807 bilion masih belum dijelaskan.

#### 5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan antara bulan Ogos 2019 hingga Mac 2020. Maklum balas LHDNM dan Kementerian Kewangan Malaysia telah diterima pada 9 Jun 2020. Penemuan Audit adalah seperti yang dinyatakan di perenggan 5.1.

##### 5.1 Tunggakan Bayaran Balik Cukai Bagi Tahun Taksiran 2017 dan Sebelum Berjumlah RM3.807 Bilion Masih Belum Dijelaskan

5.1.1. Seksyen 111B(3) Akta 53 memperuntukkan wang Tabung ini hendaklah diguna pakai untuk membuat bayaran balik amaun cukai yang dibayar melebihi amaun kena dibayar atau apa-apa bayaran balik atau bayaran lain yang dikehendaki perlu dibayar dari Tabung itu sebagaimana yang diperuntukkan oleh mana-mana undang-undang bertulis yang lain. Seksyen 111D Akta 53, bayaran pampasan atas kelewatan membuat bayaran balik cukai sebanyak 2% sehari akan dikenakan selepas tempoh 90 hari mengemukakan borang *e-Filing* dan 120 hari secara manual. Pada 1 Mac 2019, arahan berkaitan "Proses Membenarkan Cukai Pendapatan Dibayar Dahulu dan Audit Kemudian (*Refund First Audit Later – ReFAL*)" telah diedarkan semula untuk diteruskan penguatkuasaannya memandangkan peruntukan vot adalah mencukupi pada tahun 2019.

5.1.2. Pada 1 Januari 2019, komitmen bayaran balik cukai adalah berjumlah RM18.436 bilion. Ini termasuk komitmen bagi tahun 2017 dan sebelumnya sejumlah RM17.591 bilion. Pada tahun 2019, Kerajaan Persekutuan telah menyediakan sejumlah RM18 bilion peruntukan mengurus khas untuk menyelesaikan komitmen bayaran balik cukai tersebut.

5.1.3. Semakan Audit mendapati komitmen bayaran balik cukai setakat 31 Disember 2019 adalah berjumlah RM10.851 bilion melibatkan 1.26 juta pembayar cukai. Daripada jumlah tersebut, **RM3.807 bilion (35.1%) melibatkan tunggakan bayaran balik cukai bagi tahun taksiran 2017 dan sebelumnya** manakala RM7.044 bilion (64.9%) adalah bagi tahun taksiran 2018 dan 2019. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 5.2.1**.

**JADUAL 5.2.1**  
**MAKLUMAT BAKI KOMITMEN BAYARAN BALIK CUKAI BAGI TAHUN 2019**  
**MENGIKUT TAHUN TAKSIRAN**

BUTIRAN	BAKI AWAL KOMITMEN BAYARAN BALIK CUKAI PADA 1 JANUARI 2019			BAKI AKHIR KOMITMEN BAYARAN BALIK CUKAI PADA 31 DISEMBER 2019			
	TAHUN TAKSIRAN (TT) 2017 DAN SEBELUM	TAHUN TAKSIRAN (TT) 2018	JUMLAH	TAHUN TAKSIRAN (TT) 2017 DAN SEBELUM	TAHUN TAKSIRAN (TT) 2018	TAHUN TAKSIRAN (TT) 2019	JUMLAH
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)
	(a)	(b)	(a)+(b)	(d)	(e)	(f)	(d)+(e)+(f)
Cukai Pendapatan Selain Syarikat	3,989	-	3,989	959	274	-	1,233
Cukai Pendapatan Syarikat	12,187	725	12,912	2,492	5,303	602	8,397
Cukai Pendapatan Petroleum	1,042	-	1,042	86	631	-	717
Cukai Keuntungan Harta Tanah Individu	164	36	200	157	37	100	294
Cukai Keuntungan Harta Tanah Syarikat	209	84	293	113	64	33	210
<b>JUMLAH</b>	<b>17,591</b>	<b>845</b>	<b>18,436</b>	<b>3,807</b>	<b>6,309</b>	<b>735</b>	<b>10,851</b>

Sumber: Senarai Komitmen Bayaran Balik Cukai oleh LHDNM

5.1.4. Perkara ini berlaku disebabkan LHDNM tidak melaksanakan peraturan ReFAL sepenuhnya. Selain itu, memo dalaman LHDNM bertajuk "Memberi Keutamaan Menyelesaikan Pemprosesan Kes Bayaran Balik Tahun Taksiran 2017 dan Sebelum" hanya dikeluarkan pada 12 September 2019. Baki peruntukan tambahan yang belum disalurkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia setakat Ogos 2019 adalah berjumlah RM5.500 bilion. Baki ini turut digunakan bagi membuat bayaran balik cukai tahun semasa.

5.1.5. Komitmen bayaran balik cukai yang lewat dijelaskan menyebabkan LHDNM terpaksa menanggung **tunggakan pampasan atas kelewatan pembayaran balik cukai pendapatan (Seksyen 111D Akta 53) berjumlah RM38.29 juta (setakat tahun 2019) bagi 135,960 kes dari tahun taksiran 2013 hingga 2019**. Jumlah pampasan ini akan terus meningkat selagi bayaran balik cukai tidak diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 5.2.2**.

**JADUAL 5.2.2**  
**TUNGGAKAN PAMPASAN ATAS KELEWATAN PEMBAYARAN**  
**BALIK CUKAI PENDAPATAN**

TAHUN TAKSIRAN	BIL. KES	AMAUN LAYAK PAMPASAN (RM Juta)
2013	10,332	5.00
2014	15,858	6.94
2015	18,900	9.99
2016	29,419	8.07
2017	33,264	6.38
2018	28,018	1.90
2019	169	0.007
<b>JUMLAH</b>	<b>135,960</b>	<b>38.287</b>

Sumber: Senarai Kes Tunggakan Pampasan oleh LHDNM

Nota : Data yang diambil tidak termasuk dengan kes-kes lebihan kredit yang telah dibuat tindakan *set off*, bayaran balik sebahagian.

**Maklum balas LHDNM yang diterima pada 9 Jun 2020**

Penyelesaian tunggakan kes bayaran balik bagi tahun taksiran 2017 dan sebelum mengambil masa yang panjang untuk diselesaikan disebabkan beberapa perkara seperti berikut:

- a. Amaun kredit bayaran balik yang telah disediakan sebelumnya berbeza dengan amaun baki dalam lejar semasa disebabkan wujud beberapa transaksi baru dalam lejar tahun bayaran balik seharusnya dibayar. Ini menyebabkan proses bayaran balik tidak dapat diluluskan secara auto dan kes perlu dirujuk ke cawangan LHDNM bagi penyediaan semula;
- b. Terdapat kes tunggakan bayaran balik yang masih berada di peringkat audit atau siasatan yang hanya boleh dibayar balik setelah kes berkenaan telah selesai diaudit;
- c. Terdapat lebihan kredit yang wujud dalam lejar merupakan baki kredit yang dipindahkan ke STS. Pegawai unit pungutan menghadapi kesukaran dalam menentukan kesahihan sama ada baki kredit berkenaan telahpun mengambil kira seluruh tanggungan cukai yang telah dibangkitkan pada tahun terdahulu dan adakah wajar amaun berkenaan dibayar balik kepada pembayar cukai; dan
- d. Pembayar cukai tidak mengemas kini maklumat untuk proses bayaran balik.

**Pernyataan  
Audit**

**Bayaran balik hendaklah dibuat berdasarkan taksiran yang diterima dan menggunakan kaedah ReFAL memandangkan Kerajaan telah menyalurkan peruntukan yang mencukupi untuk menyelesaikan komitmen bayaran balik cukai.**

## **6. SYOR AUDIT**

Bagi memastikan tindakan pematuhan kepada peraturan kewangan dan undang-undang, penambahbaikan dan tindakan perlu dilaksanakan terhadap perkara berikut:

6.1. Memastikan peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan digunakan sepenuhnya untuk bayaran balik cukai bagi tahun taksiran 2017 dan sebelumnya.

6.2. Melaksanakan "Proses Membenarkan Cukai Pendapatan Dibayar Dahulu dan Audit Kemudian (*Refund First Audit Later – ReFAL*)" dan bayaran balik cukai dapat dibuat dalam tempoh yang ditetapkan bagi mengelakkan bayaran pampasan atas kelewatan yang diperuntukkan di bawah Seksyen 111D Akta 53.





# 6

## TAKSIRAN DUTI IMPORT ALKOHOL

- Jabatan Kastam Diraja Malaysia  
Kementerian Kewangan





## TAKSIRAN DUTI IMPORT ALKOHOL

### Jabatan Kastam Diraja Malaysia Kementerian Kewangan

---

#### Perkara Utama

- Apa yang diaudit?**
- Pengauditan pematuhan terhadap taksiran duti import alkohol dilaksanakan di Jabatan Kastam Diraja Malaysia.
- Mengapa ia penting untuk diaudit?**
- Menentukan sama ada kutipan duti ke atas alkohol yang diimport dari luar negara telah dilaksanakan dengan betul dan teratur mengikut undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa.
- Apa yang ditemui?**
- Penemuan Audit adalah seperti berikut:
    - Pelepasan duti import tidak mengikut kelulusan pengecualian *purity level* 99.5% yang ditetapkan berjumlah RM50.46 juta.
- Syor Audit**
- Pihak Audit mengesyor seperti berikut:
    - Membuat kutipan balik duti import berjumlah RM50.46 juta yang tidak dipungut dengan segera.
    - Bahagian Pengurusan Pematuhan, JKDM hendaklah melaksanakan pengauditan penuh secara berkala terhadap syarikat yang memperolehi kelulusan pengecualian duti import bagi memastikan tiada kehilangan hasil.



---

## 6. TAKSIRAN DUTI IMPORT ALKOHOL

### Jabatan Kastam Diraja Malaysia Kementerian Kewangan

---

#### 1. LATAR BELAKANG

1.1. Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) merupakan agensi Kerajaan Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan yang bertanggungjawab mentadbir sistem cukai tidak langsung negara melalui pungutan hasil, pemberian fasilitasi perdagangan dan perindustrian kepada komuniti perniagaan selain menguatkuasakan undang-undang untuk membanteras penyeludupan. Perkhidmatan Kastam yang diamalkan adalah sejajar dengan ketetapan dan amalan *World Trade Organization (WTO)*, *World Customs Organization (WCO)* serta jawatankuasa ekonomi di peringkat dunia tanpa mengeneipkan kepentingan nasional.

1.2. Semua barang yang hendak diimport atau dieksport sama ada berduti atau tidak, hendaklah diikrar secara bertulis melalui borang Kastam yang ditetapkan. Antaranya, alkohol yang hendak diimport hendaklah diikrar secara bertulis melalui borang Kastam yang ditetapkan. Borang Kastam No. 1 dikhususkan untuk barangan import yang mengandungi maklumat seperti perihal bilangan, keterangan bungkusan atau peti, nilai barangan, berat, ukuran, kuantiti, jenis barangan dan dinyatakan bersama negara asal barangan import berkenaan. Borang Kastam yang telah lengkap hendaklah dikemukakan kepada stesen Kastam di tempat barangan akan diimport.

1.3. Bagi maksud menentukan Duti Kastam yang perlu dibayar mengikut asas atas nilai barangan yang diimport, taksiran akan dibuat mengikut takrifan di bawah Seksyen 2, Akta Kastam 1967, Akta 235. Kuasa untuk menilai ataupun menaksir barangan diperuntukkan di bawah Seksyen 13, Akta 235.

#### 2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menentukan sama ada kutipan duti ke atas alkohol yang diimport dari luar negara telah dilaksanakan dengan betul dan teratur mengikut undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa.

#### 3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dilaksanakan di Bahagian Perkastaman, Unit II Zon Tengah, JKDM Selangor. Analisis Audit telah dijalankan terhadap data Sistem Maklumat Kastam (SMK) yang dijana melalui *Crystal Report* bagi tahun 2017 hingga Julai 2019. Semakan lanjut dibuat terhadap Borang Kastam No. 1 dalam SMK dan dokumen sokongan yang berkaitan. Temu bual dengan pegawai yang berkenaan juga telah dijalankan untuk mendapatkan pengesahan.

#### 4. RINGKASAN PENEMUAN AUDIT

4.1. Pelepasan duti import berjumlah RM50.46 juta adalah tidak mengikut kelulusan pengecualian *purity level* 99.5% yang ditetapkan.

#### 5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan mulai 1 Ogos hingga 27 November 2019. Maklum balas daripada Unit II Zon Tengah, JKDM Selangor telah diterima pada 6 Januari dan 8 April 2020. Penemuan Audit adalah seperti yang dinyatakan di perenggan 5.1.

##### 5.1. Duti Import Berjumlah RM50.46 juta Tidak Dipungut

5.1.1. Seksyen 11, Akta 235 memberi kuasa kepada Menteri untuk menentukan Duti Kastam melalui perintah yang diwartakan. Perintah Duti Kastam (PDK) 2017 telah menyenaraikan pengimportan *undenatured ethyl alcohol of an alcoholic strength by volume of 80% vol. or higher* di bawah kod tarif 2207.10.0000 hendaklah dikenakan Duti Import pada kadar RM60.00 per 100% *vol. per litre*. Seksyen 14, Akta 235 menyatakan bahawa Menteri mempunyai kuasa untuk mengecualikan Duti Kastam tertakluk kepada syarat atau jenis barangan atau mana-mana golongan orang.

5.1.2. Seksyen 6 Akta Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Perbadanan) 1965, Akta 397 menyatakan fungsi pihak berkuasa berkenaan adalah memberi nasihat kepada Kerajaan berkaitan pengenaan, perubahan atau pengecualian ke atas Duti Kastam. Menteri Kewangan melalui peruntukan di bawah Seksyen 14(2), Akta 235 boleh menubuhkan Jawatankuasa Pengecualian Cukai yang dipengerusikan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA). Jawatankuasa Pengecualian Cukai melalui surat dan arahan bertarikh 28 November 2017 dan 30 Januari 2015 telah memberi pengecualian cukai ke atas *Undenatured Ethyl, 99.5% Purity Level* kepada sebuah syarikat. Butiran terperinci kelulusan pengecualian duti import adalah seperti dalam **Jadual 6.1.1.**

**JADUAL 6.1.1**  
**BAHAN MENTAH, KUANTITI DAN TEMPOH PENGECCUALIAN**

BIL	BAHAN MENTAH/ KOMPONEN	NO RUJUKAN MIDA	KOD TARIF	KUANTITI MELALUI PORT KLANG (LITER)	TEMPOH PENGECCUALIAN
1.	<i>Undenatured Ethyl, 99.5% Purity Level</i>	320/15420/008661/ 000037JPC2	2207.10.0000	3,024,000	23 Disember 2014 hingga 22 Disember 2017
2.	<i>Undenatured Ethyl, 99.5% Purity Level</i>	320/15420/008661/ 000041JPC2	2207.10.0000	4,610,431	23 Disember 2017 hingga 22 Disember 2020

Sumber: Surat Kelulusan Pengecualian Duti Import oleh Jawatankuasa Pengecualian Cukai, MIDA

5.1.3. Semakan Audit mendapati 10 transaksi import alkohol yang digunakan sebagai bahan mentah untuk keluaran siap *rebaudioside A & NSF01* oleh sebuah syarikat bagi tahun 2017 hingga 2019 (sehingga Julai) dengan nilai dagangan berjumlah RM3.14 juta. Duti import bagi bahan mentah tersebut adalah berjumlah RM50.46 juta. Namun duti import tersebut tidak dipungut oleh JKDM.

5.1.4. Semakan lanjut terhadap Borang Kastam No. 1 mendapati deskripsi barang yang diisytihar adalah alkohol pada kepekatan selain 99.5% dan bukan *Undenatured Ethyl, 99.5% Purity Level*. Deskripsi bahan mentah ini juga telah disahkan melalui *certificate of analysis* bertarikh 24 Februari 2017 hingga 26 November 2018 yang dikemukakan oleh pengimport semasa pengimportan dilakukan. Oleh itu, **pengecualian yang diberikan adalah tidak sah kerana kelulusan pengecualian adalah khusus kepada deskripsi *Undenatured Ethyl, 99.5% Purity Level*. Ini menyebabkan duti import sejumlah RM50.46 juta tidak dipungut.** Butiran terperinci seperti dalam **Jadual 6.1.2**.

**JADUAL 6.1.2**  
**DUTI IMPORT TIDAK DIPUNGUT**

BIL	TARIKH IMPORT	NO RUJUKAN BORANG K1	DESKRIPSI BAHAN MENTAH	NILAI DAGANGAN (RM Juta)	JUMLAH PENGECEUALIAN (RM Juta)
1.	02.04.2019	B182019104007795	Bulk Litres Of Anhydrous Alcohol 99.9% (49,127 Ltr)	0.18	2.95
2.	05.12.2018	B102018112006544	Llm200 Ethyl Alcohol 99.8% Min Food Grade (118,750 Ltr)	0.37	7.11
3.	19.07.2018	B182018107029822	Anhydrous Alcohol 99.9%	0.27	4.43
4.	31.07.2018	B182018108000439	Anhydrous Alcohol 99.9% (Undenatured Ethyl Alcohol)	0.27	4.44
5.	07.08.2018	B182018108008081	Extra Neutral Alcohol 96.2% (Undenatured Ethyl Alcohol)	0.36	5.63
6.	01.12.2017	B182017111040319	Anhydrous Alcohol 99.9%	0.47	7.33
7.	15.09.2017	B182017109016189	Extra Neutral Potable (Ethyl Alcohol)	0.37	5.64
8.	15.09.2017	B182017109016432	Extra Neutral Potable Alcohol 96.2%	0.37	5.57
9.	07.04.2017	B182017104006891	Anhydrous Alcohol 99.9%	0.29	4.42
10.	23.03.2017	B182017103027325	Anhydrous Alcohol 99.9%	0.19	2.94
<b>JUMLAH</b>				<b>3.14</b>	<b>50.46</b>

Sumber: Borang Kastam No. 1, Sistem Maklumat Kastam (SMK)

5.1.5. Perkara ini berlaku kerana pegawai yang bertanggungjawab tidak menyemak *purity level* yang diikrarkan dalam Borang Kastam No. 1 berbanding dengan *purity level* yang dinyatakan dalam surat kelulusan pengecualian duti import oleh Jawatankuasa Pengecualian Cukai dan kod tarif bahan mentah tersebut.

#### **Maklum balas JKDM yang diterima pada 6 Januari 2020**

JKDM telah mengambil maklum berkenaan dengan kelulusan mengimport alkohol tidak mengikut *purity level* yang telah dinyatakan. Tindakan pemakluman berkaitan duti import berkurangan pungut telah dikeluarkan kepada pihak syarikat pada 23 Disember 2019.

#### **Maklum balas JKDM yang diterima pada 8 April 2020**

JKDM memaklumkan satu mesyuarat di antara MIDA (Seksyen Tarif dan Unit Audit Dalam), wakil Kastam di MIDA dan Kementerian Kewangan telah diadakan pada 13 Mac 2020. Hasil perbincangan tersebut, pihak MIDA telah mengemukakan surat penjelasan pada 17 Mac 2020 terhadap pengecualian duti import ke atas bahan mentah *Undenatured Ethyl*, *purity level* 99.5% bagi menghasilkan barang siap 'Rebaudioside A & NSF01' oleh syarikat. Surat tersebut menjelaskan bahawa kesemua pengecualian duti import atas bahan mentah *Undenatured Ethyl* kod tariff 2207.10.0000 adalah terpakai dalam penghasilan barang siap 'Rebaudioside A & NSF01' tanpa mengambil kira kandungan *purity level* bagi bahan mentah tersebut.

Pihak MIDA juga memaklumkan bahawa syarikat telah diberikan pengecualian duti eksais oleh Kementerian Kewangan bagi diskripsi bahan mentah *Undenatured Ethyl* di bawah kod tariff 2207.10.0000 tanpa menyatakan *purity level*. Oleh yang demikian, menurut MIDA kelulusan pengecualian duti import ke atas syarikat wajar diselaraskan dengan kelulusan pengecualian duti eksais yang telah diberikan oleh Kementerian Kewangan.

#### **Maklum balas JKDM yang diterima pada 4 Ogos 2020**

JKDM memaklumkan bahawa bil tuntutan di bawah Akta Kastam 1967 telah dikeluarkan pada 4 Ogos 2020 berjumlah RM50.46 juta.

#### **Pernyataan Audit**

**Pada 31 Januari 2020, Jawatankuasa Pengecualian Cukai telah membuat pindaan ke atas deskripsi bahan mentah (kadar peratusan *purity level* tidak dinyatakan) bagi tempoh 9 Januari hingga 22 Disember 2020. Sehubungan itu, pindaan kelulusan pengecualian oleh Jawatankuasa Pengecualian Cukai adalah tidak terpakai bagi pengimportan tahun 2019 dan sebelumnya.**

**Kesilapan pemahaman dan taksiran kod tarif bahan mentah oleh pegawai Kastam telah menyebabkan kehilangan hasil berjumlah RM50.46 juta yang sepatutnya dipungut.**

## **6. SYOR AUDIT**

Bagi memastikan tindakan pematuhan kepada peraturan kewangan dipatuhi sepenuhnya, penambahbaikan dan tindakan perlu dilaksanakan terhadap perkara berikut:

- 6.1. Membuat kutipan balik duti import berjumlah RM50.46 juta yang tidak dipungut dengan segera.
- 6.2. Bahagian Pengurusan Pematuhan, JKDM hendaklah melaksanakan pengauditan penuh secara berkala terhadap syarikat yang memperolehi kelulusan pengecualian duti import bagi memastikan tiada kehilangan hasil.







# **PENUTUP**





## **PENUTUP**

Pengauditan Pematuhan mendapati bahawa berasaskan sampel yang dipilih terdapat ketidakpatuhan dalam pengurusan perolehan Kementerian Pertahanan, perolehan secara sebut harga di Jabatan Penjara Malaysia, Jabatan Laut Malaysia, Politeknik di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia serta bayaran perkhidmatan penyenggaraan di bawah Kementerian Pertahanan dan Kementerian Dalam Negeri. Disamping itu, terdapat juga ketidakpatuhan terhadap prosedur kehilangan wang awam dan aset alih di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan Kementerian Pelajaran Malaysia. Terdapat juga kelemahan dalam pembayaran balik cukai oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Disamping itu terdapat juga kekurangan kutipan hasil daripada taksiran duti import alkohol oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Semuanya merugikan Kerajaan dari segi nilai wang yang sepatutnya diperolehi daripada kontrak atau hasil yang sepatutnya diterima.

Kementerian dan jabatan persekutuan perlulah memastikan pegawai yang menjalankan tugas mematuhi semua peraturan kewangan dan undang-undang yang ditetapkan, terutamanya yang boleh menyebabkan kerugian di pihak Kerajaan. Komunikasi dan koordinasi antara kementerian dan jabatan persekutuan adalah penting bagi tujuan pemantauan supaya pematuhan terhadap undang-undang serta peraturan kewangan dapat dipertingkatkan. Kementerian dan jabatan persekutuan hendaklah mempertingkatkan pengetahuan, pemahaman dan kemahiran pegawai dalam pengurusan kewangan ke arah pengurusan kewangan Kerajaan yang lebih baik. Ini supaya ketidakpatuhan seperti di atas dapat dikurangkan atau dihapuskan sama sekali.

Ketua Audit Negara

Putrajaya

7 Ogos 2020





# **AKRONIM**





## AKRONIM

<b>APC</b>	<i>Armoured Personnel Carrier</i>
<b>ATM</b>	Angkatan Tentera Malaysia
<b>BKEW</b>	Bahagian Kewangan
<b>BPA</b>	Bahagian Pengurusan Aset
<b>COE</b>	<i>Contingent Owned Equipment</i>
<b>eRAS</b>	<i>Electronic Revenue Accounting System</i>
<b>GPIS</b>	<i>Government Procurement Information System</i>
<b>GST</b>	<i>Goods and Services Tax</i>
<b>IPL</b>	Ibu Pejabat Laut
<b>IPPM</b>	Ibu Pejabat Penjara Malaysia
<b>JKDM</b>	Jabatan Kastam Diraja Malaysia
<b>JKPAK</b>	Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan
<b>JLM</b>	Jabatan Laut Malaysia
<b>JLWT</b>	Jabatan Laut Wilayah Tengah
<b>JPH</b>	Jawatankuasa Penilaian Harga
<b>JPN</b>	Jabatan Pendidikan Negeri
<b>JPPKK</b>	Jabatan Pendidikan Politeknik Dan Kolej Komuniti
<b>JSJ</b>	Jabatan Siasatan Jenayah
<b>KDN</b>	Kementerian Dalam Negeri
<b>KPM</b>	Kementerian Pendidikan Malaysia
<b>KPWKM</b>	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat
<b>KWPB</b>	Kumpulan Wang Pembayaran Balik
<b>LCS</b>	<i>Littoral Combatant Ship</i>
<b>LHDNM</b>	Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
<b>LML-NG</b>	<i>Lightweigher Multiple Launcher – New Generation</i>
<b>MINDEF</b>	<i>Ministry of Defence</i> (Kementerian Pertahanan)
<b>MoU</b>	<i>Memorandum of Understanding</i>
<b>MIDA</b>	<i>Malaysian Investment Development Authority</i>
<b>MPBU</b>	Markas Pemerintahan Bantuan Udara
<b>OKC</b>	Orang Kena Cukai
<b>OSPAR</b>	<i>Oil Spill Prevention, Administration and Response</i>
<b>PDK</b>	Perintah Duti Kastam
<b>PDRM</b>	Polis Diraja Malaysia
<b>PGU</b>	Pasukan Gerakan Udara
<b>PKMD</b>	Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah
<b>PNS</b>	Politeknik Nilai
<b>PP</b>	Pekeliling Perbendaharaan Malaysia
<b>PPD</b>	Pejabat Pendidikan Daerah
<b>PSA</b>	Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
<b>PTJ</b>	Pusat Tanggungjawab

<b>PUO</b>	Politeknik Ungku Omar
<b>PUU</b>	Penasihat Undang-Undang
<b>ReFAL</b>	<i>Refund First Audit Later</i>
<b>RKKTB</b>	Rumah Kanak-kanak Tengku Budriah
<b>RSK</b>	Rumah Seri Kenangan
<b>STARSTREAK</b>	Sistem Pertahanan Udara Starstreak
<b>STB</b>	Sekolah Tunas Bakti
<b>STS</b>	Sistem Taksir Sendiri
<b>TBBC</b>	Tabung Bayaran Balik Cukai
<b>TLDM</b>	Tentera Laut Diraja Malaysia
<b>UN</b>	<i>United Nations</i>
<b>UNIFIL</b>	<i>United Nations Interim Force In Lebanon</i>
<b>US ITTAR</b>	<i>United States International Traffic Arms Regulation</i>
<b>WCO</b>	<i>World Customs Organization</i>
<b>WTO</b>	<i>World Trade Organization</i>
<b>SMK</b>	Sistem Maklumat Kastam





**PNMB**

DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD  
KUALA LUMPUR, 2020  
[www.printnasional.com.my](http://www.printnasional.com.my)  
email: [cservice@printnasional.com.my](mailto:cservice@printnasional.com.my)  
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773



[www.audit.gov.my](http://www.audit.gov.my)



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA  
ARAS 1-9, BLOK F2 & F3, KOMPLEKS F  
LEBUH PERDANA TIMUR, PRESINT 1  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62000 PUTRAJAYA